

**KE ARAH SEBUAH KUMPULAN
PERNIAGAAN BERTARAF
ANTARABANGSA DAN PEMANGKIN
KEPADA PEMBANGUNAN NEGERI
SELANGOR DAN MALAYSIA**

Selaku jentera penggerak utama pelaburan Kerajaan Negeri, KDEB komited dalam memainkan peranannya sebagai peneraju kepada pembangunan negeri Selangor. Dengan menggunakan teknologi terkini dan tenaga pakar profesional bagi mencapai kecemerlangan di dalam segala aktiviti, KDEB bersedia untuk memenuhi cabaran alaf baru.

Berebak pembabitan, kepakaran serta pengalaman yang dimiliki oleh KDEB dalam bidang perniagaan, KDEB berkeyakinan penuh untuk mengembangkan sayapnya dalam bidang lain yang lebih mencabar, iaitu:

- Pembangunan Hartanah
- Prasarana dan Utiliti
- Teknologi Maklumat
- Perhotelan, Kelab dan Rekreasi
- Pengurusan Pelaburan Dana Modal
- Pembuatan



Kumpulan Perangsang Selangor Berhad



Carpets International Malaysia Berhad



Tabung Amanah Saham Selangor Berhad



Holiday Inn Shah Alam



Quality Hotel City Center



SAP Holdings Berhad



Permodalan Negeri Selangor Berhad



Brisdale Holdings Berhad



Darul Ehsan Multimedia Corporation Sdn. Bhd.

**BERGERAK MENUJU
KE ALAF BARU**



KUMPULAN DARUL EHSAN BERHAD(148040-T)
Tingkat 17, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-550 3999 Fax: 03-550 9977
URL: <http://www.kdeb.com.my> E-mail: webmaster@kdeb.com.my

WAJAH, AMANAH & WAWASAN

Biografi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, 1999-2004



Selangor Maju Bersama Negara

ISBN 983-40401-0-5
Hakcipta Terpelihara
Cetakan Pertama © 2000

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Amalan Nurani Sdn. Bhd. atau Unit Perhubungan Awam Negeri Selangor.

Diterbitkan oleh

AMALAN NURANI SDN.BHD.
10-3B, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya,
55100 Kuala Lumpur

Dengan kerjasama



Unit Perhubungan Awam Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

Pencetak /Pemisahan Warna

Karisma Publications Sdn. Bhd. (S19631-P)
No.5, Jalan Pengeluaran U1/78
Hicom Glenmarie Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Reka bentuk oleh

Warta Seni Sdn. Bhd.
10-3B, Jalan Pandan 3/10,
Pandan Jaya,
55100 Kuala Lumpur.

MA
922-289512
WPI
f

M
1115782

K A N D U N G A N

MUKADIMAH	7	•	YB. Dato' Hj. Mufli bin Shuib	
PERUTUSAN		•	ADUN N. 19 Ampang	64-66
YAB. Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo		•	YB. Dato' Hj. Ahmad Bhari bin Abd. Rahman	
Dato' Menteri Besar Selangor	8	•	ADUN N. 14 Selayang Bharu	68-69
		•	YB. Dato' Hj. Mad Aris bin Hj. Mad Yusof	
		•	ADUN N. 20 Pandan	70-71
PERUTUSAN		•	YB. Dato' Teh Chang Ying	
YB. Dato' Seri Haji Onn bin Haji Ismail,		•	ADUN N. 42 Pelabuhan Klang	72-73
Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor	9	•	YB. Dato' Hj. Abdul Rahman Paili	
		•	ADUN N. 39 Sementa	74-76
BIOGRAFI ADUN-ADUN SELANGOR		•	YB. Dato' Abdul Samad bin Maharuddin	
		•	ADUN N. 45 Morib	78-80
Y.A.B. Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo		•	YB. Dato' Hj. Mohamad Satim bin Diman	
Dato' Menteri Besar Selangor		•	ADUN N. 29 Puchong	81-83
ADUN N. 4 Sungai Panjang	11-18	•	YB. Dato' Lee Hwa Beng	
YB. Dato' Seri Haji Onn bin Haji Ismail		•	ADUN N. 34 Subang Jaya	84-86
Tuan Speaker DUN Negeri Selangor	19-21	•	YB. Dato' Hj. Zainal Abidin bin Sakom	
YB. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad		•	ADUN N. 9 Batang Kali	87-90
ADUN N. 22 Dusun Tua	22-25	•	YB. Datin Paduka Hajjah Mesrah Selamat	
YB. Dato' Tang See Hang		•	ADUN N. 12 Jeram	92-94
ADUN N. 13 Rawang	27-29	•	YB. Dato' Ismail Hj Kijo	
YB. Dato' Ch'ing Toh Eng		•	ADUN N. 21 Lembah Jaya	95-96
ADUN N. 8 Kuala Kubu Bharu	31-33	•	YB. Dato' Jaci bin Ismail	
YB. Dato' Abdul Fatah bin Iskandar		•	ADUN N. 38 Meru	97-99
ADUN N. 43 Sijangkang	34-37	•	YB. Tuan Liew Chee Khong	
YB. Dato' K. Sivalingam		•	ADUN N. 48 Sungai Pelek	100-101
ADUN N. 11 Ijuk	38-40	•	YB. Dato' Chia Kim Lem	
YB. Dato' Haji Mohd Shariff bin Jajang		•	ADUN N. 5 Sekinchan	102-104
ADUN N. 47 Dengkil	41-43	•	YB. Dato' Ei Kim Hock	
YB. Dato' Hj. Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan		•	ADUN N. 44 Telok Datok	105-106
ADUN N. 33 Kelana Jaya	45-47	•	YB. Dato' Hj. Mohd Khailani bin Mangon	
YB. Dato' Norkhaila bt. Jamaluddin		•	ADUN N. 46 Batu Laur	107-108
ADUN N. 28 Taman Medan	48-50	•	YB. Dato' Liew Yuen Keong	
YB. Dato' Hj. Raja Ideris bin Raja Ahmad		•	ADUN N. 30 Seri Kembangan	109-111
ADUN N. 2 Sabak	51-53	•	YB. Dato' Hoh Hee Lee	
YB. Dato' Ir. Lum Weng Keong		•	ADUN N. 31 Balakong	112-113
ADUN N. 32 Bukit Lanjan	54-56	•	YB. Tuan Hj Mat Yasir bin Ikhsan	
YB. Dato' Salamon bin Selamat		•	ADUN N. 1 Sungai Air Tawar	114-115
ADUN N. 35 Batu Tiga	57-58	•	YB. Dato' Mohamed Idris bin Abu Bakar	
YB. Dato' Seri Dr. Abu Hassan bin Omar		•	ADUN N. 7 Hulu Bernam	116-118
ADUN N. 10 Permatang	59-62	•		

YB. Dato' Hj Sulaiman bin Samat		• INDEKS PENGIKLAN	
ADUN N. 15 Paya Jaras	119	•	
YB. Tuan Jagarasih a/l Verasamy		• Hicom Holdings Berhad	Muka Belakang
ADUN N. 16 Sungai Tua	121 - 122	• Perwira Affin Bank	1
YB. Tuan Ahmad Kuris bin Mohd Noor		• Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	2
ADUN N. 24 Beranang	123 - 124	• Concorde Hotel	26
YB. Tuan Lim Choon Kim		• SRT Travel & Tours Sdn. Bhd.	30
ADUN N. 25 Damansara Uta	125 - 126	• EON Berhad.	44
YB. Tuan Dr. Wong Sai Hou		• Akademi Sempoa & Mental Arithmetics	
ADUN N. 26 Kampung Tun	127- 129	• UC Mass Sdn.Bhd	66
YB. Tuan Lim Thuang Seng		• MRCB	67
ADUN N. 27 Bukit Gasin	130 - 131	• PNSB-ACMAR Sdn.Bhd.	77
YB. Tuan Ahmad Nawawi bin Dato' M. Zin		• Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK)	90
ADUN N. 36 Sungai Rengga	132 - 133	• Central Spectrum	91
YB. Puan Kamala a/p Annasamy		• Woodpecker Industries Sdn.Bhd.	101
ADUN N. 37 Kota Raja	134 -136	• Ansha Workshop Sdn.Bhd.	1 04
YB. Dato' Zakaria bin Hj Md. Deros		• EhsanPelangi Sdn.Bhd.	104
ADUN N. 40 Selat Klang	137 - 139	• Tuah Mahir Sdn.Bhd.	118
YB. Dato' Dr. Hassan bin Mohamed Ali		• Premier Ayer Bristol Sdn.Bhd.	120
ADUN N. 6 Sungai Burung	140	• PermodalanNegeri Selangor Berhad (PNSB)	140
YB. Dato' Ismail bin Kamus		• Abdul Halim Abdullah Enterprise	147
ADUN N. 17 Gombak Setia	141	• Warta Seni Sdn.Bhd.	148
YB. Tuan Sallehen bin Mukhyi		•	
ADUN N. 3 Sungai Besar	142	•	
YB. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar		•	
ADUN N. 23 Kajang	143	•	
YB. Tuan Teng Chang Khim		•	
ADUN N. 41 Bandar Klang	144	•	
YB. Tuan Mohamed Azmin bin Ali		•	
ADUN N. 18 Hulu Klang	145	•	
HELLO YB! - Panduan Telefon ADUN	147-151	•	
Peta Kawasan DUN Selangor	152	•	
Gambar Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, 1999 - 2004	153	•	

MUKADIMAH

WAJAH, AMANAH & WAWASAN –

Biografi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, 1999 - 2004

Buku memainkan peranan yang amat penting walaupun menghadapi persaingan dengan ledakan teknologi maklumat melalui penggunaan alatan elektronik. Antaranya ialah kerana kos penerbitan sesebuah buku lebih murah jika dibanding dengan harga sebuah komputer peribadi. Begitu juga maklumat mudah disebarkan melalui buku kerana ia mudah dibawa kemana-mana. Tidak dapat tidak kita harus akui peranan yang dimainkan oleh buku. Kerajaan juga amat menggalakkan penerbitan buku dalam pelbagai bidang dalam usaha memujuk tabiat membaca di kalangan rakyat di samping menggalakkan penggunaan teknologi maklumat.

Bertitik tolak dengan itulah maka sebuah buku berbentuk biografi diterbitkan bertajuk '*Wajah, Amanah & Wawasan Biografi Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, 1999 - 2004*'. Buku ini diterbitkan oleh Amalan Nurani Sdn. Bhd. dengan kerjasama Unit Perhubungan Awam Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan.

SKOP BUKU

Buku ini berbentuk biografi. Ia memuatkan latar belakang keluarga, latar belakang pendidikan, latarbelakang kerjaya sebelum menceburi politik, penglibatan mereka dalam politik sama ada di peringkat cawangan, bahagian, negeri mahupun pusat, penglibatan mereka dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan, latar belakang kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang mereka wakili, penglibatan mereka dalam pilihan raya umum, anugerah serta penghormatan yang diperolehi dan idea-idea serta wawasan mereka terhadap kawasan DUN yang mereka wakili.

Seramai 42 orang wakil rakyat dari parti BARISAN NASIONAL dan enam orang dari parti pembangkang dimuatkan biografi mereka dalam buku ini.

OBJEKTIF BUKU

(a) Sebagai satu cara menghargai akan peranan, jasa dan pengorbanan wakil rakyat-wakil rakyat negeri Selangor Darul Ehsan yang selama ini bertungkus-lumus menjayakan hasrat dan cita-cita bagi memajukan negeri Selangor Darul Ehsan selaras dengan hasrat menjadikan Selangor Negeri Maju 2005.

(b) Sebagai satu cara mendedah dan menyebarkan maklumat kepada rakyat negeri Selangor supaya lebih mengenali wakil rakyat-wakil rakyat mereka.

(c) Sebagai satu bahan rujukan kepada pencinta-pencinta politik.

(d) Sebagai satu saluran di mana wakil rakyat-wakil rakyat ini dapat menuyarkan idea dan wawasan mereka agar dapat difahami oleh rakyat.

(e) Agar dapat dijadikan satu bahan sejarah dan bahan kenang-kenangan kepada wakil rakyat-wakil rakyat Negeri Selangor apabila mereka bersara kelak dari politik.

SUSUNAN BUKU

Buku ini disusun mengikut kedudukan dan senioriti ADUN-ADUN dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Ia didahului dengan biografi Menteri Besar Selangor, Speaker DUN, anggota-anggota EXCO Kerajaan Negeri dan diikuti dengan barisan ADUN-ADUN.

Susunan ini mendapat persetujuan dan pengesahan daripada Ketua Pegawai Perhubungan Awam Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

SUMBER BAHAN DAN MAKLUMAT

Bahan-bahan dan maklumat yang dimuatkan dalam buku ini adalah diperolehi sama ada daripada temu bual terus dengan ADUN-ADUN yang terlibat, dibekalkan sendiri oleh ADUN-ADUN yang terlibat dan hasil dari kajian yang dibuat oleh penyusun.

PENUTUP

Apakah pasti buku ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada mereka yang dahagakan maklumat mengenai wakil rakyat-wakil rakyat negeri Selangor terutamanya kepada pencinta-pencinta politik, kanak-kanak sekolah, pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi, rakyat Negeri Selangor khususnya dan rakyat Malaysia amnya.





مترى بسر سلاڠور

MENTERI BESAR SELANGOR

PERUTUSAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh.

Berbanyak bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah memberikan keizinan-Nya untuk menerbitkan buku *Wajah, Amanah dan Wawasan* ini. Buku ini memuatkan biografi, peranan, jasa dan pengorbanan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor (ADUN) bagi tahun 1999 hingga 2004.

2. Saya amat berbangga dengan inisiatif Unit Perhubungan Awam Negeri dan Syarikat Amalan Nurani Sdn. Bhd. kerana telah bertungkus-lumus menyediakan bahan-bahan untuk menerbitkan sebuah buku sempena mengenang jasa serta usaha murni wakil rakyat-wakil rakyat ini dalam mencorakkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang disegani, cekap dan efektif dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan negeri. Ini selaras dengan konsep 4E pentadbiran negeri Selangor iaitu *Education, Effective, Efficient* dan *Electronic Government*.

3. Adalah diharapkan lebih banyak lagi usaha untuk menerbitkan buku-buku seumpama ini pada masa hadapan dan akan dijadikan sumber rujukan kepada seluruh rakyat Malaysia serta pelabur yang ingin melabur di negeri Selangor untuk mendapatkan maklumat tentang dasar-dasar Kerajaan Negeri Selangor.

“SEMOGA SEGALA YANG DIRANCANGKAN DIIBERKATI ALLAH S.W.T.”

(DATO' DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO)



YB. DATO' SERI HJ. ONN BIN HJ. ISMAIL
SSSA., D.P.M.S., J.M.N., K.M.N., S.M.S., P.K.K.
TUAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN



PERUTUSAN

Buku *Wajah, Amanah dan Wawasan-Biografi Ahli-ahli Undangan Negeri Selangor 1999-2004* amat menarik minat saya kerana ia pertama kali diterbitkan baik sepanjang saya berkhidmat sebagai wakil rakyat mahupun sebagai Tuan Speaker DUN Selangor. Selama ini peranan dan jasa seseorang wakil rakyat itu jarang ditonjolkan menyebabkan rakyat menerima maklumat yang tidak betul. Saya berharap dengan adanya buku ini, segala maklumat yang tidak betul mengenai wakil rakyat dapat diperbetulkan. Saya juga berharap buku ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kerana ia mempunyai maklumat yang cukup berharga kepada mereka yang dahagakan maklumat.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada Unit Perhubungan Awam Negeri Selangor dan Syarikat Amalan Nurani Sdn. Bhd. yang gigih berusaha menerbitkan buku ini. Teruskan berusaha bersama-sama Kerajaan Negeri pada masa-masa akan datang untuk melahirkan rakyat negeri Selangor yang bermaklumat.

Sekian, terima kasih.

Salam Hormat

DATO' SERI HAJI ONN BIN HAJI ISMAIL



Y. A. B. DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
SPMS, PJK.
MENTERI BESAR SELANGOR
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN DAN
BELANJAWAN, PENSWASTAAN, TANAH, AGAMA ISLAM,
PENTADBIRAN MESRA RAKYAT, PEMBANGUNAN INSAN
ADUN N. 4 SUNGAI PANJANG

Tiada siapa yang dapat melawan ketentuan Allah S.W.T dan juga tiada siapa pun menduga dalam usia baru 35 tahun, beliau akan dilantik menjadi Menteri Besar Selangor yang ke-13. Menjadikan beliau Menteri Besar Selangor yang paling muda dalam sejarah politik negeri Selangor. Tanggal 18 Ogos 2000, merupakan tarikh keramat bagi Dr. Mohamad Khir bin Toyo kerana pada tarikh inilah beliau telah diumumkan menjadi pengganti kepada Dato' Seri (Dr.) Abu Hassan Omar, bekas Menteri Besar Selangor yang bersara akibat masalah kesihatan. Pada 24 Ogos 2000, beliau telah mengangkat sumpah di hadapan Pemangku Sultan Selangor Tengku Idris Shah di Istana Alam Shah dan dengan secara rasminya menjadi Menteri Besar Selangor.

Inilah pilihan yang dibuat oleh YAB. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad setelah diambil kira pelbagai faktor. Ramai pihak yang menganggap pilihan ini tepat kerana ini akan memberi peluang kepada golongan muda menunjukkan bakat dan kebolehan mereka dalam menerajui kepimpinan sesebuah negeri. Ini juga akan memberi satu ruang dan peluang untuk menarik lebih ramai lagi golongan muda menyertai semula UMNO yang dewasa ini agak jauh dari parti pemerintah.

Dr. Mohamad Khir dikenali sebagai seorang anak muda yang agak kurang bercakap, kuat pegangan agama, suka membantu golongan



Menerima anugerah 'Wira Baru Selangor' dari Dato' M.G. Pandithan, Presiden Parti IPF



Sentiasa mengamalkan perkhidmatan 'Mesra Rakyat'

miskin, kuat bekerja dan suka merendah diri. Tetapi yang penting baginya kata beliau ialah kurangkan bercakap dan lebih bekerja. Sebagai seorang anak muda yang berwawasan beliau meletakkan pembangunan insan sebagai pokok utama dalam memajukan negeri Selangor. Kerana baginya tidak guna jika kita meletakkan pembangunan fizikal semata-mata jika pembangunan insan kita abaikan. Ia perlu diletakkan selari agar dapat melahirkan insan yang bertakwa.

Dilahirkan pada 6 Ogos 1965 di Tali Air 2, Ban 4, Sekinchan, Selangor dalam sebuah keluarga petani. Mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan, Parit 3, Sungai Burung sebelum meneruskan persekolahan menengahnya di Sekolah Menengah Dato' Harun, Tanjung Karang, Selangor sehingga ke tingkatan lima. Sejak zaman persekolahan lagi, beliau dikenali sebagai

seorang yang kuat belajar. Kemiskinan keluarga tidak sedikit pun mematahkan semangat beliau untuk belajar sehingga ke peringkat tertinggi. Di usia yang begitu muda, beliau telah belajar erti kepayahan dan kesusahan hidup. Berkat doa ibu bapa dan kesungguhan beliau, beliau berjaya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM sehingga beliau terpilih melanjutkan pelajarannya ke tingkatan enam dalam aliran sains di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar. Beliau hanya di situ selama enam bulan sahaja apabila beliau berjaya terpilih mengikuti Pendidikan Asasi Sains di Universiti Malaya selama dua tahun iaitu dari 1982 hingga 1984. Tamat sahaja pendidikan Asasi Sains selama dua tahun, beliau seterusnya menyambung pelajarannya ke Fakulti Pergigian Universiti Malaya dalam bidang pergigian sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian pada tahun 1989. Untuk maju dalam pelajaran, beliau

pernah membuat pelbagai jenis kerja bagi menampung wang pengajian. Beliau pernah menghadapi kesukasan bagi membiayai yuran pengajian kemasukan ke semester pertama akibat kemiskinan keluarga. Beliau pernah menagih simpati di masjid-masjid dan surau-surau, pernah mengambil upah menanam padi, menjual ais krim dan pernah mengambil upah sebagai pemungut surat khabar lama di Utusan Melayu. Ini menjadikan beliau sebagai seorang yang tahan diuji dan mempunyai sifat simpati dan kasih yang amat mendalam kepada golongan bawahan dan tidak berkemampuan. Sifat kegigihan beliau juga menjadi contoh kepada adik-beradik beliau yang lain.

Beliau telah mula menunjukkan ciri-ciri kepimpinan yang jati sejak menuntut di universiti lagi. Di sinilah beliau mula memupuk nilai-nilai kepimpinan dengan bergerak aktif dalam pelbagai persatuan dan kelab. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai Presiden Persatuan Pergigian Universiti Malaya, pernah menduduki Kerusi Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya dan menduduki Kerusi Ahli Jawatankuasa Persatuan Mahasiswa Malaysia. Beliau juga pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Kolej yang aktif dalam menganjurkan Program Baktisiswa dan Program Anak Angkat.

Penglibatan beliau dalam aktiviti sosial dan pertubuhan diteruskan lagi sebaik sahaja tamat pengajian beliau di universiti dan mula menjawat jawatan sebagai seorang doktor gigi. Jawatan



Melakukan lawatan ke Pulau Ketam bertemu dengan rakyat pelbagai keturunan



Sedang menerima cenderahati dari MCA Tanjung Karang

pertama yang beliau sandang ialah sebagai Pegawai Pergigian di beberapa buah klinik pergigian swasta di sekitar Lembah Klang selama enam bulan. Pada tahun 1990, beliau mula bertugas di Hospital Kerajaan Sabah sebagai Pegawai Pergigian. Selama dua tahun di Sabah, beliau pernah bertugas di Kota Kinabalu, Sandakan dan Kudat. Di Sabah juga beliau aktif dalam Persatuan Kebajikan Islam, Hospital Duchess of Kent. Sandakan dengan menjadi Setiausaha.



Ketika majlis pengumuman calon-calon pilihan raya 1999



Ketika hari penamaan calon pilihan raya 1999

Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan ialah menganjurkan program rawatan dan berkhatan secara percuma. Beliau juga pernah menjadi pengerusi kepada jawatan kuasa mendirikan surau di Hospital Duchess of Kent, Sandakan melalui kutipan dan derma orang ramai.

Pada tahun 1992, beliau kembali semula ke Semenanjung dan bertugas pula sebagai Pegawai Pergiangan di Penjara Kajang sehingga 1993. Pada tahun 1993, beliau mengambil keputusan berhenti

daripada kerajaan dan membuka klinik sendiri di Bandar Kajang sehingga kini. Beliau juga merupakan Ketua Kumpulan Perubatan Kajang yang antara lain aktiviti mereka ialah mengadakan program rawatan perubatan dan pergigian di sekitar Daerah Hulu Langat, Kelang, Kuala Selangor, Kuantan, Melaka, Rompin, Tanjung Karang dan perkampungan Orang Asli dalam negeri Selangor. Program-program tersebut terus berjalan hingga kini. Selain daripada itu, Dr. Mohamad Khir juga merupakan pengasas kepada penubuhan Koperasi Tanjung Karang dan Yayasan Tanjung Karang serta menjadi Setiausaha Koperasi Kotakar Tanjung Karang Berhad.

Sebagai seorang anak muda yang berwawasan dan aktif dalam membantu golongan yang kurang upaya dan miskin, beliau memilih parti UMNO sebagai landasan bagi beliau untuk terus menabur bakti kepada

masyarakat. Ini kerana beliau merasakan hanya melalui UMNO beliau mampu meneruskan perjuangannya. Beliau mula terlibat dengan UMNO sejak di tingkatan lima lagi. Tetapi disebabkan usia dan masih bersekolah beliau hanya aktif sebaik sahaja habis pengajian beliau di universiti. Beliau bermula dengan memegang jawatan sebagai Ketua UMNO Cawangan Sungai Burung Timur pada tahun 1993. Jawatan itu beliau pegang hingga kini. Pada tahun 1995, beliau memenangi pula kerusi Ahli Jawatankuasa



Walaupun sudah bergelar Menteri Besar, beliau tetap tidak lupa kerjaya beliau sebelum ini iaitu sebagai doktor gigi

Pemuda UMNO Bahagian Tanjung Karang yang beliau pegang hingga 1997. Dengan latar belakang pendidikan yang tinggi dan dikenali sebagai seorang anak muda yang berpotensi, beliau tidak mengambil masa lama untuk terus berkembang dalam politik apabila terpilih menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tanjung Karang pada tahun 1998. Beliau masih memegang jawatan tersebut hingga kini. Di samping itu juga beliau merupakan Pengerusi Biro Belia dan Sukan UMNO Bahagian. Di peringkat pusat, beliau pernah dilantik menjadi Naib Pengerusi Majlis Latihan Kemahasiswaan, Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Dalam Pemilihan Agung UMNO Mei 2000, beliau berjaya terpilih sebagai Ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dan kini beliau merupakan Pengerusi Majlis Hal-ehwal Agama Islam Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Setelah dilantik menjadi Menteri Besar Selangor, beliau telah mendapat kepercayaan Presiden UMNO dengan dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO

Negeri Selangor. Ternyata bintang tokoh muda ini dalam bidang politik cukup gemilang. Beliau hanya mengambil masa tujuh tahun untuk berada di tangga tertinggi kepimpinan UMNO negeri Selangor. Ini cukup sebagai bukti betapa anak muda berwawasan ini akan menjadi tokoh yang akan dikenang sejarah sebagai tokoh besar yang akan membawa kegemilangan kepada negeri Selangor.

Dr. Mohamad Khir terpilih bertanding buat pertama kali dalam pilihan raya umum 1999 menggantikan Dato' Mohamad Fauzi Murad bagi kerusi DUN Sungai Panjang menentang calon PAS Mohd Fadzlin Taslimin. Beliau menang pada percubaan kali pertama dengan majoriti 165 undi. Memperoleh 4,243 undi berbanding lawannya yang mendapat 4,078 undi. Walaupun undi majoritinya kecil tetapi dikira satu kemenangan yang besar bagi beliau memandangkan kebangkitan pihak pembangkang khususnya PAS di kawasan tersebut agak hebat. Satu daripada tiga

kawasan DUN di Parlimen Tanjung Karang iaitu Sungai Burung turut dikuasai oleh PAS yang hanya memenangnya dengan 91 undi majoriti.

DUN Sungai Panjang terletak dalam kawasan Parlimen Tanjung Karang. Mempunyai seramai 12,013 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, Melayu 98.76%, Cina 1.1% dan India 0.14%.

Sebaik sahaja dinobatkan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru, beliau telah mengumumkan beberapa pendekatan dalam menerajui Negeri Selangor. Beliau memperkenalkan prinsip **4E iaitu Pendidikan (Education), Efisien, Efektif dan Elektronik** sebagai landasan dalam menggerakkan kerajaan negeri. Beliau memberi jaminan aktiviti-aktiviti agama tidak diabaikan. Ini sesuai dengan titah Yang Dipertuan Agong selaku Sultan yang memerintah negeri Selangor kepada beliau supaya lebih banyak memberi tumpuan kepada aktiviti agama. Ini amat penting kerana selaku sebuah negeri yang maju, sudah pasti negeri Selangor dibanjiri oleh pelbagai golongan manusia



Sentiasa berbincang dengan pegawai-pegawai beliau

yang sudah pasti akan membawa pelbagai penyakit sosial. Negeri Selangor perlu menyeimbangkan antara pembangunan fizikal dan rohani. Tegas beliau **“Ini adalah selaras dengan usaha mencapai sasaran menjadikan Selangor sebagai negeri maju menjelang tahun 2005 tanpa melupakan pembangunan insan”**.

Beliau turut mengarahkan agar lebih banyak papan tanda menyenaraikan nombor telefon jabatan kerajaan negeri dibina bagi memudahkan orang ramai membuat aduan mengenai pentad-

biran negeri. Ini katanya, boleh dijadikan sebagai rujukan dan boleh dihubungi secara percuma oleh orang ramai bagi mengemukakan sebarang masalah berkaitan. Ini sesuai dengan hasrat beliau yang ingin melaksanakan pentadbiran yang berkonsepkan mesra rakyat selain menjalankan sistem yang cekap, efektif dan



Beliau mudah ditemui oleh orang ramai



Sikap beliau yang mudah mesra dengan sesiapa sahaja termasuk dari pihak media amat disenangi

efisien. Sesuai dengan arahan tersebut juga, Dr. Mohammad Khir mengarahkan agar semua Ahli Dewan Undangan Negeri, ketua jabatan kerajaan negeri dan pegawai-pegawai yang berkaitan mengkhususkan tiga Jumaat dalam sebulan untuk bertemu dengan rakyat. **"Bagi tempoh itu,**

dikehendaki tidak mengadakan sebarang mesyuarat atau temu-janji, sebaliknya membuka pintu pejabat untuk dikunjungi orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan," tegas beliau. Ini jelas sebagai satu usaha untuk mendekatkan pemimpin dengan rakyat memandangkan agak sukar rakyat bertemu dengan wakil rakyat pada hari-hari tertentu. Bagi memastikan arahan ini dipatuhi, beliau berjanji akan membuat lawatan

mengejut ke jabatan-jabatan terbabit dan beliau sendiri akan membuka pintu pejabat beliau untuk tujuan tersebut.

Sesuai dengan kehendak dan wawasan beliau ke arah membawa pentadbiran Negeri



Sedang berucap di sebuah majlis di Sabak Bernam

Selangor yang bersih dan cekap, beliau telah mewujudkan empat portfolio baru bagi memantapkan jentera pentadbiran negeri. Ini juga adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak dan keperluan semasa terutamanya aspek pembangunan insan. Antaranya ialah portfolio Pentadbiran Mesra rakyat, pembangunan insan, tanah Rezab Melayu, pembangunan serta pemulihan hal ehwal bekas tentera dan polis. Beliau sendiri mengetuai portfolio Pentadbiran Mesra Rakyat dan Pembangunan Insan.

Keikhlasan beliau dalam menerajui kepimpinan negeri Selangor jelas dapat dilihat dari kata-kata beliau iaitu, "Bagi saya, apa yang penting adalah untuk bekerja dengan penuh komited dan bertanggungjawab bagi meneruskan agenda pembangunan negeri Selangor yang sudah dirancang, khusus untuk mencapai wawasan negeri Selangor maju menjelang

tahun 2005. Saya akan berusaha menyatupadukan rakyat Negeri Selangor serta menggerakkan kepemimpinan negeri dan rakyat untuk berusaha gigih dalam semua bidang dan mencapai apa juga perkara yang dihajati seterusnya bersyukur dengan apa yang dilakukan dan dicapai."



Kemesraan beliau dan isteri sentiasa terserlah walau di mana pun mereka berada



Sedang menyampaikan hadiah di malam Anugerah Industri Selangor 2000



DATO' SERI HAJI ONN BIN HAJI ISMAIL
SSSA, DPMS, JMN, KMN, SMS, PJK, FICM (UK)
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

Nama Dato' Seri Haji Onn Haji Ismail dalam politik Negeri Selangor tidak perlu diperkenalkan lagi. Nama ini cukup sinonim dengan UMNO negeri Selangor. Sebagai tokoh veteran dalam UMNO, beliau telah menunjukkan sikap yang cukup terpuji apabila walaupun nama beliau tidak termasuk dalam senarai calon BN dalam pilihan raya 1999 yang lalu.

Ada dua perkara menarik mengenai Dato' Seri Onn Ismail. Pertamanya, beliau telahpun berkhidmat dengan enam orang Menteri Besar Selangor sejak mula terpilih sebagai wakil rakyat iaitu sejak tahun 1974. Keduanya, beliau tidak pernah tewas dalam setiap pilihan raya yang disertainya iaitu mulai tahun 1974 hinggalah 1995 iaitu selama enam penggal.

Dato' Seri Haji Onn Ismail dilahirkan pada 9 Mei 1938 di Kampung Sungai Pinang, Klang, Selangor. Beliau mendapat pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Klang dari tahun 1948 hinggalah tahun 1954. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim iaitu sebuah pusat latihan perguruan yang banyak melahirkan tokoh-tokoh pejuang tanah air seperti Tun Ghaffar Baba. Selepas itu beliau menyambung latihan perguruan-annya di Institut Bahasa, Kuala Lumpur.

Sebaik sahaja menamatkan latihan perguruan-annya beliau memulakan kerjaya sebagai guru

dengan mengajar di Sekolah Melayu Pulau Lumut. Kemudiannya ke Sekolah Melayu Assam Jawa, Kuala Selangor dan Kolej Islam Klang sebelum ke sekolah Menengah Tengku Armpuan Rahimah Klang. Beliau menamatkan kerjaya perguruan-nya dengan menjadi pensyarah bahasa di Universiti Malaya hingga tahun 1974 sebelum berhenti untuk menumpukan sepenuh masanya di bidang politik.



Bersama Menteri Besar Selangor dalam majlis Mesra Rakyat di Kapar

Pembabitan beliau dalam politik bermula dengan menjadi ahli biasa UMNO di Cawangan Kampung Raja Uda, Klang. Peningkatan kerjaya beliau dalam politik meningkat sedikit demi sedikit dengan memegang jawatan sebagai Ketua UMNO

Selangor pada tahun 1975 hingga 1978 dan pada masa yang sama turut memegang jawatan sebagai Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Pada tahun 1980, nasib beliau terus menyerlah dengan memenangi jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Klang.

Apabila berlaku persempadanan semula kawasan, beliau beralih pula ke kawasan Kapar. Beliau kini merupakan Ketua UMNO Bahagian Kapar yang beliau mula pegang sejak tahun 1984. Di samping itu, di peringkat Badan Perhubungan UMNO Negeri beliau pernah mendapat kepercayaan UMNO Selangor dengan dilantik memegang jawatan sebagai Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor yang telah mula beliau pegang sejak tahun 1982 sehingga Ogos 2000. Kini, beliau dilantik pula menjadi Penasihat Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor. Dalam pemilihan Agung UMNO tahun 1999, beliau telah mendapat kepercayaan perwakilan UMNO seluruh negara dengan terpilihnya beliau sebagai Timbalan Pengerusi Tetap UMNO. Ini jelas sebagai bukti bahawa ketokohan beliau bukan sahaja diiktiraf oleh ahli-ahli UMNO Selangor bahkan juga seluruh negara.

Ketegasan dan ketokohan beliau dalam politik tidak perlu dipertikaikan lagi. Malahan sewaktu menjawat jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO Negeri Selangor, beliau telah memainkan peranan yang amat penting dalam kes bekas Menteri Besar Selangor Dato' Harun. Beliau bersama-sama dengan anggota pemuda UMNO yang lain telah menahan pihak anggota keselamatan daripada menangkap Dato' Harun kerana tuduhan melakukan rasuah sehinggakan penahanan Dato' Harun tertangguh selama lima



Dalam satu program Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK)

hari. Ini beliau lakukan atas dasar prinsip. Baginya Dato' Harun tidak bersalah dan beliau berjaya membuktikannya. Di samping itu beliau turut tegas dalam memperjuangkan hal-hal yang bersangkutan dengan bangsa dan agama. Maka tidak hairanlah beliau turut mendapat kepercayaan Dewan Undangan Negeri Selangor dengan dilantik menjadi Speaker DUN sejak tahun 1995 lagi hingga kini.

Beliau turut aktif dalam aktiviti sosial. Antara jawatan yang beliau pernah pegang ialah Naib Yang Dipertua GPMS dari tahun 1974 hingga 1975, Naib Yang Dipertua Kesatuan Persuratan Penuntut Melayu Selangor dari tahun 1974 hingga 1978 dan Pengerusi Belia Daerah Klang pada tahun 1976. Di samping itu juga beliau pernah memegang jawatan sebagai Pengerusi Majlis Belia Selangor iaitu dari tahun 1982 hingga 1988.

Pembabitan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1974 apabila beliau terpilih bertanding di DUN Sementa. Beliau berjaya menewaskan calon PEKEMAS A.V Kathiah dan calon DAP Abd. Aziz Ismail. Dalam pilihan raya 1978, beliau menewaskan calon PAS Dahlan Rezwan. Beliau memperoleh 6,890 undi berbanding dengan calon PAS 2,184 undi.

Pilihan raya 1982, beliau berjaya mempertahankan kerusinya dengan menewaskan calon PAS Zainuddin Rawi dengan memperoleh undi sebanyak 9,054 manakala lawannya mendapat 1,983 undi. Dalam pilihan raya 1986, beliau beralih kawasan ke DUN Selat Klang dan sekali lagi beliau berjaya dengan menewaskan calon PAS Aziz Hamzah dengan majoriti 5,432 undi. Dalam pilihan raya 1990, beliau sekali lagi bertanding di kerusi yang sama dan berjaya menewaskan calon yang sama dengan majoriti 4,666 undi. Pada pilihan raya 1995, beliau sekali lagi berjaya mempertahankan kerusinya buat kali keenam berturut-turut dengan menewaskan calon PAS Mohd Ismath Habib Mohamad. Beliau memperoleh undi sebanyak 12,476 berbanding lawannya yang mendapat 3,087 undi. Ini merupakan pilihan raya yang terakhir beliau tandangi. Ternyata ketokohan beliau diterima oleh rakyat di setiap kawasan yang beliau tandangi. Kemenangan selama enam penggal berturut-turut menjadi bukti.

Dato' Seri Haji Onn Ismail telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Halimah Dato' Abdul Hamid dan dikumiakan dengan enam orang anak.



YB. Dato' Seri Onn selepas menerima bintang kebesaran bersama-sama rakan-rakan beliau



Bersama bekas Menteri Besar Selangor Dato' Seri Dr. Abu Hassan Omar dalam satu program kerajaan negeri



YB. DATO' DR. ZAINAL ABIDIN B. AHMAD
TIMBALAN MENTERI BESAR SELANGOR
DPMS

**PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP PERANCANGAN,
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, PENDIDIKAN, PEMULIHAN HAL-EHWAL BEKAS
TENTERA DAN POLIS
ADUN N. 22 DUSUN TUA**

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad tidak pernah termimpi akan dilantik menjadi orang nombor dua di Selangor. Bagi beliau penglibatan beliau dalam politik hanyalah untuk berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara, bukan untuk mengejar pangkat atau jawatan. Malah pembabitan beliau dalam politik UMNO pada tahun 1989 adalah atas desakan dan permintaan pucuk pimpinan negeri yang mahu beliau mengisi kekosongan dalam pucuk kepimpinan UMNO Bahagian Hulu Langat. Bagi beliau, adalah lebih selesa menjadi ahli akademik sepenuh masa.

Kini beliau merupakan Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat. UMNO Bahagian Hulu Langat cukup bertuah mempunyai seorang ketua yang berpendidikan tinggi malah merupakan seorang ahli akademik yang cukup dikenali bukan sahaja di Malaysia bahkan luar negara.



Bersama Dato' Seri Najib dalam satu majlis kerajaan

Beliau dilahirkan di Cheras, Selangor. Mendapat pendidikan awal di STK pada tahun 1951 melalui Special Malay Class (SMC) sehingga lulus Overseas School Certificate (OSC) pada tahun 1959. Beliau kemudian berpeluang melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Bahasa sehingga lulus Diploma in Education pada tahun 1963.

Sebaik sahaja tamat maktab beliau mula mengajar di STK. Dalam masa yang sama beliau



Mengiringi Dato' Menteri Besar dalam satu majlis kesyukuran di Sabak Bernam

turut belajar secara persendirian sehingga lulus HSC dan berjaya melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya pada tahun 1968. Beliau lulus dari Universiti Malaya dengan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) pada tahun 1971. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke peringkat sarjana di universiti yang sama dan lulus Sarjana Pendidikan pada tahun 1974. Sikap ingin terus menimba ilmu tidak berakhir di situ sahaja. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana buat kali yang kedua di University of Stanford, USA dan lulus dengan Master of Arts pada tahun 1976. Kemudiannya beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD. di University of California, USA dan lulus pada tahun 1980.

Memulakan kerjaya beliau dengan menjadi guru biasa pada tahun 1963 hingga 1968. Kemudiannya meningkat dalam kerjayanya dengan menjadi Guru Besar sebaik sahaja lulus Universiti Malaya pada tahun 1972 hingga 1973. Sebaik sahaja menamatkan pelajaran peringkat sarjana, beliau kemudiannya berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menjadi pensyarah dari tahun 1974. Hasil dari usaha gigih beliau akhirnya beliau telah diangkat menjadi Profesor Madya dan Dekan Fakulti Pendidikan dari tahun 1982 hingga tahun 1989.

Beliau membabitkan diri dalam politik sejak tahun 1974 lagi dengan menjadi AJK UMNO Cawangan Cheras pada tahun 1974. Sewaktu menjadi

ahli UMNO beliau aktif dalam setiap aktiviti UMNO baik dalam sukan mahupun pendidikan. Beliau sering menganjurkan ceramah-ceramah pendidikan bagi memastikan kecemerlangan pelajar-pelajar di kawasannya.

Beliau kemudiannya menjadi Ketua UMNO Cawangan Cheras yang telah dipegangnya sejak tahun 1986 lagi. Kini beliau adalah Ketua UMNO Bahagian Hulu Langat, Selangor.

Beliau turut aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial dengan memegang pelbagai jawatan dalam persatuan dan pertubuhan sama ada di peringkat daerah mahupun negeri. Antaranya ialah dengan menjadi Pengerusi Majlis Belia Daerah Hulu Langat sejak tahun 1984, Presiden Persatuan Murid-Murid Tua, Sekolah Dipertua PESAKA Daerah Hulu Langat dan Yang Dipertua Persatuan Bola Tampar Amatur Daerah Hulu Langat sejak 1994.

Manakala di peringkat negeri pula antara jawatan yang dipegang ialah Penasihat Kesatuan Guru-guru Melayu Cawangan Selangor sejak tahun 1984, Penasihat Persatuan Mahasiswa Selangor dari tahun 1983 hingga 1989, Yang Dipertua St. John Ambulans Kawasan Selangor Selatan sejak tahun 1991, Pengerusi Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Selangor sejak tahun 1994 dan Yang Dipertua Persatuan Besbol Negeri Selangor sejak tahun 1994.

Beliau turut terlibat dalam beberapa pertandingan kuiz peringkat kebangsaan antaranya ialah sebagai Pengerusi Kuiz Perdana dari tahun 1984 hingga 1987 dan Pengerusi Kuiz Sejarah dari tahun 1986 hingga 1988. Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad telah tiga penggal menjadi Wakil Rakyat kawasan Dewan Undangan Negeri Dusun Tua bermula sejak pilihan raya tahun 1990. Dalam pilihan raya tersebut beliau berjaya menewaskan calon Parti S46, Mohamed Arbawi Mohamad Anuar dengan



Seorang pemimpin yang sentiasa mesra dengan sesiapa sahaja

majoriti 7,470 undi. Ternyata bintang beliau cukup bersinar apabila beberapa hari selepas itu beliau diangkat menjadi Exco Kerajaan Negeri. Pada pilihan raya 1995, beliau sekali lagi berjaya mengekalkan kerusi tersebut menewaskan calon PAS dengan majoriti 10,752 undi dan turut kekal menjadi ahli Exco. Pada pilihan raya 1999, beliau berjaya mengekalkan kerusi tersebut buat kali ketiga berturut-turut dengan menewaskan calon PAS Md. Fadzil Hassan dengan majoriti 3,728 undi.

Prestasi yang ditunjukkan oleh beliau sepanjang dua penggal menjadi ahli Exco iaitu sejak tahun 1990, memungkinan beliau dilantik menjadi Timbalan Menteri Besar sebaik sahaja pilihan raya umum 1999 yang lalu. Beliau diangkat dengan rasminya menjadi Timbalan Menteri Besar pada 9 Disember 1999. Di samping itu beliau turut dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan, Pendidikan, Pemulihan Hal-Ehwal Bekas Tentera dan Polis.

Antara agenda awalnya sebaik sahaja diangkat menjadi Timbalan Menteri Besar Selangor ialah untuk cuba membawa Selangor 'ke depan' dalam pelbagai aspek seperti fizikal dan kerohanian. Sebagai sebuah negeri yang termaju di Malaysia,

Dato' Dr. Zainal mempunyai cabaran yang cukup tinggi sebagai Timbalan Menteri Besar Negeri Selangor yang menetapkan sasaran untuk menjadi negeri maju menjelang tahun 2005.

Sebelum ini beliau merupakan Exco Pertanian, Pendidikan, Luar Bandar dan Keusahawanan. Beliau terkenal sebagai ahli Exco yang suka merendah diri dan tidak banyak bercakap tetapi banyak mengeluarkan idea-idea baru untuk dimanfaatkan oleh petani-petani di negeri Selangor.

Semasa menjadi Exco Pertanian beliau telah memperkenalkan konsep pertanian baru iaitu konsep Agro-Pertanian yang telah berjaya mempertingkatkan hasil pertanian rakyat negeri Selangor. Semasa menjadi Exco Pertanian ini beliau telah berjaya menaikkan peranan Exco Pertanian yang selama ini dianggap kurang penting.

Antara aktiviti yang dirangka sewaktu beliau menjadi Exco Pertanian, Pendidikan, Luar Bandar dan Keusahawanan ialah menganjurkan Seminar dan Ekspo Teknologi Industri Berasaskan Pertanian Negeri Selangor. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kefahaman serta pengetahuan di kalangan usahawan-usahawan di Selangor serta

diharapkan akan dapat mengembangkan lagi industri berasaskan pertanian serta industri kecil dan sederhana.

Menyentuh mengenai kawasan yang diwakilinya, beliau menegaskan bahawa kawasan tersebut yang banyak terdapat dusun buah-buahan ditambah lagi dengan satu kawasan tadahan hujan iaitu Ampangan Pangsun menjadikan ia sesuai dijadikan kawasan hijau. Dengan usaha beliau, kerajaan negeri telahpun berusaha untuk menjadikan kawasan ini sebagai tempat tarikan pelancongan. Antara tempat-tempat yang telahpun dimajukan ialah Taman Rekreasi Sungai Congkak, Kawasan Perkelahan Sungai Gabai, Kolam Air Panas Dusun Tua, Taman Rekreasi Sungai Leweng dan 'Look Point' Jalan Hulu Langat – Ampang. Sebagai kawasan yang bersempadan dengan bandar raya Kuala Lumpur, banyak kawasan-kawasan seperti di sekitar KM 14, 15 dan 16 Jalan Cheras telah dibangunkan dengan taman-taman perumahan. Sebuah maktab bagi melatih pegawai-pegawai polis telahpun dibina di kawasan ini.

Sebagai bekas pendidik, beliau mempunyai wawasan yang tersendiri bagi memajukan taraf pendidikan di kawasananya. Beliau ingin menjadikan kawasan Hulu Langat sebagai Jelapang Ilmu. Lebih-lebih lagi kedudukannya yang hampir dengan pusat-pusat pengajian tinggi seperti UKM, UPM, UNITEN, Kolej IKRAM, Universiti Multimedia dan Maktab Perguruan Islam. Antara projek yang telah beliau jalankan ialah Projek Kecemerlangan Pendidikan di mana pelajar-pelajar mewakili sekolah-sekolah menengah dan rendah dalam daerah ini dihimpunkan untuk menerima bimbingan dan motivasi pada setiap penggal cuti per-sekolahan bagi membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan. Hasilnya amat menggalakkan sekali dan sekali gus gejala seperti penagihan

dadah dan jenayah dapat dikurangkan di kawasan ini.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin Siti Zaharah Mohd Zin iaitu seorang Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat. Pasangan ini telah dikurniakan dengan empat orang cahaya mata iaitu Dr. Azura, Azri Zain, Aznizah dan Azzah. Dua orang daripada anaknya telahpun berumah tangga.

Bagi Dato' Dr. Zainal Abidin Ahmad, keluarga adalah segalanya. Biar se sibuk manapun beliau menjalankan tugas sebagai wakil rakyat, anak-anak tetap diberi perhatian. Beliau akan pastikan diri beliau ada bersama anak-anak jika tidak ada tugas di luar. Biasanya dari jam 6 petang hingga 8 malam, beliau akan memastikan dirinya berada di rumah dengan anak-anak dan bersembahyang maghrib secara berjemaah. Sebagai seorang ahli akademik beliau begitu menitikberatkan pelajaran dan disiplin anak-anak. Tidak hairanlah anak-anak beliau semuanya berjaya dalam akademik.

Dato' Dr. Zainal Abidin mempunyai hobi membela ikan dan membela burung. Tidak hairanlah di hadapan rumah beliau terdapat sebuah sangkar burung yang besar dan sebuah kolam ikan. Sekiranya ada kelapangan, beliau bersama isteri akan menghabiskan masa mereka di sini. Ternyata suami isteri ini mempunyai minat yang sama. Mungkin itulah yang menjadikan rumah tangga mereka bahagia sehingga kini.



Sedang berucap dalam satu seminar menangani gejala sosial

*Dengan ingatan tulus ikhlas
daripada*



CONCORDE
HOTEL
SHAH ALAM

3, JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH C9/C, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL (6)(03) 55122200 FAKS (6)(03) 55122233
SHAH ALAM HOTEL SDN BHD (281158U)



YB. DATO' TANG SEE HANG
DPMS, DSSA, JP
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL-EHWAL
PENGGUNA, KESIHATAN
ADUN N. 13 RAWANG

YB. Dato' Tang See Hang, ADUN Rawang telah masuk penggal kelima terpilih sebagai wakil rakyat. Juga telah dua penggal mendapat kepercayaan Menteri Besar dengan dilantik menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri dengan memegang portfolio Pelaburan, Perindustrian, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna dan Kesihatan. Bolehlah dianggap sebagai wakil rakyat yang paling lama berkhidmat dan juga Ahli Exco yang senior. Berperawakan agak sederhana, mudah mesra, berwawasan dan bertanggungjawab.

Anak kelahiran Trong, Perak Darul Ridzuan ini, mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pasir Hitam, Trong sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah King Edward VII, Taiping sehingga lulus MCE.

Mula membabitkan diri dalam politik MCA dengan menjadi Setiausaha Kerja MCA Bahagian Taiping, Perak. Kemudiannya berkhidmat pula sebagai Setiausaha Kerja Pemuda MCA di Ibupejabat MCA. Tidak lama di situ, beliau dilantik pula menjadi Setiausaha Politik kepada bekas Menteri Kesihatan Dato' Lee Kim Sai.

Beliau merupakan Ketua Pemuda MCA Negeri Selangor sejak tahun 1986 hingga 1998 merangkap Naib Ketua Pemuda MCA Kebangsaan pada tahun yang sama. Di peringkat Bahagian, beliau merupakan Ketua MCA Bahagian Selayang



Segak dalam pakaian rasmi Anggota EXCO

sejak tahun 1986 hingga kini. Di peringkat negeri beliau merupakan Naib Pengerusi MCA Negeri Selangor sejak tahun 1986. Manakala di peringkat pusat, beliau adalah Ahli Jawatankuasa Pusat MCA Kebangsaan sejak tahun 1996.

YB. Dato' Tang See Hang juga turut aktif dalam pelbagai pertubuhan dan persatuan sosial dan sukarela. Antaranya ialah sebagai Pengerusi PIBG SJK (Cina) Puay Chai, Petaling Jaya, Penasihat Gerakan Belia Bersatu Malaysia Negeri Selangor, Penasihat Persatuan Gabungan Perkuburan Cina Wilayah Persekutuan, Penasihat Persatuan Penternak-penternak Selangor, Penaung Subang Jaya Buddhist Association, Penasihat Persatuan Pemiagaan Borong Kecil Pasar Borong, Penasihat Majlis Guru Besar SJK (Cina) Gombak, Penasihat Pasukan Pertahanan Awam Daerah Gombak dan Komandan Kehormat Pertahanan Awam Negeri Selangor. Beliau turut menjadi penasihat kepada beberapa buah rumah berhalal dan Tokong serta beberapa buah persatuan lain.

Mula terpilih sebagai calon sejak tahun 1982 lagi. Dalam pilihan raya umum 1982, beliau menewaskan lawannya dengan majoriti 3,360 undi. Pada pilihan raya umum 1986, beliau sekali

bertanding menentang calon DAP Tai Sing Ng dan calon PAS Hasbolah Mohd Arif. Beliau menang dengan majoriti yang meningkat iaitu 4,778 undi. Pada pilihan raya umum 1990, beliau terpilih buat kali ketiga berturut-turut menentang calon DAP Lok Sek Moah. Sekali lagi beliau berjaya dengan majoriti yang bertambah iaitu 5,657 undi. Dalam pilihan raya umum 1995, beliau berjaya buat kali keempat dengan memenangi kerusi DUN Rawang tanpa bertanding. Manakala pada pilihan raya umum 1999, beliau menentang calon DAP Lim Ching How dan calon Bebas Surdev Singh. Beliau menang dengan majoriti 4,638 undi. DUN Rawang mempunyai 26,513 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 24.43%, Cina 57.47%, India 18.01% dan lain-lain kaum 0.09%.

Menurut YB. Dato' Tang See Hang, beliau bercita-cita untuk menjadikan Rawang sebuah bandar satelit yang berkelengkapan moden dan ingin mempertingkatkan taraf hidup rakyat Rawang. Selain daripada itu, beliau akan membantu kampung-kampung baru dan Melayu di Rawang supaya menjadi kampung yang tersusun dan teratur.



Sedang menerima cenderahati daripada seorang perwakilan asing

Antara usaha dan kejayaan yang telah beliau jayakan ialah memperluaskan kawasan Rawang melalui projek perumahan di mana penduduk Rawang telah bertambah dari 15,000 orang kepada lebih kurang 50,000 orang hingga kini. Pekan Rawang yang dikenali sebagai 'Pekan Koboi' kini sudah bertukar wajah menjadi sebuah bandar yang lengkap dengan kemudahan moden dan canggih. Pembangunan yang pesat telah berjaya mewujudkan beberapa kawasan perumahan baru seperti Bandar Country Homes, Bandar Tasik Puteri, Taman Perdana, Taman Bukit Rawang, New Green Park, Taman Velox, Bandar Baru Kundang, Taman Tun Teja dan lain-lain.



Sentiasa prihatin terhadap kawasan di bawah pentadbirannya

Selain dari itu, beliau juga telah berjaya menyusun semula kawasan setinggan Batu 18, Kampung



Sentiasa prihatin dengan masalah kaum Cina

Dato' Lee Kim Sai, Kampung Melayu Kundang dengan mengeluarkan surat hakmilik kepada penduduk. Dari segi pembangunan sosial pula, dua buah sekolah baru telah berjaya dibina iaitu Sekolah Rendah Bandar Country Homes dan Sekolah Rendah Taman Bukit Rawang. Ternyata, YB. Dato' Tang See Hang seorang wakil rakyat yang berwawasan dan bertanggungjawab terhadap pengundi di kawasanya.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Yip Sow Yen dan telah dikurniakan dengan empat orang cahaya mata; tiga lelaki dan seorang perempuan.



SRT TRAVEL & TOURS SDN. BHD. (Company No. 157629-W) (90007: 0062)

No.23, Jalan SS5B/4, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : 6-03-787 40825 Fax : 6-03-787 40108 E-mail : srt17@pc.jaring.my





YB. DATO' CH'NG TOH ENG
DPMS, PJK
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU, TEKNOLOGI MAKLUMAT
ADUN N. 8 KUALA KUBU BHARU

YB. Dato' Ch'ng Toh Eng agak mudah mesra dan seorang yang peramah walaupun dengan orang yang tidak pernah beliau kenali sebelumnya. Mungkin latar belakang beliau sebagai seorang bekas pendidik yang selalu berinteraksi dengan masyarakat menjadikan beliau bersikap sedemikian. Tidak hairanlah beliau cukup disenangi oleh pengundi-pengundi di kawasan DUN Kuala Kubu Bharu yang beliau wakili sejak tahun 1995 lagi. Dengan sikap sedemikian jugalah, beliau turut mendapat kepercayaan YAB. Menteri Besar Selangor memegang jawatan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru dan Teknologi Maklumat.

Dilahirkan pada 30 Disember 1956 di Georgetown, Pulau Pinang. Mendapat pendidikan menengah beliau di Sekolah Menengah Chung Ling, Pulau Pinang sehingga lulus MCE. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di Methodist's Boy School, Pulau Pinang sehingga lulus HSC pada tahun

1976. Berbekalkan kelulusan HSC tersebut, beliau diterima pula melanjutkan pelajaran beliau ke Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur sehingga lulus Diploma Bahasa pada tahun 1979.

Sebaik sahaja lulus dari Maktab Perguruan Bahasa, beliau memulakan kerjaya dalam perguruan dengan menjadi guru di Sekolah Menengah Seri Tanjung, Kuala Selangor mulai tahun 1980. Beliau kemudiannya dilantik oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor menjadi Guru Sumber dan Penceramah Bahasa Cina di Bahagian Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.



Dato' Ch'ng bersama penyokong beliau

Sehinggalah pada tahun 1990, kebolehan dan pengalaman yang ada pada beliau telah dapat didiui oleh bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada masa itu Dato' Ting Chew Peh dengan melantik beliau menjadi Setiausaha Akhbarnya. Beliau menjadi Setiausaha Akhbarnya menteri tersebut selama dua tahun dari tahun 1990 hingga 1992 sebelum diangkat pula menjadi Setiausaha Politik menteri yang sama dari tahun 1993 hingga 1995. Pada tahun 1995, ternyata nasib beliau terus bersinar apabila terpilih pula menjadi calon BN bertanding di kawasan DUN Kuala Kubu Bharu buat kali pertama.

Beliau mula aktif dalam politik parti MCA dengan memegang beberapa jawatan penting di Bahagian Hulu Selangor. Kini, beliau merupakan Setiausaha MCA Bahagian Hulu Selangor. Di peringkat negeri pula, beliau merupakan AJK MCA Negeri Selangor, Ketua Biro Penerangan MCA Selangor dan Ketua Pergerakan Pemuda MCA Negeri Selangor. Manakala di peringkat pusat pula, beliau memegang jawatan sebagai AJK Pergerakan Pemuda MCA Kebangsaan.

Selain aktif dalam aktiviti politik, beliau turut melibatkan diri dalam beberapa pertubuhan dan persatuan bukan politik. Antaranya ialah menjadi

penasihat kepada beberapa pertubuhan seperti Gerakan Belia Bersatu Malaysia Cawangan Selangor, persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor, Persatuan Bola Keranjang Daerah Hulu Selangor dan Persatuan Bola Keranjang Daerah Kuala Selangor.

YB. Dato' Ch'ng Toh Eng mula terpilih menjadi calon bertanding dalam pilihan raya pada tahun 1995. Ternyata tuah menyebelahi beliau apabila beliau menang tanpa bertanding dalam percubaan pertama tersebut. Ini jelas sebagai satu petanda yang cemerlang dalam kerjaya politik beliau pada masa akan datang. Pada pilihan raya umum 1999 yang lalu, beliau sekali lagi terpilih bertanding di kawasan yang sama menentang calon DAP K.C. Cheah. Beliau menang dengan majoriti 4,817 undi dengan, memperoleh 7,907 undi berbanding lawannya yang mendapat 3,090 undi. Kawasan DUN Kuala Kubu Bharu mempunyai 16,622 orang pengundi. Mengikut pecahan komposisi kaumnya, kaum Melayu mempunyai 26.14%, Cina 51.3%, India 20.55% dan lain-lain kaum 2.01%.

Sebaik sahaja menang dalam pilihan raya 1995, beliau terus dilantik oleh bekas Menteri Besar Selangor pada masa itu, Tan Sri Muhammad



Dato' Ching Toh Eng dalam majlis penyampaian hadiah kepada orang istimewa

Taib menjadi EXCO pada 2 Mei 1995. Kini beliau dilantik menjadi EXCO buat kali kedua berturut-turut. Apabila berlaku rombakan jawatan selepas perantikan Menteri Besar yang baru, beliau telah diberi kepercayaan menjawat jawatan selaku EXCO Pelaburan dan Perindustrian, Penyelidikan dan Pembangunan sejak September 2000 yang lalu. Sebagai seorang Ahli Exco yang pernah memegang portfolio alam sekitar, beliau kerap menyertai rombongan Menteri Besar ke luar negara. Antaranya pada tahun 1995, beliau



Sedang mengangkat sumpah sebagai EXCO

mengetuai rombongan Kerajaan Negeri Selangor mengenai 'Kempen Kitar Semula' ke Jerman, England dan Austria. Sewaktu menjawat jawatan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan beliau turut mengetuai Rombongan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor ke London untuk menyertai Majlis Pameran Pelancongan Sedunia dan mengadakan dialog dengan pelabur-pelabur pada tahun 1998.

Beliau cuba mengubah dan mendidik rakyat negeri Selangor mencintai alam sekitar. Bagi beliau mendidik masyarakat adalah lebih baik dari mengenakan tindakan. Menurut beliau, "selalunya kita menghukum rakyat dengan mengenakan pelbagai denda dan tindakan, sebaliknya kini kita memberi anugerah kepada mereka yang berjaya mencapai sesuatu tahap dan nampaknya usaha ini memberi kesan yang positif terutamanya dalam usaha menyedarkan rakyat tentang pentingnya menjaga alam sekitar".

Berikutan dengan itu pada masa beliau menjawat jawatan tersebut kerajaan negeri

Selangor telah memperkenalkan dua anugerah alam sekitar iaitu Piala Menteri Besar untuk industri besar dan Piala EXCO untuk industri kecil dan sederhana. Program ini mula diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 1988 dan akan dijadikan acara tahunan sempena Minggu Alam Sekitar yang jatuh pada bulan Oktober setiap tahun.

Hasil daripada perjuangan yang tidak pernah jemu dalam bidang politik, beliau telah dianugerahkan dengan beberapa bintang kebesaran. Pada tahun 1973, beliau dianugerahkan dengan bintang Pingat Jaksa Kebaktian (PJK) dan bintang kebesaran Setia Mahkota Selangor (SMS) dari Sultan Selangor pada tahun 1996. Pada tahun 1999, beliau sekali lagi dianugerahkan dengan bintang kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) sempena hari keputeraan Sultan Selangor.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin See Hing dan telah dikurniakan dengan empat orang anak.



YB. DATO' ABDUL FATAH ISKANDAR
DPMS, PJK
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PEMBANGUNAN USAHAWAN, INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA, DAN BELIA
ADUN N. 43 SIJANGKANG

Sewaktu bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Hj. Mohd Taib memberikan pilihan kepada beliau sama ada ingin meneruskan kariernya sebagai ahli perniagaan atau ahli politik, beliau memilih perniagaan. Mentelah pula ketika itu namanya sebagai ahli perniagaan sedang menjulang naik. Justeru itu tidak terlintas langsung di fikirannya ingin meninggalkan kenikmatan dunia perniagaan yang sedang dikecapinya itu semata-mata untuk beralih ke bidang politik. Namun apabila Tan Sri Muhammad memujuk dan memberikan cadangan agar beliau memilih politik, Dato' Fatah Iskandar akhirnya mengalah. Beliau kemudiannya menerima cadangan tersebut.

"Tan Sri Muhammadlah yang bertanggungjawab menaikkan nama saya. Kebetulan pula pilihan raya akan diadakan tidak lama lagi. Justeru nama saya telah dicalonkan untuk bertanding kerusi DUN kawasan Kuala Langat. Ketika itu, saya terpaksa menjualkan kereta mewah saya," cerita Dato Fatah Iskandar Exco Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, dan Belia Negeri Selangor yang juga merupakan ADUN Sijangang tentang pembabitannya di bidang politik.

Nasib Dato' Fatah ternyata cerah. Beliau telah berjaya memenangi kerusi DUN Kuala

Langat dalam pilihan raya 1995 dengan majoriti 6,152 undi. Bermula dari tarikh itulah, beliau dilantik menjadi wakil rakyat dan sekali gus bergelar Yang Berhormat dalam usia muda iaitu



Dato' Fatah sewaktu menerima bintang kebesaran



Dato' Fatah sedang serius meneliti agenda yang akan dibentangkan bersama bekas MB Selangor

39 tahun. Pada pilihan raya 1999 yang lalu, beliau bertanding untuk penggal kedua di DUN Sijangkang menentang calon PAS, Dr. Mohd Salehuddin Hafiz. Beliau sekali lagi menang dengan majoriti 464 undi. Beliau dilantik semula ke jawatan lamanya sebagai ahli EXCO. Dalam rombakan barisan EXCO selepas perantikan Menteri Besar Selangor yang baru, beliau telah diberi kepercayaan mengetuai Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana dan Belia.

Kawasan DUN Sijangkang terletak dalam kawasan Parlimen Kuala Langat. Mempunyai pengundi berdaftar seramai 18,860 orang. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 72.46%, Cina 8.26%, India 19.26% dan lain-lain kaum 0.02%.

Dunia politik bukanlah baru bagi beliau. Semenjak dalam usia remaja lagi beliau sudah mula terdedah dalam aktiviti UMNO. Di peringkat permulaannya beliau cuma tolong membantu menghantar surat-surat untuk mesyuarat dan juga membabitkan diri dalam aktiviti belia di kampung kelahirannya Sijangkang. Bermula dari sanalah

kecenderungan Dato' Fatah dalam politik menyerlah. Beliau kemudiannya telah dilantik menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kuala Langat pada tahun 1986. Sebelum itu beliau pernah memegang jawatan AJK Pemuda UMNO bahagian, Penolong Setiausaha Pemuda UMNO bahagian dan Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian. Dalam masa yang sama beliau turut menjawat jawatan sebagai AJK Pemuda UMNO Selangor pada tahun 1985 hingga 1989, Penolong Setiausaha Pemuda UMNO Selangor tahun 1989 hingga 1993. Ketokohan beliau menerajui Pemuda Bahagian telah memberi kesempatan pada beliau menerajui Pemuda UMNO Selangor pada tahun 1993 hingga 1995 di samping turut terpilih menjawat jawatan EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Pada tahun 1996, beliau terpilih pula menjadi Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia hingga tahun 1999. Kini beliau juga merupakan Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat sejak tahun 1996.

Di masa mudanya, beliau berkesempatan menjadi guru sejak 1978. Dalam masa yang sama beliau turut melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Oleh kerana perniagaannya semakin



Mengiringi Dato' Seri Najib, Naib Presiden UMNO dalam satu program parti

Sebaik sahaja memenangi kerusi DUN Sijangkap pada pilihan raya umum 1995, beliau telah dilantik menjawat jawatan Exco Belia, Sukan, Kebudayaan dan Pelancongan dan Pelancongan oleh bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Mohd Taib. Nyata sekali beliau berjaya menjalankan amanah tersebut dengan berkesan sekali terutamanya dalam bidang sukan.

berkembang, Dato Fatah memberanikan diri meletakkan jawatannya sebagai guru yang disandangnya itu. Ternyata tuah menyebelahi dirinya. Perniagaan yang diceburinya telah meletakkan beliau sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya.

"Sekiranya dibandingkan kehidupan sewaktu menjadi guru dan sekarang sebagai wakil rakyat, memang terdapat banyak perbezaan. Jika dahulu, sebaik sahaja habis mengajar, saya terpaksa ke pasar untuk berniaga kelapa dan hasil tani kampung. Tapi kini tidak lagi. Sebagai wakil rakyat yang juga merangkap Exco, saya bukan sahaja terpaksa memikirkan masalah rakyat malah seluruh negeri Selangor terutama yang berkaitan dengan belia dan pembangunan usahawan. Ini membuatkan masa saya sentiasa sahaja diisi dengan pelbagai acara rasmi sehinggakan untuk bersama keluarga, saya tidak mempunyai waktu terluang langsung," Dato Fatah memberitahu.

Dato' Fatah melalui pelbagai kepayahan hidup dan tidak pernah mengimpikan kemewahan seperti orang lain. Semangat beliau dalam memperjuangkan nasib bangsa terbukti ketika dalam usia remaja. Masalah yang dihadapi oleh bangsa Melayu baik dari sudut sosial mahupun ekonomi sentiasa menggamit jiwanya. Ternyata beliau lahir dalam politik bukan untuk kesenangan dirinya tetapi matlamat utama politiknya adalah perjuangan.

Beliau lantang bersuara dalam soal-soal yang dirasakan beliau benar. Contohnya ketika beliau menjawat jawatan Exco Belia, Sukan, Kebudayaan dan Pelancongan Negeri Selangor beliau lantang bersuara membantah SUKMA VI diadakan di negeri Pahang. Ini dilakukan kerana telah ternyata Pahang belum bersedia untuk menjadi penganjur sukan tersebut. Beliau sentiasa memegang pada prinsip BERANI KERANA BENAR.

Nasib belia juga terbela dan sentiasa mendapat perhatian beliau. Contoh nyata bagaimana beliau amat memberi perhatian kepada golongan belia ialah apabila pernah sebuah persatuan belia yang beliau pimpin mendapat anugerah persatuan terbaik di peringkat kebangsaan. Begitu juga dengan sektor pelancongan. Selangor ternyata muncul sebagai daripada sebuah negeri yang menyumbangkan hasil pelancongan kepada negara. Hasil daripada usaha beliau, banyak tempat-tempat di negeri Selangor telah menjadi destinasi pelancongan yang serba unik dan menarik.

Sewaktu menjawat jawatan Exco Pertanian, Perikanan dan Penerangan Dato' Fatah amat menitikberatkan kebajikan pekebun-pekebun kecil terutamanya kelapa. Beliau telah merealisasikan program penanaman kelapa MATAG untuk menggantikan kelapa lama yang lebih berkualiti. Ternyata pekebun-pekebun kelapa mendapat pulangan yang lebih lumayan. Begitu juga dengan

nasib nelayan-nelayan. Antara program yang dirangka ialah memperkenalkan dan memberi latihan penggunaan teknologi peralatan perikanan yang lebih moden dan efektif kepada nelayan-nelayan. Beberapa program turut dirangka seperti mengendalikan latihan pemprosesan produk-produk ikan seperti memproses bebola ikan. Hasilnya nelayan-nelayan di negeri Selangor mendapat faedah yang lebih terjamin dibandingkan dengan masa lampau.

Ternyata beliau seorang tokoh muda negeri Selangor yang berwawasan. Bahkan dari segi kerja, beliau amat dikenali sebagai seorang yang berdisiplin. Dato' Fatah tegas dalam dalam membuat keputusan tetapi sentiasa bertolak ansur dalam perbincangan. Kerana itulah, beliau menjadi seorang yang amat disenangi oleh sesiapa jua yang

bekerja di bawahnya. Tiada perbezaan antara orang bawahan dengan dirinya yang bergelar Dato'.

YB. Dato' Fatah Iskandar yang dilahirkan di Sijangkang pada 1 Ogos 1956 telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Latiffah Ismail pada tahun 1982. Perkenalan mereka terjalin menerusi keluarga kedua belah pihak. Secara kebetulan bapa Dato' Fatah berkawan baik dengan keluarga Datin Latiffah dan saling kunjung-mengunjungi. Kini hasil perkahwinan bahagia yang terjalin hampir 18 tahun, pasangan ini telah dikurniakan dengan empat orang anak yang sedang meningkat remaja. Anak sulung mereka bernama NurzatulIffa, kedua Abdul Ghofur, ketiga Mohd Saiful Bahri, dan yang bongsu, Muhammad Saiful Haq.



Dato' Fatah dalam satu program Pergerakan Pemuda UMNO Kuala Langat



YB. DATO' K. SIVALINGAM
DPMS, SSA, KMN
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PERUMAHAN PEKERJA-PEKERJA LADANG DAN LOMBONG, PERPADUAN NEGERI
ADUN N. 11 IJOK

YB. Dato' K. Sivalingam, ADUN Ijok merupakan satu-satunya wakil rakyat dari MIC yang terpilih menduduki jawatan Exco Kerajaan Negeri Selangor. Terpilih menjadi wakil rakyat kawasan Ijok sejak tahun 1990 lagi. Kini telah memasuki penggal ketiga beliau menjadi wakil rakyat. Sikap beliau yang suka membantu golongan yang kurang bernasib baik terutamanya di kalangan masyarakat kaum India, menjadikan beliau amat disenangi oleh pengundi-pengundi di kawasan beliau. Sebagai sebuah kawasan yang banyak terdapat kawasan-kawasan estet dan ladang-ladang getah, tugas beliau yang sentiasa didampingi oleh masyarakat pekerja-pekerja ladang menjadi satu cabaran buat beliau. Namun ini tidak sedikit pun mematahkan semangat beliau untuk membantu golongan ini kerana bagi beliau ini adalah satu amanah yang perlu beliau pikul setelah terpilih sebagai wakil rakyat.

Walaupun tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, kerana lahir dan dibesarkan dalam suasana estet, namun ini sedikitpun tidak menghalang cita-cita besar beliau dalam kerjaya beliau. Walaupun hanya berkelulusan LCE sahaja, tetapi beliau meningkat sedikit demi sedikit atas usaha gigih beliau. Pernah bertugas sebagai seorang guru sebelum menjadi Penolong Pengurus di Ladang Batu Untung, Kuala Selangor.



Sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam satu acara sukan di Ijok

Beliau akhirnya berhenti kerja lalu menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Perniagaan yang beliau ceburi ialah dalam bidang pengangkutan. Kerjaya beliau dalam perniagaan terus berkembang sehinggalah beliau melibatkan diri secara serius dalam politik.

**SELAMAT TAHUN BARU TAMIL
MAJLIS MERAIKAN PENERIMA - PENERIMA PINGAT
DIRASHMIKAN OLEH :
TAN SRI DATO' N.S. MANIAM
TETAMU KHAS:
DATO' K. SIVALINGAM**



Dalam satu program anjuran masyarakat India

Peningkatan kerjaya politik beliau bukanlah sebegitu mudah. Beliau meningkat dari satu tangga ke satu tangga sehinggalah berjaya menjadi Ketua MIC Cawangan Padang Jawa. Jawatan ini terus dipegangnya sehingga kini sejak tahun 1984 lagi. Kini di peringkat bahagian beliau turut memegang jawatan selaku Ketua MIC Bahagian Shah Alam yang juga dipegangnya sejak tahun 1984. Manakala di peringkat negeri Selangor pula, beliau merupakan Timbalan Pengerusi MIC Negeri Selangor yang beliau pegang sejak tahun 1994 di samping turut terpilih menganggotai Ahli Majlis Tertinggi MIC Pusat sejak tahun 1997. Kebolehan dan pengalaman yang ada pada beliau telah membolehkan beliau terpilih menjadi Ahli Dewan Negara (Senator) selama dua tahun iaitu dari tahun 1988 hingga 1990 dan seterusnya apabila terpilih menjadi calon dalam pilihan raya umum 1990.

YB. Dato' K. Sivalingam juga turut aktif dalam beberapa pertubuhan dan persatuan terutamanya yang berkaitan dengan keagamaan. Kini, beliau merupakan penasihat kepada Pusat

Komuniti Sri Cahaya Mukim Batang Berjuntai dan beberapa buah kuil di Padang Jawa Klang, Taman Sentosa, Batang Berjuntai dan Alam Megah, Shah Alam di samping 20 buah kuil di seluruh negeri Selangor. Sebagai bekas seorang guru, beliau turut aktif dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dengan menjadi penasihat di beberapa buah sekolah seperti SRJK (T) Batu Empat, Kg. Jawa, SRJK (T) Methodist Kapar, SRJK (T) Jalan Meru, SRJK (T) Ladang Coalfield dan SRJK (T) Ladang Mary, Kuala Selangor.

Pembabitan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1990 apabila bertanding buat pertama kali di kerusi DUN Seri Cahaya menentang calon S46 Datuk Haji Mohd Shahir Abdul Majid dan calon Bebas Suhaimi Amnan. Beliau menang dengan majoriti 1,317 undi. Dalam pilihan raya 1990, kawasan ini dikenali dengan nama Ijok dan beliau sekali lagi terpilih menewaskan calon DAP dengan majoriti 6,797 undi. Manakala dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu, beliau menewaskan calon DAP V. Krishnan



Sedang menyampaikan bantuan kepada masyarakat miskin

dan calon Bebas, Mohd Yusof Abdul Rahim dengan majoriti 3,166 undi.

Kawasan Ijok mempunyai 16,847 orang pengundi. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu mempunyai 41.48%, India 40.76% dan kaum Cina 17.76%. Kawasan DUN Ijok dikira agak membangun dengan beberapa projek yang telah dan sedang dilaksanakan. Antaranya ialah Sekolah Menengah Teknik, Perumahan Awam Kos Rendah, Kawasan Pertanian (Agrotek), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lain. Beberapa buah kawasan juga telah diluluskan bagi tujuan perindustrian antaranya di Kampung Berjuntai Bistari, Batang Berjuntai dan Simpang Tiga Ijok. Di samping itu sebuah loji air telah turut dibina di Bukit Badong bagi tujuan menyalurkan kemudahan bekalan air bukan sahaja bagi penduduk tempatan bahkan untuk sebahagian penduduk negeri Selangor.

YB. Dato' K. Sivalingam juga telah merangka beberapa projek dan pembangunan di DUN Ijok. Antaranya ialah membangunkan kilang-kilang dan kawasan-kawasan pertanian (Agrotek) bagi tujuan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan penduduk tempatan, membangunkan lebih banyak kemudahan-kemudahan infrastruktur

bagi faedah dan kesenangan penduduk seperti jalan dari Batang Berjuntai ke Rawang dan dari kampung-kampung ke bandar-bandar kecil.

Beliau turut merangka membangunkan sebuah Hospital Daerah di Bukit Rotan, Kg. Kuantan bagi kemudahan perubatan dan kesihatan pengundi-pengundi di DUN Ijok. Industri pelancongan turut juga menjadi perhatian beliau. Beliau merangka membangunkan sebuah ka-

wasan tarikan pelancongan di Kg. Berjuntai Bistari dan Kg. Rantau Panjang. Dengan perancangan itu, beliau menjangkakan akan dapat menjana pendapatan tambahan kepada penduduk-penduduk tempatan dan sekali gus akan dapat menaikkan taraf hidup rakyat di DUN Ijok.

YB. Dato' K. Sivalingam telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Nallamah a/p Ponnand dan dikurniakan enam orang cahaya mata yang masih lagi bersekolah.



Sedang melawat gerai buah-buahan



YB. DATO' HAJI MOHD SHARIFF BIN JAJANG
PSD, DPMS, SSA, KMN, AMN, PJK
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
INFRASTRUKTUR, PENERANGAN DAN TANAH REZAB MELAYU
ADUN N. 47 DENGKIL

YB. Dato' Haji Mohd Shariff Jajang merupakan seorang tokoh veteran dalam kepimpinan UMNO negeri Selangor. Beliau merupakan seorang tokoh yang disegani bukan sahaja di negeri Selangor bahkan di peringkat pusat. Sewaktu beliau menjadi Ahli Parlimen Sepang, suara beliau sering lantang memperkatakan isu nasional di Dewan Rakyat lebih-lebih lagi isu yang melibatkan martabat bangsa. Kini beliau merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Dengkil yang telah diwakilinya sejak 1995 merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Penerangan dan Tanah Rezab Melayu.

Dato' Haji Mohd Shariff Jajang dilahirkan pada 25 Disember 1943 di Sg. Merab, Kajang, Selangor. Lulusan Sijil Perguruan ini dari TTC, Jalan Kuantan, Kuala Lumpur ini memulakan kerjayanya sebagai seorang guru sebelum membabitkan secara aktif dalam politik. Setelah meletakkan jawatannya sebagai seorang guru, beliau menjawat jawatan sebagai Setiausaha Sulit kepada Timbalan

Menteri Pertanian pada masa itu, Dato' Suhaimi Hj. Kamaruddin mulai 1980 hingga 1981. Setelah Dato' Suhaimi Hj. Kamaruddin berpindah ke beberapa kementerian lain dengan menjawat jawatan yang sama, beliau turut mengikut bosnya dengan menjawat jawatan yang sama. Antaranya ialah Kementerian Pelajaran dari tahun 1981 hingga 1982, Kementerian Telekom dan Pos dan Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1982 hingga 1986. Beliau meletakkan jawatan bagi membolehkannya bertanding pilihan raya umum 1986 buat kali pertama.



Seorang pemimpin yang komited dalam kerja

Dalam politik, Dato' Haji Mohd Shariff Jajang kini merupakan Ketua UMNO Bahagian Sepang yang beliau pegang sejak tahun 1986 lagi. Di samping itu juga beliau merupakan Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor sejak tahun 1986 sehingga Ogos 2000. Beliau juga pernah memimpin Pergerakan Pemuda UMNO Selangor pada tahun 1980 hingga 1981.

Di samping itu beliau turut juga aktif di dalam aktiviti sosial. Sebagai bekas seorang pendidik YB, Dato' Mohd Shariff banyak menumpukan perhatian kepada perkembangan taraf pendidikan orang-orang Melayu di kawasannya. Beliau merupakan bekas Pengerusi Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Selangor Daerah Sepang, Pengerusi Yayasan Sepang, Pengerusi Majlis Permuafakatan Pendidikan Sepang, Pengerusi Tabung Pendidikan dan Kebajikan Yayasan Sepang, Pengerusi Tabung Pendidikan Majlis Permuafakatan Pendidikan Sepang dan pengasas kepada Kolej Anjung Selatan.

Beliau turut aktif dalam beberapa pertubuhan masyarakat seperti Pengerusi JUVANA Daerah Sepang, Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Daerah Sepang, Penasihat Majlis Belia Sepang dan Pengerusi Unit Pertahanan JPA 3 Sepang.

Pembabitan beliau dalam pilihan raya umum bermula pada tahun 1986 apabila beliau terpilih mewakili BN di kawasan Parlimen Sepang. Beliau menentang tiga orang calon iaitu Tai Siew Siong dari SDP, K. Ramasen dari DAP dan calon NASMA Abd. Jabar Mohd Yusof. Beliau berjaya dalam pertandingan empat penjuar itu dengan majoriti 11,160 undi. Pada pilihan raya 1990, beliau sekali lagi bertanding di kawasan yang sama menentang calon Parti S46 iaitu bekas bosnya sendiri Dato' Suhaimi



Sedang menyampaikan hadiah

Hj. Kamaruddin. Pada pilihan raya umum 1995 beliau beralih ke kawasan DUN Dengkil. Beliau menentang calon PAS Mohsinon Tahir dan berjaya dengan majoriti 7,297 undi. Pada pilihan raya 1999, beliau sekali lagi bertanding di kawasan yang sama menentang calon Parti Keadilan, Mohamad Sahar Mat Din dan menang dengan majoriti 1,972 undi.



Keluarga pendorong kepada kejayaan beliau

Kemenangan dalam empat pilihan raya berturut-turut jelas sebagai bukti kebolehan beliau dalam menarik minat pengundi di kawasan yang beliau wakili.

Ternyata sewaktu menjadi Ahli Parlimen Sepang banyak kemajuan yang telah beliau bawa di kawasannya. Kewujudan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) Sepang turut menjana pembangunan di kawasan Sepang. Pembangunan Pusat Bandar Baru Salak Tinggi bukti kemajuan kawasan yang beliau wakili. Sebaik sahaja memenangi kerusi DUN Dengkil pada tahun 1995 beliau terus dilantik menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor. Sewaktu menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Industri Kecil dan Sederhana, beliau banyak memberi penekanan terhadap membantu pengusaha-pengusaha IKS dengan menyediakan khidmat nasihat, mengadakan lawatan ke kilang-kilang dan menganjurkan seminar dan kursus-kursus. Beliau turut membantu penyertaan kaum bumiputera dalam IKS di negeri Selangor di samping meningkat dan menyeimbangkan bilangan IKS di Lembah Klang dan di luar Lembah Klang.



Seorang pemimpin yang sentiasa prihatin dengan masalah rakyat

Kawasan DUN Dengkil terletak di kawasan Parlimen Sepang. Mempunyai seramai 17, 901 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 70.55%, Cina 9.49%, India, 19.91% dan lain-lain kaum 0.05%.



Mesra melayan tetamu dalam sebuah majlis di kediamannya

Mengukir senyuman pada 1.3 juta wajah...



proton
5050 ISWARA

proton
WIRA

PROTON
WAJA

Perdana
V6

TD 2000



Meskipun gaya hidup berubah, harapan yang tinggi tetap sama. Inilah sebabnya mengapa 1.3 juta orang pemilik kereta Proton menaruh kepercayaan terhadap EON untuk memenuhi keperluan kenderaan mereka, menjadikan EON pengedar utama Proton Saga Iswara, Proton Wira, Proton Waja, Proton Perdana V6 dan TD2000 di Malaysia. Dengan sokongan rangkaian jualan dan servis terbesar di seluruh negara, anda boleh memandu dengan tenang bersama EON.



Sahabat
EON

Bebas Tol! 1-800-188-999

EON

Edaran Otomobil Nasional Berhad
(119767-X)

DRB-HICOM

(201430 W)



YB. DATO' HAJI MOHD MOKHTAR HAJI AHMAD DAHLAN
DSSA, AMN, JP
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, SETINGGAN, ALAM SEKITAR
ADUN N. 33 KELANA JAYA

YB. Dato' Haji Mohd Mokhtar Haji Ahmad Dahlan, ADUN Kelana Jaya telah masuk dua penggal menjadi wakil rakyat kawasan tersebut. Namun namanya bukanlah baru di arena politik negeri Selangor bahkan nama beliau bolehlah diletakkan sebaris dengan nama-nama seperti YB. Dato' Zainal Abidin Ahmad, Timbalan Menteri Besar Selangor dan Dato' Zainal Dahlan, Ahli Parlimen Sabak Bernam. Sebaik sahaja pilihan raya umum 1999 yang lalu, nama beliau tersenarai

sebagai salah seorang wakil rakyat yang mendapat kepercayaan YAB. Menteri Besar yang dilantik menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor. Malah sewaktu perletakan jawatan bekas Menteri Besar Selangor Dato' Seri Haji Abu Hassan Omar, nama beliau turut tersenarai sebagai salah seorang calon yang berwibawa bagi menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Selangor yang baru. Ini bukti jelas pengalaman dan kebolehan beliau diiktiraf oleh pucuk kepimpinan tertinggi parti sama ada di

peringkat negeri mahupun nasional.



Majlis sambutan Hari Raya bersama Dato' Dr. Mohamad Khir di kawasan Batu Tiga, Shah Alam

Dilahirkan pada 3 Oktober 1944 di Kg. Talu, Hulu Yam Baru, Hulu Selangor. Bapa beliau adalah bekas guru agama yang memperoleh pendapatan yang tidak mencukupi. Bapanya terpaksa mencari duit lebih dengan membuat kerja-kerja seperti bersawah dan menoreh. Disebabkan rasa kasihan beliau kepada bapanya, beliau mengambil keputusan untuk berhenti sekolah sewaktu di tingkatan empat



Majlis Penyerahan Memorandum Kemudahan Asas kepada Persatuan Penduduk SS 7 Kelana Jaya



Menyerahkan sumbangan Tahun Baru Cina kepada orang-orang tua

sebelum meneruskannya secara persendirian. Namun ini tidak sedikit pun melemahkan semangat beliau untuk terus belajar sehingga ke peringkat tertinggi.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Ulu Yam Bharu, Hulu Selangor dari tahun 1950 hingga tahun 1954. Kemudian melanjutkan pelajaran di Sekolah Ingeris Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor dari tahun 1955 hingga 1961. Berkat ketekunan dan kegigihan beliau dalam pelajaran,

beliau terpilih pula melanjutkan pelajarannya ke Maktab Perguruan Harian, Kuala Lumpur selama tiga tahun dari tahun 1963 hinggalah ke tahun 1965. Beliau lulus dengan mendapat Sijil Perguruan. Ilmu pelajaran yang ada pada beliau dirasakan tidak mencukupi walaupun telah menjadi seorang guru menyebabkan beliau mengambil peperiksaan MCE secara persendirian dan akhirnya berjaya mendapat gred satu.

Beliau juga mengambil peperiksaan HSC secara persendirian dan memperoleh keputusan yang cemerlang sehingga berjaya terpilih melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya dalam bidang ekonomi pada tahun 1971. Beliau lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dengan kepujian pada tahun 1973. Pada tahun 1979, walaupun telah berjawatan tinggi dalam Jabatan Kerajaan, beliau masih ingin menimba ilmu dan akhirnya beliau ke Amerika Syarikat bagi membolehkan beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di University of Wisconsin, USA. Beliau kembali ke tanah air bersama Ijazah Sarjana beliau pada tahun 1980.

Memulakan kerjaya beliau sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan FELDA Gedangsa, Hulu Selangor dari tahun 1965 hingga 1970. Sebaik sahaja lulus dari Universiti Malaya pada tahun 1973, mula bekerja sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dari tahun 1973 hingga 1984. Pada tahun 1984, menyertai pula sektor swasta sebagai Pengurus Besar Korporat di Behn Meyer sehinggalah 1991 sebelum beliau meletakkan jawatan untuk menyertai bidang perniagaan dalam bidang hartanah.

Beliau aktif dalam UMNO sejak tahun 1965 lagi sebagai ahli biasa di Cawangan Hulu Yam

Bharu, Hulu Selangor sehinggalah UMNO diisytiharkan tidak sah pada tahun 1987. Kemudiannya beliau telah dilantik menjadi AJK Penaja UMNO Bahagian Petaling Jaya oleh Tan Sri Muhammad Taib apabila UMNO dihidupkan semula. Kemudian, atas kepercayaan ramai beliau terpilih menjadi Timbalan Ketua UMNO Bahagian Petaling Jaya sehingga 1994. Kini sejak tahun 1994, beliau adalah Ketua UMNO Bahagian Subang. Beliau juga merupakan AJK Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor.



Majlis Hari Terbuka Dayasari ke 34 Kolej Kelima Universiti Malaysia

Beliau turut aktif dalam bidang kemasyarakatan seperti menjadi Pengerusi Majlis Hal-Ehwal Pengguna Daerah Petaling, Pengerusi Pengakap Daerah Petaling, Pengerusi Taskforce Penyelesaian Pengguna MPPJ, Pengerusi Taskforce Penyelesaian Penjaja MPPJ dan Pengerusi Jawatankuasa Rakan Muda MPPJ. Di samping itu, sebagai bekas seorang pendidik, beliau turut aktif dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dengan menjadi YDP PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Damansara Jaya dan sebagai Timbalan YDP 2, Seni Silat Gayong Malaysia.

Penglibatan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1995 apabila terpilih buat pertama kalinya bertanding di DUN Kelana Jaya. Dalam pertandingan tersebut, beliau berjaya menewaskan calon PAS dengan majoriti 11,979. Manakala dalam pilihan raya umum 1999, beliau sekali lagi menewaskan calon PAS Mohd Fadzil Abd. Samat dengan majoriti 4,111 undi.

DUN Kelana Jaya mempunyai 32,056 orang pengundi berdaftar. Mengikut komposisi kaum, kaum Melayu mewakili 59.07%, Cina 14.09%, India 26.6% dan lain-lain kaum 0.24%.

YB. Dato' Haji Mokhtar telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Rahimah bt. Naim



Papan tanda 'Mesra Rakyat' di DUN Kelana Jaya banyak memberi kemudahan

pada tahun 1972. Hasil daripada perkahwinan mereka yang bahagia telah dikurniakan dengan lima orang anak iaitu Azlina, 24 tahun, Aznita, 21 tahun, Azmeera, 18 tahun, Azliza, 13 tahun dan yang bongsu Azizi, 10 tahun.

Sebagai menghargai pengorbanan dan jasa beliau dalam bidang politik dan kemasyarakatan, YB. Dato' Mokhtar telah dianugerahi dengan beberapa bintang kebesaran. Pada tahun 1979, beliau telah dianugerahkan dengan bintang Ahli Mangku Negara (AMN). Pada tahun 1993, dianugerahkan dengan Jaks Pemandai (JP) dan pada tahun 1997, dianugerahi pula dengan bintang Darjah Sultan Salahuddin Abdul Aziz (DSSA) yang membawa gelaran Dato'.



YB. DATO' NORKHAILA JAMALUDDIN
DPMS, AMS, PPT, PPN
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
KEBAJIKAN, HAL-EHWAL WANITA, KEBUDAYAAN
ADUN N. 28 TAMAN MEDAN

Anak kelahiran Bentong, Pahang pada 12 Januari 1950 tetapi telah lama menempa nama dan bergiat dalam UMNO di Selangor khususnya



Bersama suami tersayang, Encik Zainal Rashid

di Petaling Jaya tidak pernah terfikir langsung akan terpilih menjadi calon dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Bak kata perpecahan ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Hakikat itulah yang dihadapi oleh YB. Norkhaila Jamaluddin, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Taman Medan. Pemilihan beliau oleh pucuk pimpinan parti amat tidak disangka sama sekali. Bagaimanapun beliau menerimanya dengan penuh rasa kesyukuran dan berazam untuk melakukan sesuatu yang terbaik untuk rakyat negeri Selangor. Lebih-lebih lagi perlantikan beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Wanita, Kebajikan dan Kebudayaan oleh Menteri Besar Selangor yang baru, YAB. Dato' Dr. Mohamad Khir Toyo.

YB. Norkhaila Jamaluddin mendapat pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh, Pahang sehingga lulus MCE pada tahun 1969. Beliau turut juga berpeluang mendapat pendidikan formal dari Akademi Seni Rupa, Jogjakarta Indonesia pada tahun 1979. Kini berkat usaha gigih dan tidak pernah kenal jemu, beliau masih lagi memburu ilmu dengan mengikuti pengajian luar kampus dari Universiti Malaya dalam bidang Diploma Pendidikan Pra-Sekolah.

Mula terlibat secara aktif dalam politik UMNO pada tahun 1971 dengan menjadi ahli



Sedang menandatangani watak perlantikan sebagai anggota EXCO Kerajaan Negeri Selangor

UMNO biasa di Temerloh. Penglibatan politik beliau menjadi bertambah aktif apabila berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1982 apabila berkhidmat dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Di samping itu beliau turut bergerak aktif dalam UMNO Petaling Jaya Selatan. Kini beliau menjadi Ketua Wanita UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan. Sebenarnya politik bukanlah baru bagi beliau kerana abangnya Dato' Aminuddin Jamaluddin pernah berkhidmat sebagai wakil rakyat kawasan Pertang di Negeri Sembilan selama empat penggal.

Dalam pilihan raya 1999 yang lalu beliau berjaya menewaskan calon PAS Sufian Md. Nordin dengan majoriti 3,123 undi. Beliau memperoleh 13,258 undi manakala lawannya 10,135 undi. DUN Taman Medan mempunyai seramai 33,498 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, Melayu 55.83%, Cina 27.64%, India 15.49% dan lain-lain kaum 1.04%.

Menyentuh mengenai pilihan raya yang lalu YB. Norkhaila berkata: "Memang pada

peringkat awal pemilihan saya sebagai calon mendapat reaksi yang berbeza dari pada kaum lelaki tetapi *athamduillah* saya mendapat sokongan yang cukup kuat dari kaum wanita". Pemilihan beliau menggantikan bekas wakil rakyat yang lalu Kapten (B) Dato' Zahar Hashim cukup memeranjatkan beliau. Ini ditambahkan lagi apabila nama beliau turut terpilih menganggotai ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor. Beliau merupakan satu-satunya Exco dari kalangan wanita selepas Datin Paduka Rakibah Manaf.

Apabila ditanya mengenai wawasan beliau terhadap kawasan yang diwakilinya beliau menegaskan: "Saya ingin jadikan kawasan DUN Taman Medan ini sebagai sebuah taman yang bukan hanya setakat namanya sahaja taman, tetapi sebagai sebuah taman yang cukup kemudahan infrastrukturnya. Saya juga mahu jadikan Taman Medan ini satu kawasan yang cukup bersih sekali di negeri Selangor yang mana saya akan sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak Majlis Perbandaran Petaling Jaya".

YB. Norkhaila juga meletakkan agenda pendidikan kanak-kanak di kawasanya sebagai agendanya yang utama. "Saya tak mahu ada kanak-kanak di kawasan saya ketinggalan dari segi pendidikannya. Kalau boleh saya mahu melihat kanak-kanak di kawasan saya memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah), PMR (Peperiksaan Menengah Rendah) dan SPM. Bahkan saya difahamkan masih terdapat ramai yang memperoleh keputusan yang lemah dalam UPSR. Ini amat menyedihkan saya".

Mengenai masalah perpaduan dan kerjasama di kalangan penduduk Taman Medan YB. Norkhaila mempunyai misinya yang tersendiri bagi mengatasi masalah perpecahan selepas pilihan raya yang lalu. Antaranya ialah dengan mengadakan perbincangan dengan semua pihak baik yang menyokong kerajaan maupun yang menentang. Beliau akan mengunjungi masjid-masjid dan surau-surau bagi tujuan itu. Begitu juga dengan golongan belia dan remaja yang tidak menyokong kerajaan. "Saya akan mewujudkan Kem Remaja dengan kerjasama MPPJ (Majlis Perbandaran Petaling Jaya) bagi memberi kesedaran kepada mereka tentang peranan yang harus dimainkan oleh mereka," katanya.

"Mengenai jawatan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Wanita, Kebajikan dan apa yang telah kita perbincangkan dalam Bengkel Wanita yang diadakan di Awana Resort pada 1 - 4 Mac 2000 ialah kita ingin meningkatkan taraf kehidupan wanita yang tidak seimbang. Kita rasa 60% wanita di negeri Selangor ini masih ketinggalan dari segi pendidikan. Kita juga akan mengadakan ceramah-ceramah agama kepada kaum wanita bagi menyelesaikan masalah sosial kerana bagi kita masalah ini sebenarnya bermula dari

rumah. Ibu memainkan peranan yang agak penting bagi mengatasi gejala ini", tegas beliau apabila disentuh mengenai peranan beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Wanita.

Nyata sekali jika dilihat dari segi wawasan wakil rakyat wanita ini, memang beliau seorang yang berwawasan tinggi. Kebolehan beliau mengeluarkan idea dan pendapat setaraf dengan ahli-ahli politik lelaki.

YB. Norkhaila juga bertuah kerana mempunyai seorang suami yang banyak berkorban untuk melihat beliau berjaya dalam politik. Suami beliau, Encik Zainal Rashid bekas kakitangan Telekom ini sentiasa memberi sokongan bahkan tidak pernah menghalang cita-cita isterinya dalam politik. Hasil dari perkahwinan mereka ini telah dikurniakan dengan dua orang cahayamata perempuan iaitu Siti Salwana, 19 tahun dan yang bongsu Siti Shuhidah, 15 tahun.

Menyentuh mengenai prinsip yang beliau pegang YB. Norkhaila menegaskan: "Saya sentiasa berpegang kepada prinsip tidak pernah putus asa".



Melawat kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya



YB. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD
DSSA, AMS, AMN, PJK
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, PERTANIAN DAN PERHUTANAN, SUKAN
ADUN N. 2 SABAK

YB. Dato' Haji Raja Ideris Raja Ahmad ADUN Sabak telah dua penggal menjadi wakil rakyat. Meninggalkan kerjaya sebagai guru bagi menceburkan diri dalam politik secara sepenuh masa apabila terpilih buat kali pertamanya bertanding dalam pilihan raya umum 1995. Semenjak hari itu beliau tidak menoleh ke belakang lagi dan kini meningkat setapak lagi apabila sejak memenangi pilihan raya umum 1999, beliau dilantik pula menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor dengan memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perikanan. Nama beliau turut disebut-sebut bagi menggantikan bekas Menteri Besar Selangor Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan Omar. Ini jelas satu pengiktirafan kepada jasa dan kepimpinan beliau walaupun beliau tidak terpilih.

Dilahirkan pada 12 April 1944. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Rungkup, Bagan Datok, Perak pada tahun 1951 hingga 1953. Kemudian berpindah pula ke Sekolah Government English School, Sg. Sumun, Perak sebelum berpindah sekali lagi ke Sekolah Government English School, Sabak Bernam dari tahun 1954 hingga tahun 1957. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran menengahnya ke Government English School, Sabak Bernam dari tahun 1958 hingga 1960.

Dari tahun 1961 hingga 1962 iaitu selama setahun, beliau berkesempatan belajar di NTSS (E) Sabak Bernam. Kecemerlangan beliau dalam pelajaran melayakkan beliau menyambung pelajarannya ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim selama tiga tahun iaitu dari 1964 hingga 1965.

Memulakan kerjaya sebagai seorang guru dengan mengajar di Sekolah Kebangsaan Parit 9, Sg. Besar, Selangor dari tahun 1966 hingga 1969. Kemudian bertukar pula ke Sekolah Kebangsaan Sabak, Sabak Bernam pada tahun 1970. Setahun di situ, beliau kemudiannya bertukar pula ke Sekolah Kebangsaan Batu 38, Sabak Bernam. Di situ beliau mengajar selama sembilan tahun dari tahun 1971 hingga 1980. Pada tahun 1981, beliau mengajar pula di Sekolah Kebangsaan Dr. Abdul Latif, Sabak Bernam hinggalah tahun 1984. Di sini beliau berkesempatan menjawat jawatan sebagai Guru Penolong Kanan selama setahun iaitu dari 1983 hingga 1984.

Ternyata nasib beliau dalam kerjaya perguruan cukup cemerlang apabila dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Sekendi, Sabak Bernam. Beliau menjadi Guru Besar di sekolah tersebut selama tiga tahun dari 1985 hingga 1987 sebelum ditukarkan



Bersama-sama rakan seperjuangan YB. Dato' Mokhtar dan YB. V. Jagarasah dalam satu majlis jamuan

ke Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam sebagai Penyelia Sekolah-sekolah Rendah. Di situ beliau berkhidmat selama tiga tahun dari 1987 sehinggalah beliau terpilih menjadi calon dalam pilihan raya umum 1990.

Pembabitan beliau dalam politik bermula sejak tahun 1963 apabila mula menjadi ahli UMNO di Cawangan Sabak Bernam. Di peringkat cawangan beliau mula menjawat jawatan sebagai AJK Pemuda dari tahun 1968 hinggalah 1980 dan AJK Cawangan dari tahun 1974 hingga 1986. Pada tahun 1981, karier politik beliau meningkat apabila terpilih menjadi Ketua Pemuda UMNO Cawangan Sabak Bandar. Jawatan ini dipegang sehingga 1984 sebelum beliau terpilih pula menjadi Timbalan Ketua UMNO Cawangan yang sama dari 1987 hingga 1991. Kini beliau merupakan Ketua UMNO Cawangan yang beliau pegang sejak 1991.

Manakala di peringkat bahagian, beliau mula memegang jawatan sebagai Bendahari Pemuda UMNO Bahagian Sabak Bernam dari tahun 1982 hingga 1984. Kemudian dilantik pula menjadi Setiausaha Pemuda UMNO Bahagian dari tahun 1984 hingga 1985. Pada tahun 1985, beliau terpilih pula menganggotai AJK UMNO Bahagian

sehingga tahun 1987. Prestasi cemerlang beliau dan juga latar belakang beliau yang memegang beberapa jawatan penting di peringkat cawangan dan pemuda telah membolehkan beliau dilantik pula menjadi Setiausaha UMNO Bahagian merangkap Setiausaha Barisan Nasional dari tahun 1987 hingga 1993. Kemudian meningkat setapak lagi apabila terpilih pula menjadi Naib Ketua UMNO Bahagian dari tahun 1993 hingga 1998. Kini beliau merupakan Timbalan Ketua UMNO Bahagian yang telah beliau pegang sejak tahun 1998 dan juga sebagai Pengerusi Biro Ekonomi.

Di peringkat negeri pula beliau pernah memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Biro Pendidikan dari tahun 1993 hingga 1998. Kini beliau adalah Ahli Jawatankuasa Biro Ekonomi sejak tahun 1998. Dalam satu rombongan UMNO Negeri Selangor pada Ogos 2000, beliau telah dilantik menjadi Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor menggantikan Dato' Seri Onn Ismail yang telah berkhidmat kepada UMNO Selangor sejak tahun 1982.

Di samping kegiatan politik, YB. Dato' Raja Ideris turut terlibat secara langsung dalam kegiatan sosial. Antaranya ialah dengan menjadi

Pengerusi beberapa persatuan dan pertubuhan. Antaranya ialah YDP Persatuan Bolasepak Daerah Sabak Bernam, Pengerusi Persatuan Olahraga Amatir Daerah Sabak Bernam, YDP Persatuan Badminton Daerah Sabak Bernam, YDP KPPMS Cawangan Sabak Bernam dan Pengerusi PESAKA Daerah Sabak Bernam. Beliau turut terlibat dalam Pertubuhan Peladang Kawasan Sabak Bernam sebagai Pengerusi yang beliau pegang sejak 1997, Ahli Lembaga Koperasi Pembangunan Daerah Sabak Bernam sejak 1991, Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam sejak 1991, Pengerusi Kempen Gerakan Membaca Selangor sejak tahun 1995, Ahli Jawatankuasa Lembaga Biasiswa Selangor sejak 1995, Pengerusi Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan beberapa buah pertubuhan yang lain.

Di samping itu, tugas beliau sebagai seorang ahli politik tidak langsung melenyapkan cintanya terhadap bidang perguruan yang pernah beliau ceburi. Beliau turut terlibat dalam beberapa buah Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG). Antaranya di Sekolah Menengah Ungku Aziz, Sabak Bernam, Sekolah Kebangsaan Khir Johari, Sabak Bernam dan Sekolah Rendah Agama Batu 40, Sabak Bernam.

YB. Dato' Raja Ideris mula bertanding dalam pilihan raya umum pada tahun 1995. Beliau berjaya menewaskan calon PAS dengan majoriti 4,654 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau

sekali lagi bertanding menentang calon PAS Mohamed Yunus dan menang dengan majoriti 615 undi.

Kawasan DUN Sabak terletak dalam kawasan Parlimen Sabak Bernam. Mempunyai 10,355 orang pengundi berdaftar dengan pecahan mengikut kaum ialah Melayu 73.32%, Cina 17.36% dan India 9.32%.

YB. Dato' Raja Ideris telahpun mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajjah Raja Nor Azmin Raja Hussain. Perkenalan yang bermula sejak sama-sama masih menuntut di Maktab Perguruan telah membawa mereka ke jinjang pelamin pada tahun 1969. Hasil dari perkahwinan mereka, telah dianugerahi dengan empat orang cahayamata iaitu Raja Faizal, seorang Pegawai Bank, kedua Raja Azlan, berniaga, ketiga Raja Idzhar, seorang pegawai kerajaan dan yang bongsu seorang perempuan, Raja Zarith Ellya, masih lagi menuntut.

Selain menumpukan kerjaya beliau didalam politik, YB. Dato' Raja Ideris juga suka bersukan. Tidak hairanlah beliau diberi kepercayaan oleh YAB. Menteri Besar Selangor mengetuai portfolio sukan. Beliau menggemari permainan badminton, sepak takraw, tenis dan turut menggemari aktiviti membaca.



Turut mengambil bahagian ketiga melepaskan anak ikan



YB. DATO' Ir. LUM WENG KEONG
DPMS, SMS
PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP
PELANCONGAN, SAINS TEKNOLOGI DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI
ADUN N. 32 BUKIT LANJAN

YB. Ir. Lum Weng Keong baru pertama kali terpilih sebagai wakil rakyat bagi kawasan DUN Bukit Lanjan. Beliau menggantikan Dato' Dr. Pius Martin yang juga bekas Exco Kerajaan Negeri Selangor selama dua penggal. Walaupun baru sahaja terpilih sebagai wakil rakyat tetapi bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Dr. Abu Hassan Omar telah memberikan kepercayaan kepada beliau memegang jawatan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan dan Kemajuan Perkampungan. Dalam satu rombongan portfolio sebaik sahaja perantukan Menteri Besar Selangor yang baru, Dato' Dr. Mohamad Khir Toyo telah memberi kepercayaan kepada beliau menentuai



Sentiasa prihatin dengan segala masalah rakyat



Bersama para penyokong beliau dari keturunan India

portfolio Pelancongan, Sains Teknologi dan Pembangunan Organisasi. Beliau bolehlah dianggap sebagai pemimpin pelapis Parti Gerakan Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) di peringkat negeri mahupun nasional. Sikap beliau yang mudah diajak berbual dan mengeluarkan pendapat cukup meyakinkan bahawa satu hari nanti beliau boleh muncul sebagai pemimpin besar.

YB. Ir. Lum Weng Keong dilahirkan di sebuah perkampungan setingan iaitu Kg. Siam di Kuala Lumpur pada 26 Disember 1956. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jalan Kuantan, Kuala Lumpur sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Setapak hingga ke tingkatan lima.

Beliau kemudiannya menyambung pelajaran ke tingkatan enam di Kolej Tuanku Abdul Rahman Kuala Lumpur. Sebaik sahaja menamatkan pelajaran tingkatan enam, beliau menyambung pelajarannya ke University of Manchester, England sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda Sains dan Sarjana Sains pengkhususan dalam bidang Kejuruteraan Awam. Walaupun dilahirkan dan dibesarkan di sebuah perkampungan setinggan yang tiada kemudahan asas seperti air dan elektrik namun beliau masih mampu berjaya dalam pelajarannya.

Beliau terlibat secara aktif dalam politik parti PGRM sejak tahun 1982 lagi. Kini beliau memegang beberapa jawatan penting dalam Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM). Pada tahun 1992 hingga 1999, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Pemuda PGRM Kebangsaan. Kini antara jawatan yang beliau sandang ialah Timbalan Setiausaha Agung PGRM Kebangsaan, Ahli Jawatankuasa Pusat PGRM dan Timbalan Pengerusi PGRM Negeri Selangor yang kesemuanya beliau pegang dari tahun 1999 hingga tahun 2002.

Beliau juga turut aktif dalam aktiviti sosial dengan memegang beberapa jawatan penting seperti Penaja kepada Tsun-Jin High School, Ahli Persekutuan Pembuatan Malaysia (FMM) dan Ahli Institut Jurutera Malaysia.

Dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu beliau bertanding buat kali kedua menentang calon DAP Saw Cheong Teng. Beliau menang dengan majoriti 2,852 undi. Beliau memperoleh sebanyak 11,082 undi berbanding lawannya yang mendapat 8,230 undi. Beliau pernah bertanding dalam pilihan raya umum sebelum ini tetapi tewas.

Kawasan DUN Bukit Lanjan mempunyai 28,050 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan komposisi kaum, Melayu 43.75%, Cina 37.7% dan India 18.54 %.

Menyentuh mengenai wawasannya terhadap kawasan yang beliau wakil YB. Lum menegaskan sebagai sebuah kawasan yang didiami oleh pelbagai lapisan masyarakat dan kaum, beliau mempunyai wawasan untuk memajukan kawasan setinggan yang banyak terdapat di kawasanannya.



Bersama para penyokong beliau sewaktu kempen pilihan raya umum 1999 yang lalu



Sentiasa menjalankan amanah yang dipikul walau di mana sahaja beliau berada

Beliau ingin menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas seperti pusat sumber dan tadika bagi kemudahan kanak-kanak, lebih-lebih lagi kepada masyarakat keturunan India yang agak ketinggalan dari segi pendidikan. Beliau turut memberi penekanan bagi mengatasi masalah sosial di kawasanannya.

YB. Lum juga menegaskan yang beliau amat menitikberatkan pendidikan IT di sekolah-sekolah kerana kata beliau masih terdapat ramai kanak-kanak sekolah yang masih belum celik komputer. Beliau turut menyumbangkan beberapa buah komputer bagi kegunaan kanak-kanak sekolah di kawasanannya. Begitu juga kanak-kanak Orang Asli yang banyak terdapat di kawasan Bukit Lanjan. Terdapat ramai ibu bapa masyarakat Orang Asli yang tidak menghantar anak-anak mereka ke

sekolah. Beliau turut menggalakkan masyarakat Orang Asli menghantar anak-anak mereka ke sekolah supaya taraf kehidupan mereka akan terbelak.

YB. Lum Weng Keong telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Thong Oi Lee pada tahun 1983 dan telah dikurniakan dengan empat orang anak. Anaknya yang sulung berusia 16 tahun manakala yang bongsu pula berusia 8 tahun.

YB. Ir. Lum Weng Keong amat gemar membaca dan bersukan. Bagi beliau aktiviti ini adalah amat perlu sebagai ahli politik kerana selain membaca dapat menambah ilmu pengetahuan, bersukan dapat melahirkan badan yang sihat. Kedua-duanya perlu bagi ahli politik seperti beliau.



YB. DATO' HAJI SALAMON BIN SELAMAT
DPMS, SSA, PJK
TIMBALAN SPEAKER
ADUN N. 35 BATU TIGA

Sebelum ini YB. Dato' Salamon Selamat adalah merupakan Ahli Parlimen Shah Alam dari tahun 1995 hingga 1999. Dilihat dari mata kasar beliau merupakan seorang yang serius dan tidak banyak bercakap. Tetapi sebenarnya beliau cukup mesra dengan sesiapa sahaja. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang cukup tegas dalam membuat sebarang keputusan. Maka tidak hairanlah anak kelahiran Klang ini telah mendapat mandat dari Dewan Undangan Negeri Selangor dengan melantik beliau sebagai Timbalan Speaker.

Dilahirkan pada 25 Disember 1947 di Klang, Selangor. Beliau amat bergungguh-sungguh dalam pelajaran sehingga beliau berjaya melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda Ekonomi. Di samping itu juga beliau turut memperoleh beberapa sijil dari Institusi Pengajian Tinggi yang lain seperti Sijil Pengurusan dari Asia Institute of Management, Philipines dan Sijil Pengurusan Tanah dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Memulakan kerjaya beliau sebagai Ketua Penolong Pegawai

Daerah Jelebu, Negeri Sembilan dari tahun 1972 hingga 1974. Kemudian berkhidmat pula di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sebagai Pegawai Tadbir pada tahun 1974. Kerjaya beliau di PKNS meningkat sedikit demi sedikit sehinggalah dilantik menjadi Timbalan Pengurus Besar pada tahun 1983. Jawatan tersebut terus dipegang sehinggalah tahun 1991. Minat beliau dalam politik membuatkan beliau menerima tawaran menjadi Setiausaha Politik kepada Menteri Kewangan pada ketika itu Dato' Seri Anwar Ibrahim dari tahun 1991 hingga 1993. Kemudian



Beliau dijulung oleh penyokongnya setelah berjaya dalam pilihan raya



Beliau bersalaman dengan peserta Rali Petronas

apabila bosnya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau turut mengekalkan jawatan tersebut sehinggalah tahun 1996.

Dalam politik, kini YB. Dato' Salomon adalah merupakan Ketua UMNO Bahagian Shah Alam di samping turut memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor.

Beliau turut aktif dalam pelbagai aktiviti kebajikan dan sosial. Beliau kini merupakan YDP PIBG Sekolah Rendah Kebangsaan Raja Muda, Seksyen 4, Shah Alam, Timbalan Presiden Hoki Selangor Pengerusi Yayasan Pendidikan Shah Alam dan Setiausaha Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan Parlimen Malaysia.

Beliau juga turut aktif dalam beberapa syarikat dengan menjadi Pengarah seperti Sunrise Berhad, Kumpulan Actacorp Berhad, Kumpulan Peransang Selangor Berhad dan beberapa yang lain.

Mula terlibat dalam pilihan raya pada tahun 1995 dengan bertanding di kawasan Parlimen Shah Alam. Dalam pertandingan tersebut beliau berjaya menewaskan lawannya dari PAS dengan majoriti 40,715 undi. Undi majoriti ini merupakan antara

yang tertinggi di seluruh negara. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau beralih ke kawasan DUN Batu Tiga. Beliau menentang calon PAS Mahfuz Mohamed dan menang dengan majoriti 1,773 undi.

Kawasan DUN Batu Tiga terletak dalam kawasan Parlimen Shah Alam mempunyai 26,448 orang pengundi berdaftar dengan pecahan komposisi kaumnya ialah Melayu 64.48%, Cina 19.22%, India 16.21% dan lain-lain kaum 0.09%.

Bagi pengundi di DUN Batu Tiga ini, nama YB. Dato' Salomon bukanlah asing kerana beliau sebelum ini merupakan Ahli Parlimen Shah Alam. Sebagai satu kawasan yang terletak dalam kawasan yang membangun seperti Shah Alam, DUN Batu Tiga sedikit sebanyak turut merasai arus pembangunan yang begitu rancak di bandar raya Shah Alam. Walau bagaimanapun, masalah-masalah seperti setinggan dan banjir memang menjadi masalah utama di sini. Inilah yang menjadi agenda utama YB. Dato' Salomon iaitu bagi mengatasi masalah tersebut. Beliau meletakkan sasaran menghapuskan masalah setinggan dan banjir ini menjelang tahun 2004 sejajar dengan hasrat kerajaan negeri bagi menghapuskan setinggan dan menjadi sebuah negeri maju menjelang tahun 2005.



YB. DATO' SERI DR. HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR
SPMS, SMT, PIS, FCIT, FMIP
ADUN N. 10 PERMATANG

Nama Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan di arena politik Negeri Selangor bukanlah baru. Bahkan nama beliau sebaris dengan tokoh-tokoh politik negeri Selangor seperti Tan Sri Muhammad Mohd Taib, Dato' Harun Idris dan Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali. Namun disebabkan perawakan beliau yang agak merendah diri dan tidak banyak bercakap, nama beliau agak kurang menonjol. Tetapi apabila bekas Menteri Besar Selangor iaitu Tan Sri Muhammad Mohd Taib bersara daripada jawatan Menteri Besar Selangor, nama beliau tiba-tiba sahaja melonjak naik dan disebut-sebut sebagai bakal menerajui negeri Selangor di samping nama-nama lain seperti Dato' Zainal Abidin bin Ahmad dan Dato' Haji Zainal Dahalan. Akhirnya apabila beliau mendapat restu dari YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bertanding dalam pilihan raya kecil DUN Permatang pada tahun 1997, maka sahlah pertabalan beliau sebagai Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Mohd Taib. Beliau menjadi Menteri Besar Selangor sehinggalah Ogos 2000 apabila beliau bersara akibat masalah kesihatan.

Dilahirkan pada 15 September 1940 di Kg. Bukit Belimbing, Kuala Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di



Sedang merasmikan satu majlis anjuran Kerajaan Negeri



Seorang pemimpin yang prihatin masalah rakyat

Sekolah Rendah Kebangsaan, Bukit Belimbing, Kuala Selangor dari tahun 1945 sehinggalah tahun 1950. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian menengah di Sekolah Tinggi Kelang iaitu dari tahun 1951 hingga 1957. Pencapaian beliau di bidang akademik yang agak menonjol melayakkan beliau melanjutkan pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak (MCKK) iaitu sebuah sekolah elit golongan bangsawan Melayu, iaitu pada tahun 1958 hingga 1959. Kecemerlangan akademik beliau diteruskan lagi apabila beliau berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di England pada tahun 1960 di University Hull sehingga 1963. Beliau kemudiannya kembali semula ke University Hull untuk melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat sarjana dalam bidang 'Area and Regional Development' pada tahun 1971 hingga 1973.

Memulakan kerjaya beliau sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Sepanjang kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam, beliau telah memegang jawatan beberapa jawatan antaranya sebagai Penolong Pegawai Daerah Kelang dari tahun 1963 hingga 1967, Ketua Penolong Pegawai Daerah, Kuala Lumpur dari tahun 1967 hingga 1969, Pegawai Daerah Hulu Langat pada tahun 1969, Ketua Penolong Setiausaha Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Timbalan Setiausaha

Kerajaan Negeri Selangor dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah hingga tahun 1978. Kerjaya beliau dalam jabatan kerajaan berakhir pada 20 Jun 1978 apabila beliau terpilih untuk bertanding dalam pilihan raya umum 1978 dalam kawasan Parlimen Kuala Selangor. Penglibatan beliau dalam politik UMNO ber-

mula dalam tahun 1957, di mana beliau telah menjadi ahli biasa UMNO di Cawangan Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor. Pada tahun 1975, beliau berpindah ke UMNO Cawangan Pekan Kuala Selangor. Peningkatan beliau dalam politik UMNO meningkat sedikit demi sedikit. Tetapi usaha ini tidak menghadapi masalah memandangkan latar belakang akademik beliau yang tinggi dan juga sikap merendah diri beliau. Beliau mula meningkat apabila dilantik menjadi Ketua UMNO Cawangan Pekan Kuala Selangor sebelum dilantik menjadi Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor pada tahun 1980 hingga kini. Pada tahun 1982, beliau dilantik pula menjadi Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor. Di samping itu antara jawatan penting yang pernah beliau sandang ialah Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen UMNO Selangor, Pengerusi Biro Khas Bangunan UMNO Selangor, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO Selangor dan Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat Tenaga Ehsan, Syarikat UMNO Selangor. Apabila beliau dilantik menjadi Menteri Besar, beliau telah dilantik menjadi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor sehinggalah beliau mengumumkan persaraan beliau sebagai Menteri Besar.

Di peringkat pusat pula beliau merupakan

tokoh yang tidak pernah tewas dalam merebut jawatan dalam Ahli Majlis Tertinggi UMNO sejak tahun 1984. Pada tahun 1984 dalam pertandingan merebut jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO, beliau telah memperoleh undi ke tujuh tertinggi. Begitu juga pada tahun 1989 beliau memperoleh undi kesembilan tertinggi dalam merebut jawatan yang sama. Pada pemilihan Agung UMNO tahun 2000, beliau bertanding kerusi Naib Presiden UMNO tetapi tewas.

Penglibatan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1978, apabila beliau terpilih mewakili Barisan Nasional bertanding di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Dalam pilihan raya tersebut beliau berjaya menewaskan calon PAS Hj. Noorhadi dengan majoriti 13,008 undi. Beliau berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Selangor pada pilihan raya umum 1982 dengan menewaskan calon DAP Rashid Daud dengan majoriti 18,299 undi. Pada pilihan raya 1986 beliau ditentang oleh calon NASMA Zainuddin Muhammad dan menang lagi dengan majoriti 12,676 undi. Pada pilihan raya umum 1990 beliau ditentang oleh calon Parti S46 Dr. Mohd Haniffa Abdullah dan menang dengan majoriti 9,456 undi. Beliau sekali lagi berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Selangor pada pilihan raya umum 1995 dengan menewaskan calon Parti S46 Amin Husin Abd. Manan dengan majoriti 4,827 undi. Sehingga beliau diminta oleh pucuk pimpinan tertinggi parti menerajui negeri Selangor apabila perletakan jawatan Tan Sri Muhammad Mohd Taib. Beliau bertanding dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang pada 29 Mei 1997 menentang calon PAS Mohd Maskawi Mardzuki dan berjaya dengan majoriti 7,780 undi. Pada pilihan raya umum 1999 beliau berjaya mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Permatang dengan menewaskan calon Parti



Bersama isteri tercinta



Ke mana sahaja beliau pergi sering mendapat perhatian

Keadilan Mohd Yahya Sahri dengan majoriti 2,956 undi. Dengan ini menjadikan beliau salah seorang tokoh UMNO yang tidak pernah tewas sepanjang terlibat dalam pilihan raya.

Di peringkat pusat, Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan Haji Omar mula memegang jawatan sebagai Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebaik sahaja memenangi dalam pilihan raya 1978. Jawatan ini dipegangnya dari 27 Julai 1978 hinggalah 15 September 1980. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat ke jawatan Timbalan Menteri Pertahanan mulai 16 September 1980 hinggalah 16 Julai 1981. Beliau kemudiannya bertukar Kementerian iaitu menjadi Timbalan Menteri Pengangkutan mulai 17 Julai 1981 hingga 16 Julai 1984. Prestasi dan kebolehan yang ditunjukkan oleh Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan Haji Omar selama hampir 7 tahun selaku Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri telah menarik perhatian Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau dinaikkan pangkat menjadi menteri penuh pada 17 Julai 1984 dengan menerajui Kementerian Kebajikan masyarakat. Jawatan ini dipegang selama hampir tiga tahun apabila beliau kemudiannya berpindah ke Kementerian Wilayah Persekutuan mulai 11 Ogos 1986. Jawatan ini dipegang sehingga 19 Mei 1987 apabila kemudiannya beliau bertukar ke Kementerian Luar Negeri iaitu pada 20 Mei 1987. Sewaktu beliau menjadi Menteri Luar Negeri beliau telah berjaya mengharumkan nama negara di mata

dunia terutamanya kejayaan Malaysia menganjurkan mesyuarat CHOGM di Kuala Lumpur pada tahun 1989. Ini telah banyak menaikkan nama beliau selaku Menteri Luar Negeri. Pada 14 Mac 1991, beliau sekali lagi bertukar Kementerian. Kali ini ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu satu Kementerian baru yang baru diwujudkan selepas sahaja pilihan raya umum 1990. Ini merupakan cabaran baru bagi Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan Haji Omar memandangkan Kementerian ini merupakan satu Kementerian baru dan beliau terpaksa berhadapan dengan masalah hal ehwal pengguna dan orang ramai. Namun ini juga merupakan jawatan terakhir beliau dalam kabinet sebelum beliau diangkat menjadi Menteri Besar Selangor. Nyata sekali pengalaman yang luas yang beliau kutip sepanjang menjadi menteri pusat menjadi satu aset terpenting mengapa beliau mendapat kepercayaan Perdana Menteri menggantikan Tan Sri Muhammad Mohd Taib sebagai Menteri Besar Selangor. Beliau dengan rasminya menjadi Menteri Besar Selangor pada 6 Jun 1997 sebaik sahaja memenangi kerusi DUN Permatang dalam pilihan raya kecil pada 29 Mei 1997. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau sekali lagi berjaya mempertahankan kerusi DUN Per-




Sedang meneliti pelan pembangunan

matang menewaskan calon Parti Keadilan, Yahya Sahri dengan majoriti 2,956 undi.

Mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Hajjah Wan Noor bt. Haji Daud pada tahun 1964 atas dasar suka sama suka. Pada masa itu Dato' Seri Abu Hassan bertugas sebagai Penolong Pegawai Daerah Klang manakala Datin Seri Wan Noor bertugas sebagai Jururawat. Hasil dikurniakan dengan lima orang anak iaitu Hasnoradiah, Hasnoriza, Muhamad Hasri, Muhamad Hazali dan Hasnorhana serta tiga orang menantu dan enam orang cucu.

Seperti insan lain, Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan juga mempunyai hobi. Beliau amat gemar berkebud di samping turut minat bermain golf di masa-masa lapang. Buku juga menjadi rakan karib beliau tatkala kelapangan dan tidak hairanlah beliau turut terlibat dalam bidang penulisan. Karya penulisan beliau pernah diterbitkan oleh Pusat Pengajian Pembangunan Malaysia iaitu bertajuk Rancangan Pembangunan Kawasan-kawasan Malaysia Barat. Di samping itu beliau turut meminati bidang fotografi.

Sepanjang penglibatan beliau dalam politik dan sosial, beliau telah dianugerahkan dengan pelbagai bintang kebesaran dan penghormatan. Pada tahun 1976, beliau telah dianugerahkan bintang Setia Mahkota Selangor (SMS) yang membawa gelaran Dato'. Pada tahun 1977, beliau dianugerahkan pula dengan bintang kebesaran Negeri Johor iaitu Pingat Ibrahim Sultan (PIS). Negeri Terengganu turut mengiktiraf sumbangan dan jasa beliau apabila dianugerahkan dengan pingat Setia Mahkota Terengganu (SMT) pada tahun 1978. Pada tahun 1981, beliau sekali mendapat bintang kebesaran Negeri Selangor



Aktif dalam pasukan Askar Wataniah

apabila dianugerahkan dengan bintang Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Dato' Paduka. Pada tahun 1988, beliau dianugerahkan dengan bintang Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Dato' Seri kepada beliau.

Di samping itu beliau juga telah dianugerahkan dengan pelbagai penghormatan dari luar negeri. Pada tahun 1983, mendapat anugerah dari badan profesional iaitu Fellowship of The Chartered Institute of Transport, London (FCIT). Pada tahun 1987, beliau mendapat anugerah Honorary Degree of Doctor of Science dari Universiti Hull, England yang membawa gelaran Doktor (Dr.). Kerajaan Negara Thai juga turut menganugerahkan pingat The Knight Grand Cross of The Most Exalted Order of the White Elephant dari Raja Thai King Bhumibol Adulyadej pada tahun 1988. Beliau turut dianugerahkan dengan Ganghwa Medal – Order of Diplomatic Service Merit Award dari Presiden Korea Selatan, juga pada tahun yang sama. Pada tahun 1989, beliau turut dianugerahkan dengan Order of the Sun of Peru (Grand Cross) dari kerajaan Peru. Ketiga-tiga anugerah ini diperoleh sewaktu beliau menjadi Menteri Luar Negeri.



YB. DATO' HJ. MUFTI BIN SHUIB
DPMS, DSSA, KMN
ADUN N.19 AMPANG

YB. Dato' HJ Mufti Shuib bolehlah dianggap tokoh lama dalam UMNO Negeri Selangor. Telah bergiat dalam UMNO hampir 40 tahun lamanya. Tidak hairanlah beliau begitu dihormati rakan dan lawan, lebih-lebih lagi ketika perbahasan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor. Kebolehan beliau berbahas dan mengeluarkan pendapat cukup mengagumkan. Ketokohan beliau terserlah apabila berjaya mempertahankan kerusi bermula dengan kerusi DUN Keramat pada tahun 1986 kemudian beralih ke kerusi DUN Ampang selama tiga penggal berturut-turut. Beliau juga pernah dilantik menjadi Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor sebaik sahaja memenangi kerusi DUN Keramat dalam pilihan raya umum 1986.

Beliau dilahirkan pada 1 Disember 1940. Pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Politik kepada bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Ahmad Razali Ali pada tahun 1982 hingga 1986. Kemudian terpaksa melepaskan jawatannya



Mengiringi Naib Presiden UMNO, Dato' Seri Najib Tun Razak

apabila terpilih bertanding dalam pilihan raya umum 1986 buat pertama kalinya. Penglibatan beliau dalam politik selama hampir 40 tahun telah menjadikan beliau cukup memahami asam garam politik. Beliau kini merupakan Ketua UMNO Bahagian Ampang Jaya dan menjadi Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor.

Dalam pilihan raya umum 1986, beliau bertanding di kerusi DUN Keramat menentang calon DAP Yap Hon Chu dan calon PAS Ajud Jais.



Beliau prihatin dengan masalah rakyatnya

Beliau menang dengan majoriti 4,840 undi. Didalam pilihan raya umum 1990, beliau sekali lagi bertanding menentang calon Parti Semangat 46 (S46) Ibrahim Abdullah. Beliau berjaya buat kali kedua dengan majoriti 5,558 undi.

Dalam pilihan raya umum 1995, apabila berlaku persempadan semula, beliau berpindah pula ke kawasan DUN baru iaitu DUN Ampang dalam parlimen Ampang Jaya. Beliau berjaya buat kali ketiga berturut-turut menewaskan lawannya dengan majoriti 7,815 undi. Pilihan raya umum 1999, beliau bertanding buat kali keempat menentang calon DAP Richard Yap. Beliau sekali lagi berjaya dengan kelebihan undi sebanyak 1,261 undi. Beliau memperoleh 10,776 undi berbanding lawannya 9,650 undi.

Kawasan DUN Ampang mempunyai

pengundi berdaftar seramai 28,012 orang pengundi. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 53.94%, Cina 40.64%, India 5.18% dan lain-lain kaum 0.24%.

Kawasan DUN Ampang telah mengalami pembangunan yang amat pesat memandangkan kedudukannya yang terletak dalam Lembah Klang. Walaupun terdapat masalah-masalah

seperti setinggan, kekurangan infrastruktur, masalah pendatang, penempatan setinggan yang padat kedudukannya dan sebagainya, tetapi ia bukanlah masalah besar. Ia telah dapat diatasi sedikit demi sedikit sejajar dengan hasrat kerajaan negeri yang mematlamatkan setinggan sifar pada tahun 2005. Sebagai seorang Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Dato' Hj Mufti telah dengan sedaya upayanya menyelesaikan segala masalah yang timbul.



Dato' Hj Mufti melawat gerai di Ampang Jaya

Beliau sentiasa mengamalkan pintu terbuka kepada sesiapa sahaja yang ingin mendapatkan bantuan dan pertolongan beliau. Sebagai seorang wakil rakyat yang diamanahkan, beliau sentiasa berusaha menjalankan amanah tersebut tanpa mengira waktu, masa, keadaan dan persekitaran. Mungkin itulah rahsianya, mengapa beliau masih dapat mempertahankan kedudukannya sehingga kini.



Beliau sedang berucap di sebuah majlis anjuran UMNO

YB. Dato' Mufti bin Shuib telah pun berkeluarga.

**Dengan ingatan tulus ikhlas
daripada**


**AKADEMI SEMPOA & MENTAL
ARITHMETIK UC MASS SDN. BHD.**

Untuk mengeksploitasikan kebolehan minda.	Untuk mempertingkatkan kebolehan daya konsentrasi.
Untuk menguasai Mata Pelajaran Matematik dalam masa yang singkat.	Untuk membina keyakinan diri.


AKADEMI SEMPOA & MENTAL-ARITHMETIK UC MASS SDN. BHD. (277808-D)

92C, Lorong Mamanda 2, Ampang Point,
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-4526828 (8 talian) Faks: 03-4526919



PLAYING OUR ROLE IN THE PROGRESS OF MALAYSIA



What the future holds for us more often than not depends on what we do today.

Continuously, Malaysian Resources Corporation Berhad is enhancing the quality of life of Malaysians through important projects ranging from property development, power generation & transmission, engineering & construction, media and publications to financial services.

By being thoroughly innovative, resourceful and far sighted, we're earnestly developing ourselves to achieve a vision of building a better Malaysia for the future generations.

Forming strategic alliances further helps us to achieve this. Everyday, we're creating new pathways to lead the way, to play our role, to go beyond the ordinary frontiers.

We're building solid partnerships to last us a lifetime. Simply because now more than ever, "Tomorrow Begins Today".

MRCB
MALAYSIAN RESOURCES
(7994-D)



YB. DATO' AHMAD BHARI ABD. RAHMAN
DSSA, PPT, JP
ADUN N. 14 SELAYANG BHARU

Ketika pertama kali nama beliau dicalonkan Kuntuk bertanding bagi kerusi DUN Gombak Setia pada pilihan raya 1990, isteri beliau sendiri tidak pernah menduga. Ini memandangkan, Datuk Ahmad Bhari sendiri tidak pernah membayangkan hasratnya untuk menceburi dalam bidang politik secara sepenuh masa. Namun nasib ternyata menyebelahi Datuk Ahmad Bhari apabila beliau menang dalam percubaan pertamanya menewaskan calon PAS dengan majoriti 10,664 undi dan terus kekal menjadi wakil rakyat yang disegani hingga kini. Biar pun bertukar kawasan ke kawasan DUN Selayang Bharu, namun pertukaran tersebut tidak sedikitpun menggugat kedudukan beliau sebagai wakil rakyat.

Ahmad Bhari dilahirkan pada 6 Mac 1949 di Kg. Gombak, Kuang, Selangor. Merupakan anak sulung dalam keluarga yang ramai. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Kuang pada tahun 1956 hingga 1961. Beliau kemudiannya meneruskan pelajarannya ke Sekolah Menengah Petaling Jaya dari tahun 1962 hingga

1966 dan ke Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur dari tahun 1967 hingga 1969. Berkat usahanya beliau berjaya pula melanjutkan pelajaran beliau ke Universiti Malaya dan lulus dengan cemerlang dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Sastera pengkhususan dalam bidang antropologi dan sosiologi dalam tahun 1973.

Jawatan pertama beliau dalam kerajaan ialah Penolong Penguasa Kastam, Jabatan Kastam dan Eksais. Diraja dalam tahun 1973 sebelum dilantik



Mengiringi TPM dalam satu program di Selayang

menjadi Perangka-wan, Jabatan Perangkaan Malaysia dari tahun 1973 hingga 1982. Beliau juga pernah bertugas di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dari tahun 1983 hingga 1985 sebelum dinaikkan pangkat menjadi Pengarah di Jabatan yang sama di tiga buah negeri iaitu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan dari tahun 1985 hingga 1988 sebelum beliau berhenti daripada perkhidmatan awam untuk menceburi bidang politik sepenuh masa.

YB. Dato' Ahmad Bhari memulakan karier politik pada tahun 1980 sebagai Ketua Pemuda UMNO Cawangan Kg. Kuang, Selayang. Selepas itu beliau meningkat setingkat demi setingkat dengan menjawat jawatan Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Selayang pada tahun 1982 hingga 1985. Beliau kemudiannya berjaya meningkat setapak lagi dengan menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian Selayang pada tahun 1985 hingga 1989. Pada masa yang sama beliau turut terpilih menjadi EXCO Pemuda UMNO Malaysia pada tahun 1988 hingga 1990. Pada tahun 1989 beliau menang jawatan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Selayang dan jawatan itu dipegangnya hingga kini. Pada tahun yang sama juga beliau telah mendapat kepercayaan Ketua Pemuda UMNO Malaysia Dato' Najib Tun Razak mengetuai Pemuda UMNO Selangor setelah penyandang pada masa itu Kamaruddin Ahmad gagal mempertahankan jawatannya sebagai Ketua Pemuda UMNO Shah Alam. Jawatan ini dipegangnya sehingga 1991.

Semasa beliau mengetuai Pemuda UMNO Selangor kepimpinan beliau terserlah terutamanya dalam mengembalikan kepercayaan orang Melayu setelah mendapat saingan dari Parti Melayu Semangat 46. Beliau telah menggerakkan jentera pemuda terutamanya dalam menghadapi pilihan raya-pilihan raya kecil seperti Ampang Jaya, Parit Raja, Johor dan pilihan raya kecil Kijal, Terengganu. Jentera pemuda UMNO Selangor sentiasa mendapat pujian.

Di samping itu beliau turut bergerak aktif dalam aktiviti sosial dengan menjadi Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Daerah Gombak pada tahun 1983, Presiden Persatuan Badminton Melayu Malaysia dari tahun 1992 hingga kini, EXCO Belia 4B dari tahun 1994 hingga kini dan Pengerusi Belia 4B Negeri Selangor dari tahun 1996 hingga kini.

YB. Dato' Ahmad Bhari mula mendapat kepercayaan pucuk pimpinan parti bertanding dalam pilihan raya tahun 1990. Beliau bertanding di DUN Gombak Setia. Beliau berjaya menewaskan calon PAS Baharin Othman dengan majoriti 10,664 undi. Dalam pilihan raya umum 1995, beliau bertanding pula di DUN Selayang Baharu dan menang menewaskan calon PAS Hasbollah Mohd Arif dengan majoriti 13,140 undi. Manakala pada pilihan raya umum 1999 beliau menewaskan calon Parti Keadilan, Idrus Wan Chik dengan majoriti 2,845 undi.

Kawasan DUN Selayang Bharu mempunyai seramai 30,718 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 54.48%, Cina 33.36%, India 11.96% dan lain-lain kaum 0.2%.

Mendirikan rumah tangga dengan Datin Noraziah Haji Shamsuri dan dikurniakan dengan enam orang anak iaitu Norashikin, Noraizam, Amir Nordin, Ahmad Afzal, Ahmad Firdaus dan Ahmad Azri.



Berucap dalam sebuah majlis



YB. DATO' HJ MAD ARIS HJ. MAD YUSOF
DSSA, AMS, PJK
ADUN N.20 PANDAN

YB. Dato' Hj Mad Aris Yusof bolehlah dianggap sebagai wakil rakyat lama di DUN Selangor. Telah masuk penggal ketiga beliau terpilih sebagai wakil rakyat. Beliau telah cukup masak dengan asam garam sebagai wakil rakyat. Cukup dikenali sebagai wakil rakyat yang cukup prihatin dengan masalah rakyat terutamanya masalah setinggian. Beliau sentiasa bertungkus-lumus

menyelesaikan sebarang masalah tidak kira tempat, masa dan keadaan. Maka tidak hairanlah beliau kekal selama tiga penggal berturut-turut mewakili kawasan DUN Pandan.

Anak kelahiran Negeri Sembilan ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tampin sebelum melanjutkan pelajarannya di Sekolah Menengah Tunku Besar Tampin, Negeri Sembilan. Beliau adalah lulusan Sijil Kejuruteraan Awam dari Institut Teknologi Mara pada tahun 1983.

Memulakan kerjaya sebagai Juruteknik di Jabatan Kerjaraya, Wilayah Persekutuan pada



Dato' Hj Mad Aris di hari penamaan calon

tahun 1970. Beliau kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Pembantu Teknik sehinggalah beliau meletakkan jawatan pada tahun 1990 bagi membolehkan beliau bertanding dalam pilihan raya umum buat kali pertama.

Aktif dalam UMNO sejak tahun 1970-an lagi dengan mula menjadi Ketua Pemuda UMNO Cawangan Ampang Hilir dari tahun 1979 hingga 1981. Beliau kemudiannya terpilih pula menjawat jawatan sebagai AJK UMNO bahagian Ampang Jaya meningkat setapak lagi apabila terpilih pula menjadi Setiausaha UMNO Bahagian Ampang Jaya dari tahun 1988 hingga 1989. Kini beliau merupakan Timbalan Ketua UMNO Bahagian

Ampang Jaya yang beliau pegang sejak tahun 1989 lagi disamping mengekalkan jawatan sebagai Ketua UMNO Cawangan Taman Ampang Hilir. Sebagai seorang pemimpin yang dihormati, beliau turut dilantik menganggotai beberapa buah badan kerajaan dan sosial. Antaranya ialah sebagai Ahli Majlis MPAJ sejak tahun 1992, Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Kebangsaan AU 3 Keramat dan beberapa buah badan dan pertubuhan lain.

Terpilih buat pertama kalinya bertanding dalam pilihan raya umum 1990 menentang calon Parti Melayu S46 Sarjat Ali dan menang dengan majoriti 4,048 undi. Dalam pilihan raya umum 1995, beliau berjaya mempertahankan kerusinya mengalahkan lawannya dengan majoriti 12,654 undi. Pada pilihan raya umum 1999, beliau menentang calon Parti Keadilan, Abdullah Sani Abdul Hamid dan berjaya buat kali ketiga dengan majoriti 2,034 undi.



Beliau bertemu penduduk pelbagai kaum



Dalam satu ceramah pilihan raya

DUN Pandan terletak di kawasan Parlimen Ampang Jaya, mempunyai 36,018 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 52.59%, Cina 40.48%, India 6.7% dan lain-lain kaum 0.22%.

Menyentuh mengenai wawasan beliau terhadap kawasan DUN Pandan, YB. Dato' Mad Aris Yusof menjelaskan: **“Saya ingin menjadikan kawasan ini sebagai satu kawasan pembangunan yang mampan serta saya ingin menghapuskan kawasan-kawasan setinggan. Saya berhasrat membawa kawasan DUN Pandan ini ke arah kawasan yang lebih cemerlang menuju ke alaf baru”.**



YB. DATO' TEH CHANG YING
DSSA, AMS, PJK
ADUN N. 42 PELABUHAN KLANG

YB. Dato' Teh Chang Ying, ADUN Pelabuhan Klang bolehlah dianggap tokoh lama dalam Parti MCA sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Kini telah masuk tiga penggal beliau terpilih sebagai wakil rakyat. Sikap beliau yang mudah mesra, bertanggungjawab dan sedia berkhidmat kepada sesiapa sahaja menjadikan beliau begitu mudah diterima oleh pengundi di kawasannya. Tidak hairanlah Pusat Khidmat Wakil Rakyat beliau sentiasa dipenuhi dengan pelbagai kaum, usia dan status bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pertolongan beliau.

Walaupun hanya berpendidikan setakat sekolah menengah sahaja tetapi itu tidak sedikitpun mematahkan semangat beliau untuk terus maju dalam kerjaya dan politik beliau. Beliau pernah bertugas sebagai seorang guru sebelum melibatkan diri secara serius dalam politik.

Dalam politik, beliau pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam Parti MCA di peringkat bahagian, negeri dan nasional. Di



Dalam sebuah majlis bersama Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik

peringkat bahagian, beliau pernah menjadi Ketua Pemuda MCA Bahagian Klang merangkap Naib Pengerusi MCA Bahagian Klang pada tahun 1987 hingga 1992. Pada tahun 1993, beliau menang jawatan Ketua MCA Bahagian Klang yang beliau pegang hingga 1999. Di peringkat negeri pula pada tahun 1987 hingga 1992, beliau menjawat jawatan Timbalan Ketua Pergerakan Pemuda MCA Selangor. Pada masa yang sama juga, beliau turut menganggotai Pergerakan Pemuda MCA Kebangsaan sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat. Pada tahun 1995 beliau memegang jawatan sebagai Naib Pengerusi MCA Negeri Selangor hingga 1999.

Beliau turut aktif dalam pelbagai badan



Menghulur sumbangan derma kepada penduduk

pertubuhan dan persatuan sosial. Antaranya ialah beliau merupakan Ahli Majlis Perbandaran Klang yang beliau pegang dari tahun 1990 hinggalah 1999. Beliau juga turut menganggotai Jawatankuasa Pemulihan Dadah Kebangsaan dan menjadi Penasihat kepada beberapa buah pertubuhan sukarela dan beliau yang lain.

Beliau bertanding buat pertama kali pada tahun 1990 di kawasan DUN Pandamaran. Dalam pilihan raya tersebut beliau menentang calon DAP Deligannu Allagan dan calon Bebas Ramli Moin dan berjaya menewaskan lawan-lawannya dengan majoriti 1,414 undi. Pada pilihan raya umum 1995, kerajaan, beliau sekali terpilih dan bertanding di kawasan baru iaitu Pelabuhan Klang. Beliau berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti yang bertambah iaitu 9,671 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau sekali lagi bertanding menentang calon DAP Tee Boon Hock dan menang dengan majoriti 5,193 undi.

DUN Pelabuhan Klang mempunyai 40,988 orang pengundi. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 45.28%, Cina 39.43%, India 14.99% dan lain-lain kaum 0.03%.

Pelbagai pembangunan telah berjaya dan sedang beliau usahakan bagi kemudahan penduduk DUN Pelabuhan Klang. Sejarang dengan perubahan zaman, Pandamaran telah bertukar wajah dari sebuah kawasan paya menjadi bandar baru yang

pesat membangun. Ini dapat dimanifestasikan dengan terdapatnya banyak kilang-kilang yang serba moden, jalan-jalan yang berturap, kawasan-kawasan perumahan baru, auditorium serbaguna, lima buah sekolah menengah, empat buah sekolah jenis kebangsaan, sebuah hotel bertaraf tiga bintang dan lain-lain lagi.

Sebagai satu kawasan yang terletak berhampiran laut, DUN Pelabuhan Klang mempunyai sebuah pelabuhan yang bertaraf antarabangsa iaitu Pelabuhan Barat. Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan hampir RM366 juta untuk membina sebuah lebuh raya yang menghubungkan Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Utara. Ini bertujuan untuk memajukan lagi Pelabuhan Barat. Lebuh raya ini telah siap dibina pada Ogos 1999 dan telah dibuka untuk kegunaan orang ramai. Hasil daripada pembinaan lebuh raya ini, sekurang-kurangnya 30% daripada kenderaan berat telah menggunakan lebuh raya ini dan telah mengurangkan kesesakan di jalan raya Pandamaran.

Hasil daripada usaha beliau juga, kerajaan telah memperuntukkan hampir RM7 juta untuk menukarkan saluran paip yang telah usang di Pandamaran sehingga khidmat bekalan telah dapat dipertingkatkan. Penduduk-penduduk rumah pangsa di Jalan Markas Pelabuhan Klang juga telah mendapat nikmat hasil daripada usaha beliau. Tangki-tangki air yang uzur dan usang telah diganti dengan kos keseluruhan hampir RM1 juta.

Sebagai 'Party Whip' MCA dalam Majlis Perbandaran Klang, beliau juga telah berjaya mendapat kelulusan sebanyak RM450,000.00 untuk memperbaiki sistem saliran air di kawasan Pandamaran. Apabila projek sejauh 2 km itu siap, sistem saliran di kawasan tersebut akan dapat diperbaiki.

YB. Dato' Teh Chang Ying telah berumah tangga dan mempunyai empat orang anak.



YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN PALIL
DSSA, KMN, AMN, PPT, PJK
ADUN N. 39 SEMENTA

YB. Dato' Haji Abdul Rahman Palil, dikenali sebagai seorang tokoh dalam pergerakan belia. Beliau amat dikenali sebagai seorang yang lantang bersuara dalam menyuarakan isu-isu yang berkaitan dengan belia. Nama beliau sebaris dengan tokoh-tokoh muda UMNO Selangor satu waktu dahulu seperti Dato' Fuad Hassan, YB. Dato' Ahmad Bhari dan YB. Dato' Fatah Iskandar.

Dilahirkan pada 29 Oktober 1956 di Batu 6, Sementa, Kapar, Selangor. Mendapat pendidikan di Klang sehingga lulus Sijil Tinggi Persekolahan (STP) dan lulus Empat Senawi dari Darjah Khas Agama Selangor.

Penglibatan beliau dalam politik UMNO bermula sejak lama dahulu dengan memegang beberapa jawatan penting sama ada di peringkat cawangan mahupun bahagian. Kini beliau memegang jawatan selaku Ketua UMNO Cawangan Seri Keramat Batu 5, Jalan Kapar. Manakala di peringkat bahagian beliau adalah merupakan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kapar. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kapar selama dua penggal iaitu dari



Menerima penghargaan

tahun 1985 hingga 1987 dan penggal 1993 hingga 1996.

Di peringkat negeri, beliau adalah Setiausaha Biro pendidikan UMNO Negeri. Kini, beliau telah mendapat kepercayaan UMNO Selangor dengan melantik beliau sebagai Ketua Penerangan Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor sejak Ogos 2000 yang lalu. Beliau juga pernah mendapat kepercayaan menduduki kerusi Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Sebagai pemimpin yang dihormati diperingkat negeri dan nasional, YB. Dato' Abdul Rahman Palil telah diberi kepercayaan dan amanah menduduki beberapa jawatan penting dalam badan-badan kerajaan negeri dan swasta. Antaranya ialah sebagai Ahli Jawatankuasa Tanah PKNS, Pengerusi Pembangunan PKNS Bandar Sultan Sulaiman Pelabuhan Klang, Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Daerah Klang, Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES), Timbalan Pegawai Jawatankuasa Tetap (STENCO) Pertanian dan Perikanan Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Tetap (STENCO) Belia dan Sukan Negeri dan Ahli Jawatankuasa Tetap (STENCO) Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri.

Beliau juga aktif dalam pelbagai pertubuhan sosial terutamanya pertubuhan belia dan sukan sama ada di peringkat negeri dan daerah. Beliau kini merupakan Ahli Majlis Perunding Belia Negara, Setiausaha Majlis Perundingan Belia Selangor, Presiden Majlis Belia Negeri Selangor, Naib YDP I Majlis Kebudayaan Negeri Selangor, Timbalan Presiden Kesatuan Pelajar Melayu Selangor, Ahli Lembaga Tabung Amanah Belia Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Pemuda Jamiyah/Dakwah Islamiah Selangor, Naib YDP II Persatuan Sepak takraw Selangor dan Ahli Majlis Pengakap Negeri Selangor.

Di samping itu beliau turut memegang beberapa jawatan di peringkat daerah seperti YDP Majlis Kebudayaan dan Kesenian Daerah Klang, YDP Kesatuan Pelajar-pelajar Melayu Selangor Cawangan Kapar, YDP Persatuan Pengakap Daerah Kapar, Penasihat Gabungan Persatuan Penduduk Daerah Kapar dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan DUN Sementa.

Pembabitan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1994 apabila terpilih



Mengiringi Menteri Besar dalam sebuah majlis kerajaan



Seorang tokoh belia yang lantang bersuara


bertanding dalam pilihan raya kecil DUN Sementa. Dalam pertandingan tersebut beliau berjaya menewaskan lawannya. Beliau sekali lagi terpilih bertanding dalam pilihan raya umum 1995 dan berjaya sekali lagi menewaskan lawannya dengan

majoriti 9,446 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau menentang calon Parti Keadilan Nasional, Hamidzun Khairuddin dan calon Bebas N. Tamlarasan. Beliau berjaya buat kali ketiga berturut-turut dengan undi majoriti 3,369 undi.

DUN Sementa terletak dalam kawasan Parlimen Kapar. Mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 27,310 orang pengundi dengan 53.82% adalah Melayu, Cina 31.48%, India 14.68% dan selebihnya lain-lain kaum.

Di DUN Sementa terdapat sekitar 11 buah kampung dan beberapa buah taman perumahan baru. Menurut YB. Dato' Abdul Rahman Palil, terdapat beberapa masalah utama yang boleh diselesaikan dalam jangkamasa pendek dan ada yang mengambil masa yang lama. Antaranya ialah masalah yang bersangkutan dengan birokrasi seperti masalah pemberian hak milik tanah. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang bersangkutan dengan pembangunan, menurut kata beliau, DUN Sementa seperti juga di kawasan-kawasan yang lain di negeri Selangor turut mengalami pembangunan yang pesat. Masalah-masalah seperti kemudahan infrastruktur hampir telah dapat diatasi dan tidak timbul langsung. Beliau berharap penduduk-penduduk di DUN Sementa dapat terus menyokong parti pemerintah agar pembangunan yang berterusan akan dapat dijalankan dengan jayanya.

STRUKTUR PERNIAGAAN ACMAR INTERNATIONAL GROUP



No.32A, Jalan Tiara 2, Bandar Baru Klang,
41150 Klang

Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-3438833, Fax : 03-3432623

E-Mail : enquiry@acmar.po.my HOMEPAGE : www.acmar.com



YB. DATO' ABD. SAMAD MAHARUDDIN
DSSA, KMN, AMS, AMN, PJK, JP
ADUN N. 45 MORIB

YB. Dato' Abd. Samad Maharuddin, mempunyai sebab yang harus dibanggakan. Beliau pernah berkhidmat dengan enam orang Menteri Besar bermula dengan Dato' Harun Idris selaku Pegawai Khas hinggalah dengan Menteri Besar Selangor sekarang Dato' Mohamad Khir Toyo selaku wakil rakyat. Agak jarang seseorang ahli politik dapat bertahan sebegitu lama.

Dilahirkan pada 13 Ogos 1937 di Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat, Selangor. Beliau merupakan anak tunggal hasil perkongsian hidup

antara Maharuddin Abu Bakar dan Saminah Kassim dan mempunyai empat orang adik-beradik berlainan ibu. Disebabkan perceraian antara kedua ibu bapanya, beliau tinggal bersama ibunya di rumah datuknya Kassim Abdullah dan neneknya Zainab Abbas di Kampung Bukit Changgang. Datuknya adalah Ketua Kampung dan merupakan antara peneroka pertama Kampung Labuhan Dagang dan Bukit Changgang. Beliau dibesarkan dan diasuh dengan penuh kasih sayang dan adat ketimuran.



Bergambar kenangan bersama bekas Menteri Besar Selangor dalam sebuah majlis

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Changgang dan Labuhan Dagang sehingga darjah V dan melanjutkan pelajarannya ke darjah VI dan VII di Sekolah Melayu Banting. Seterusnya beliau melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Ingeris Jublee, Klang iaitu sebuah sekolah persendirian sehingga lulus Junior Cambridge. Beliau turut mendapat pendidikan di Goon Institution, Batu Road Kuala Lumpur.

Beliau mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penulisan khususnya dalam karangan, puisi dan pantun Melayu dan telah mendapat banyak penghargaan dari guru beliau sewaktu bersekolah. Memulakan kerjaya beliau sebagai seorang pemberita daerah pada tahun 1959 kepada akhbar Utusan Melayu Press Limited yang berpusat di Singapura dan cawangannya di Kuala Lumpur. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai wartawan Utusan Melayu selama 10 tahun.

Kemudiannya menjadi pemberita tetap akhbar di Kumpulan Utusan Melayu. Banyak tulisan-tulisannya tersiar di *Utusan Zaman*, *Utusan Filem*, *Mastika* dengan nama samaran seperti Asma Banting atau Asma. Beliau berhenti dari Utusan Melayu pada tahun 1969 apabila dilantik menjadi Wakil Peribadi kepada Dato'

Harun Idris yang pada masa itu merupakan Menteri Besar Selangor.

Pembabitan beliau dalam politik bermula sejak tahun 1957 lagi apabila menjadi ahli UMNO biasa di Cawangan Bukit Changgang dan terus memegang jawatan sebagai Penolong Setiausaha UMNO Cawangan dan seterusnya menjadi Penolong Setiausaha UMNO Bahagian. Beliau telah memegang jawatan sebagai Setiausaha UMNO Bahagian selama 25 tahun. Beliau pernah menjadi Ketua UMNO Bahagian dan Naib Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat serta menganggotai pelbagai jawatankuasa sama ada di peringkat negeri dan bahagian sehingga hari ini.

Beliau juga pernah dihantar ke Sabah dan Sarawak untuk menjalankan tugas parti dan kerajaan. Di lapangan kerja amal dan kebajikan pula, beliau banyak terlibat dan menganggotai lebih 50 ahli jawatankuasa yang dilantik oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan. Antaranya ialah Ahli Majlis Daerah Kuala Langat, Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Selangor, YDP Kesatuan Kebajikan Penulis Muda Selangor (KEMUDI) selama 27 tahun, Ahli Jawatankuasa Tetap GAPENA, Naib YDP Persatuan Silat Gayung Malaysia, Naib YDP 1 Persatuan JP Selangor, Ahli Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal

Wanita Selangor dan Timbalan Pengerusi Tetap Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Selangor.

YB. Dato' Abd. Samad turut aktif dalam bidang perniagaan dan memegang 20 jawatan pengarah dalam pelbagai syarikat. Antaranya ialah Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Kumpulan ACMAR, SAP Holdings Berhad dan Jugra Palm Oil Sdn. Bhd.



Bersalaman dengan Raja muda Selangor selepas majlis watah perantikan

Pembabitan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1995 apabila terpilih buat pertama kalinya. Beliau berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti 5,774 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau menentang calon PAS Ramli Sidom dan berjaya buat kali kedua dengan majoriti 1,353 undi.

DUN Morib terletak dalam kawasan Parlimen Kuala Langat. Mempunyai 19,509 orang pengundi berdaftar dengan pecahan mengikut kaum, Melayu 55.69%, Cina 25.97%, India 18.25% dan lain-lain kaum 0.09%.

Semenjak beliau menjadi ADUN Morib, beliau telah mengadakan pelbagai projek pembangunan dan program. Antaranya Projek PROMAC atau Projek Meningkatkan Angka Cemerlang UPSR di kawasan DUN Morib. Projek ini telah berjalan selama hampir lima tahun dan telah banyak membekalkan peralatan seperti komputer dan mesin fotostat ke sekolah-sekolah Daerah Kuala Langat. Projek ini turut memberi peruntukan khas kepada pihak PIBG untuk menjalankan projek berkaitan dengan pendidikan. Beliau juga merupakan seorang wakil rakyat yang amat mengambil berat tentang masalah penduduk luar bandar dan amat prihatin mengenai masalah yang berkaitan dengan kemudahan asas dan pendidikan.

Telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Entek Kamariah Jainuddin dan telah dikurniakan dengan tujuh orang anak iaitu Mohd Khairul, Haslida, Kamarul Ariffin, Mohd Jefri, Kamarul Effendi, Shamsul Anuar dan Badrul Hisyam. YB. Dato' Abd. Samad mempunyai falsafah, "*Tersenyum masa susah, buat baik berpada-pada dan buat jahat jangan sekali*".



Dalam sebuah majlis Barisan Nasional



Bersama isteri tersayang Datin Entek Kamariah

Moto hidupnya ialah "*Berhidmat untuk agama, bangsa dan negara*".



YB. DATO' HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN
DSSA, KMN, ASA, PJK
ADUN N. 29 PUCHONG

YB. Dato' HJ. Mohamad Satim ADUN Puchong ini bolehlah dianggap sebagai tokoh lama dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Telah masuk tiga penggal beliau menjadi wakil rakyat. Boleh dikatakan beliau telah masak dengan asam garam politik. Dilihat dari raut wajah, beliau kelihatan agak serius orangnya. Tetapi di sebaliknya, beliau seorang yang mudah diajak berbual dan mesra dengan sesiapa sahaja. Ini mungkin kerana latar belakang beliau yang datang daripada keluarga yang susah.

Dilahirkan pada 24 November 1954 di Banting, Selangor. Beliau merupakan seorang anak yatim kerana ayahnya meninggal dunia sewaktu beliau berusia empat bulan dalam kandungan ibunya. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Batu Laut sehingga darjah enam. Beliau kemudiannya beralih pula ke Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut sehingga lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 1971. Beliau seterusnya berjaya memperoleh Diploma Pengajian Perniagaan dari Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1976.

Memulakan kerjaya beliau sebagai Pegawai Pemasaran di Razak & Ramli Stock and Shares Brokes pada tahun 1973. Beliau kemudiannya bertukar kerja sebagai Kerani di Bank Bumiputra Malaysia sehinggalah 1974. Pada tahun yang sama, beliau sekali lagi beralih tempat kerja dengan

bekerja pula di Universiti Pertanian Malaysia sebagai Kerani. Pada tahun 1975, beliau dinaikkan pangkat menjadi Pembantu Tadbir sehinggalah ke tahun 1985. Beliau meninggalkan jawatannya sebagai Pembantu Tadbir untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan dalam pembekalan alat



Berucap dalam sebuah majlis



Semasa merasmikan menyuarat pemuda dan wanita UMNO Serdang

tulis. Beliau kemudiannya beralih pula ke bidang perumahan. Pada tahun 1995, beliau telah terpilih pula menjadi calon dalam pilihan raya umum.

Mula aktif dalam UMNO sejak masih bekerja di UPM lagi. Pada tahun 1988, beliau pernah bertanding merebut jawatan sebagai Ketua UMNO Bahagian Puchong tetapi tewas. Walau bagaimanapun, beliau berjaya merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Puchong. Kini, beliau merupakan Ketua UMNO bahagian tersebut.

Beliau juga terlibat dalam beberapa buah pertubuhan sosial dan kemasyarakatan. Antaranya ialah Pengerusi Majlis Belia Daerah Petaling sejak tahun 1993, Bendahari PEMADAM Negeri Selangor sejak tahun 1995, Bendahari Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor sejak tahun 1996, Ahli Kehormat Pengakap Malaysia dan juga pernah menjadi Pengurus Pasukan Silat Olahraga dan Silat Seni Sukan SEA di Brunei.

Mula terpilih bertanding dalam pilihan raya pada tahun 1995. Beliau menentang calon Parti Melayu S46 dan menang dengan majoriti 12,767 undi. Pada pilihan raya umum 1999, menentang calon Parti Keadilan Nasional, Yaacob Sapari.

Beliau menang dengan majoriti 4,971 undi. Beliau memperoleh 17,861 berbanding lawannya yang mendapat 12,890 undi.

Kawasan DUN Puchong terletak dalam kawasan Parlimen Serdang. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 48.56%, Cina 35.41%, India 15.26%, kaum lain 0.77%.

YB. Dato' Hj Mohamad Satim Diman

dikenali sebagai seorang pemimpin yang bertanggungjawab, peramah, senang dihubungi walau di mana dan apa jua keadaan sekalipun. Beliau amat disenangi oleh pengundi DUN Puchong.



Menyampaikan hadiah kepada pelajar



Menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam majlis sukan daerah Puchong

Beliau mempunyai wawasan untuk menyatupadukan masyarakat Melayu di DUN Puchong ini melalui Parti UMNO di samping beliau juga ingin menaikkan taraf ekonomi dan kehidupan masyarakat DUN Puchong khususnya masyarakat Melayu. Beliau juga ingin menaikkan taraf mutu pendidikan di semua sekolah di kawasannya.

YB. Dato' Satim telahpun mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajjah Nor Ayahati bt. Mohd Yusof dan telahpun dikurniakan dengan empat orang cahayamata iaitu Mohd Nuzul Azuan, Nurul Izza, Mohd Izzat dan Nussahriah.

Bagi mengenang jasa dan pengorbanan beliau, beliau telah dikurniakan dengan beberapa gelaran dan pingat. Antaranya ialah Pingat Darjah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1997, Kesatria Mangku Negara (KMN) pada tahun 1999, Ahli Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada tahun 1994 dan Pingat Jaksa Kebaktian pada tahun 1989.

Sebagai pemimpin yang berjiwa rakyat, bukanlah gelaran yang dikejar, tetapi yang lebih penting ialah berkhidmat dengan penuh jujur dan penuh beramanah demi untuk kemajuan bangsa.



YB. DATO' LEE HWA BENG
DSSA, AMS
ADUN N. 34 SUBANG JAYA

Perawakan beliau agak sederhana tetapi cukup peramah apabila diaju dengan sebarang soalan menjadikan tidak kekok untuk berbicara dengan beliau. Ini ternyata merupakan satu aset yang cukup besar kepada beliau kerana dengan sikap beliau inilah menjadikan beliau cukup diterima oleh sebilangan besar pengundi di DUN Subang Jaya. Kini telah dua penggal beliau terpilih sebagai wakil rakyat di kawasan yang boleh dikatakan sebagai kawasan elit iaitu DUN Subang Jaya. YB. Dato' Lee Hwa Beng cukup dikenali sebagai seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab. Ini terbukti apabila beliau adalah satu-satunya wakil rakyat yang telah menghantar laporan prestasi kepada Persatuan Penduduk Petaling Jaya (PEJRA) dari sepuluh wakil rakyat yang terpilih bagi tujuan tersebut.

Dilahir pada tahun 1956. Mendapat pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Inggeris Jasin, Melaka pada tahun 1970 hingga 1972. Kemudiannya beliau berjaya melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Menengah Teknik, Cheras, Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Kolej Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur di Jabatan Pengajian Pemiagaan dan lulus Diploma Perdagangan. Kini beliau merupakan Ahli Fellow, Persatuan Berkanun Akauntan Bertaualiah (ACCA), UK, Ahli Fellow Institut Percukaian Malaysia dan Ahli Institut Berkanun Kesetiausahaan & Pentadbiran (ICSA), UK.

Sebagai seorang Akauntan bertaualiah, Dato' Lee Hwa Beng telah membuka firma perakaunan dan percauaian iaitu HB Lee & Co.

Dalam politik YB. Dato' Lee Hwa Beng merupakan Ketua MCA Bahagian Subang di samping memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa MCA Negeri Selangor. Di samping itu beliau juga merupakan Ketua Biro Ekonomi Pemuda MCA Kebangsaan.

Beliau turut aktif dalam bidang sosial dengan memegang pelbagai jawatan seperti Ahli Majlis Perbandaran Petaling Jaya dari tahun 1987 hingga 1997, Ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya sejak tahun 1998 dan juga merupakan Presiden Persatuan Bola Keranjang Negeri Selangor.

Pembabitan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1995 apabila terpilih bertanding dalam pilihan raya buat kali pertama. Beliau berjaya menewaskan lawannya dari DAP. Pada pilihan raya 1999, beliau berjaya mempertahankan kerusi beliau buat kali kedua berturut-turut dengan menewaskan calon DAP Ong Ing Siong dengan majoriti 6,895 undi. Beliau memperoleh 15,701 undi manakala lawannya mendapat 8,806 undi.

DUN Subang Jaya mempunyai mempunyai seramai 32,688 orang pengundi berdaftar.



Meraikan kemenangan dalam pilihan raya bersama penyokong



Sedang berucap dalam kempen pilihan raya

Mengikut pecahan kaum, Melayu 42.79%, Cina 46.15%, India 10.66% dan kaum lain 0.4%.

Menyentuh mengenai kawasan yang diwakili beliau, beliau menyatakan sebagai sebuah kawasan yang ramai dihuni oleh golongan elit, beliau akan menekankan kepada pembangunan kemudahan pusat rekreasi dan sukan untuk kemudahan penduduk di kawasanannya. Ini amat penting katanya kerana sebagai sebuah kawasan yang ramai penduduknya dari golongan profesional sudah pasti setelah penat bekerja mereka perlukan sebuah

tempat untuk beriadah bersama keluarga. Antara usaha yang telah dilakukannya ialah menubahkan Akademik Badminton Pelikan pada tahun 1997 dengan mengupah jurulatih profesional dari China, Han Jian bagi melatih kanak-kanak sekolah yang terpilih, memperkenalkan program "Ahad Bersama MPSJ" yang menyediakan kelas-kelas aerobik, taichi dan klinik bola sepak per-cuma dan pelbagai aktiviti lain.

Di samping itu beliau juga akan memperbanyakkan kemudahan perpustakaan. Buat masa ini katanya sebuah Perpustakaan Hypermedia iaitu sebuah perpustakaan digital yang pertama di negara ini telah berjaya diwujudkan di kawasanannya. Ini sesuai dengan wawasannya mahu menjadikan masyarakat di DUN Subang Jaya sebagai masyarakat yang bercorak elektronik (E-Komuniti) menjelang tahun 2005.

Meningkatkan taraf pendidikan di kawasanannya turut menjadi agenda utamanya. Ini penting sebagai satu cara untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Di samping itu, sasaran utamanya ialah untuk mengurangkan kesesakan lalu-lintas yang sering berlaku di kawasanannya. Sebagai sebuah kawasan yang padat dan sesak sudah pasti keadaan itu berlaku. Antara usaha yang dilakukan bagi mengatasi masalah itu



Dalam majlis menyampaikan bantuan persekolahan kepada kanak-kanak sekolah keturunan India

katanya beberapa projek telah dan sedang dijalankan. Antaranya menaikkan taraf Jalan Tujuan dan Jalan Kewajipan dari empat lorong kepada enam lorong dan menurap serta membetulkan sistem lalu-lintas di kawasan perdagangan SS 15.

Lee Soo Soo, seorang remisier dan telah dikurniakan dengan tiga orang anak perempuan iaitu Lee Hui Ni, Lee Lyn Ni dan Lee Yun Ni. Sokongan dan galakan keluarga turut menyumbang kepada kejayaan beliau dalam politik. Beliau amat berterima kasih terutama kepada isteri beliau yang sentiasa bersama beliau.

Ternyata YB. Dato' Lee Hwa Beng seorang wakil rakyat yang cukup prihatin kepada kebajikan dan masalah pengundi di kawasanya. Ini terbukti daripada wawasannya yang merangkumi semua aspek dari masalah yang melibatkan kedudukan hinggalah ke masalah interaksi antara kaum.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin



Sokongan keluarga sentiasa memberi beliau semangat



YB. DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN SAKOM
DSSA, AMS, PJK, PPN, JP
ADUN N. 9 BATANG KALI

Memang tidak pernah terduga di fikiran beliau bahawa suatu hari kelak beliau akan menjadi seorang wakil rakyat yang dihormati. Beliau hanya memulakan kerjaya sebagai seorang guru agama yang pendapatan pada masa itu sekadar cukup makan sahaja. Ditambahkan lagi beliau mempunyai tanggungjawab yang cukup besar apatah lagi beliau merupakan harapan orang tuanya. Namun sebagai insan yang cintakan kejayaan, beliau tidak pernah duduk diam. Pelbagai usaha dilakukan di samping tugas hariannya

sebagai guru agama. Dalam masa yang sama beliau juga turut sibuk membabitkan diri dalam aktiviti politik menerusi UMNO. Di sebelah pagi beliau mengajar di sekolah manakala di sebelah petangnya pula beliau mengajar kelas tambahan juga memberi ceramah di surau-surau. Berkat daripada kesabaran dan usaha gigih beliau, akhirnya beliau dinaikkan pangkat menjadi guru besar ketika berusia 26 tahun. Ketika itulah kesibukan beliau semakin terserlah. Pelbagai persatuan yang beliau ceburi dan pada waktu yang



Dalam majlis kerjasama antara Kolej Komuniti dengan EDI

sama minat beliau dalam politik mula terbuka. Kecenderungan ini semakin mendalam apabila Tan Sri Muhammad Mohd Taib, bekas Menteri Besar Selangor memberi kepercayaan kepada beliau menjadi Setiausaha Politiknnya. Ini memberi pendedahan besar kepada beliau kerana berkhidmat di bawah pemimpin negeri (MB) dan UMNO (Naib Presiden) yang berkali-kali dan disegani. Apatah lagi beliau turut memainkan peranan aktif dalam mengendalikan pelbagai krisis.

Dilahirkan di Kampung Gesir Tengah, Sungai Selisek, Hulu Selangor, Selangor pada 14hb. Ogos 1950. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sg. Selisek dari tahun 19657 hingga 1962. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Agama Sg. Selisek dari tahun 1963 hingga 1968. Pada tahun 1970 hingga 1973, beliau melanjutkan pelajarannya ke Kolej Islam Kelang sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat Sijil Tinggi Persekolahan di Yayasan Anda. Beliau kemudiannya meneruskan pelajarannya di bidang perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim iaitu dari tahun 1976 hingga 1979.

Memulakan kerjaya beliau sebagai seorang guru agama di Sekolah Rendah Agama Sg. Choh mulai tahun 1969 hingga 1973. Pada tahun 1973 beliau kemudiannya bertukar ke Sekolah Rendah Agama Felda Gedangsa sebelum ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (1) Rawang pada tahun yang sama hinggalah tahun 1975. Nasib beliau bertambah cerah apabila dinaikkan pangkat menjadi Guru Besar dan bertugas di Sekolah Rendah Agama Sg. Choh iaitu sekolah yang mula-mula sekali beliau mengajar iaitu dari tahun 1976



Mengiringi bekas MB, Dato' Seri Abu Hassan Omar ke Pusat Latihan YBK

hinggalah tahun 1986. Di samping mengajar tetap, beliau turut menjadi guru bimbingan di Rumah Budak Laki-Laki Tan Sri Abdul Hamid Khan dari tahun 1972 hingga 1986.

Beliau mula terlibat dalam parti UMNO pada tahun 1970 dengan menjadi ahli UMNO Cawangan Sg. Choh. Kemudian meningkat dari jawatan AJK UMNO Cawangan Sg. Choh hinggalah menjadi Setiausaha UMNO Cawangan dari tahun 1983 hingga 1987.

Di peringkat bahagian pula, beliau mula memegang jawatan sebagai AJK Pemuda UMNO Bahagian dari tahun 1984 di samping memegang jawatan sebagai AJK Biro Agama Pemuda UMNO Selangor iaitu dari tahun 1984 hingga 1987. Beliau turut dilantik menjadi Setiausaha UMNO Bahagian Hulu Selangor pada tahun 1987. Di peringkat pusat, pada tahun 1988, beliau telah dilantik menjadi Ketua Penerangan Pemuda UMNO Malaysia. Kini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor.

Dalam politik sama ada di peringkat negeri dan nasional, beliau yang lebih dikenali sebagai 'Ustaz' cukup disegani. Dalam perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO, beliau dengan

lantang banyak memperkatakan isu-isu besar nasional seperti isu perlembagaan, isu agama dan pendidikan. Dalam isu agama misalnya beliau memperjuangkan agar institusi masjid diberi pengiktirafan yang sewajarnya dan dikemas kini. Dalam isu pendidikan beliau memberi cadangan yang bernas supaya Kementerian Pendidikan dipecahkan kepada dua iaitu satu yang menjaga hal-ehwal pendidikan rendah dan menengah dan satu lagi yang menjaga hal-ehwal institusi pengajian tinggi. Ini penting katanya kerana telah wujud begitu banyak institusi-institusi pengajian tinggi swasta.

Pada tahun 1995, YB. Dato' Zainal Sakom telah terpilih menjadi calon dalam pilihan raya umum buat kali pertama. Beliau bertanding menentang calon PAS di DUN Hulu Bernam dan menang dengan majoriti 9,756 undi. Pada pilihan raya umum 1999 yang lalu, beliau beralih ke kawasan DUN Batang Kali menentang calon Parti Keadilan Sharifuddin Budin dan sekali lagi menang dengan majoriti 4,907 undi. Beliau memperoleh undi sebanyak 9,048 undi berbanding lawannya yang mendapat 4,141 undi.

Dalam DUN Negeri Selangor, YB. Dato' Zainal Sakom dikenali sebagai seorang tokoh yang pro-aktif. Sebagai seorang yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi, beliau dilihat mampu menyaingi tokoh-tokoh pembangkang yang rata-rata bijak berhujah dalam hal yang bersangkutan dengan agama. Beliau dilihat mampu berdebat secara ilmiah dengan tokoh-tokoh pembangkang kerana latar belakangnya yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi.

YB. Dato' Zainal Sakom turut terlibat secara aktif dalam aktiviti sosial. Beliau kini merupakan Pengerusi Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK), Penasihat Yayasan UMI, Bendahari Pemadam Selangor, Ahli Lembaga Pengurus Kolej Islam Klang dan Bendahari Majlis Belia Daerah Hulu Selangor. Di samping itu beliau juga merupakan AJK Tetap Hal-ehwal Agama Islam Selangor di samping sebagai Pengerusi Jawatankuasa Khutbah Negeri Selangor.



Merasmikan Projek Desa Kasih Kampung Pasir Puteh, Kalumpang



Dalam satu Program anjuran YBK

Walaupun telah menjadi seorang ahli politik yang disegani, namun latar belakang beliau sebagai seorang guru tidak pernah memadamkan minat beliau dalam bidang pendidikan. Tidak hairanlah melalui YBK yang beliau terajui beliau banyak memberikan penekanan kepada bidang pendidikan. Melalui pendidikan, beliau memberi tumpuan kepada tugas membantu kerajaan mengubah nasib orang miskin. Program seperti Asrama Kasih, Pusat Latihan YBK, Akademi Komuniti, KUNTUM (Kelas Tuisyen Hujung Minggu), melibatkan puluhan ribu pelajar di sekitar Lembah Kelang.

Beliau juga telahpun merangka beberapa program bagi memastikan kanak-kanak di kawasanya pekerjaan yang luas kepada penduduk tempatan.

Kecemerlangan ‘Ustaz’ dalam politik bukan sahaja atas faktor kepercayaan yang diberikan tapi juga kerana kebolehan dan kegigihannya melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan, selaras dengan prinsip “memimpin biar jujur dan gigih, mengikut biar patuh dan setia”.

Mendirikan rumah tangganya dengan Datin Sharifah Ahmad pada tahun 1969 dan telah dikurniakan dengan lima orang anak iaitu Norhayati, Norzulatul Aini, Norhanilayali, Nor Adliyati dan Muhamad Mahadzirul’ Amal. Beliau juga telah mendirikan rumah tangga kali yang kedua dengan Datin Hartini Osman dan telah dikurniakan dengan empat orang anak iaitu Mohd Ikmalul Imtihan, Mohd Al-Amin, Nor Amnina dan Mohd Iqbal.



Sedang berucap dalam Majlis Pecah Tanah Projek Desa Kasih, Kalumpang

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS DARIPADA

YAYASAN BASMI KEMISKINAN (YBK)

OBJEKTIF YBK :

Membebaskan keluarga termiskin dan miskin daripada belunggu serta cengkaman kemiskinan.

Meningkatkan taraf hidup keluarga termiskin dan miskin dalam bidang pembangunan sosial, latihan dan pendidikan serta ekonomi.

Memberikan bantuan, bimbingan dan galakan kepada golongan termiskin dan miskin dalam membantu diri sendiri melalui program-program YBK.

Memajukan aktiviti amal dan khidmat sukarela kearah pembentukan warga dan masyarakat penyayang sebagai penggerak pembasmian kemiskinan.


YAYASAN BASMI KEMISKINAN (YBK)

No.32 & 34, Jalan SS 7/24, Kelana Jaya

47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-7875 0036 Faks : 03-7875 0719



Malaysia's Premier Portside Project

The most comprehensive and exciting portside development in the region, Pulau Indah provides you with a wide array of investment opportunities that may never be possible again! PULAU INDAH is located just off the coast of Selangor, a progressive state that envisions itself to be fully developed by 2005.



PULAU INDAH INDUSTRIAL PARK
WEST PORT

The Global Vision of The Future

PULAU INDAH TOWNSHIP

A dynamic, integrated designed metropolis with commercial, office, institutional and residential developments, this new growth centre will incorporate ultra-modern telecommunications, educational, health and infrastructural facilities for premier lifestyles into the next century: YOUR opportunity to grow with Malaysia's most impressive development!

PULAU INDAH INDUSTRIAL PARK

Projected to become the ultimate portside industrial hub in the region, this well-planned integrated industrial park which caters for warehousing, light, general and heavy industries, will have all the amenities industrialists and manufacturers dream of, in a strategic and super-convenient location for export: an investor's dream indeed!



Indah Point Business Centre



WESTPORT

One of world's superports, WESTPORT, next to Pulau Indah Industrial Park is growing rapidly as the major regional shipping and cargo distribution centre. Spearheading the growth triangle of Kuala Lumpur International Airport and the rest of Klang Valley, WESTPORT is slated to become the most strategic and dominant port in this part of the world, moving forward in line with Malaysia's Vision 2020.

A STRATEGIC LOCATION, A UNIQUE OPPORTUNITY!

Pulau Indah is strategically situated within easy reach of Federal Highway, the North-South Expressway, the Shah Alam Expressway and other major communication hubs, including the vital international airports at Subang and Sepang. Just as its strategic location is simply unrivalled, the investment opportunity it offers is unbeatable. ACT NOW, and grow with this beautiful island: PULAU INDAH!



Town Centre



[A CONSORTIUM OF PKNS, KPS, PMSB & AMSB]
CENTRAL SPECTRUM (M) SDN. BHD. (101376-D)

No7, Jalan Perigi Nanas 8/6, Indah Point, Pulau Indah, 42820 Port Klang, Selangor, Malaysia Tel: 803-301 2020 Fax: 803-301-3030 (http://www.pulauindah.com.my E-Mail: plindah@tm.net.my)



YB. DATIN PADUKA HAJJAH MESRAH SELAMAT
DSSA, SMS, PPT, PJK
ADUN N. 12 JERAM

Nama beliau tidak perlu diperkenalkan lagi baik di negeri Selangor amnya mahupun di kawasan Dewan Undangan Negeri Jeram. Nama YB. Mesrah Selamat cukup sinonim dengan kawasan Jeram dan Kuala Selangor. Sejak terpilih menjadi wakil rakyat kawasan Jeram sejak pilihan raya umum 1995 sehinggalah pilihan raya umum 1999 yang lalu, terlalu banyak jasa dan sumbangan yang telah beliau curahkan. Hasratnya hanyalah satu untuk melihat penduduk di kawasannya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan DUN lain di Negeri Selangor.

Mengimbas kembali bagaimana pembabitan beliau dalam politik UMNO sehingga terpilih menjadi wakil rakyat Jeram, pembabitan beliau dalam politik bermula apabila beliau bertugas sebagai Pegawai Penerangan. Beliau mula menjadi ahli UMNO pada tahun 1970 kemudian meningkat dari satu tangga ke satu tangga. Bermula dengan jawatan Ketua Wanita UMNO Cawangan dari tahun hingga 1985 hingga kini, AJK Wanita UMNO Bahagian Kuala Selangor dari tahun 1978 hingga 1984, Naib Ketua Wanita UMNO Bahagian Kapar dari 1985 hingga 1994, AJK UMNO Bahagian Kapar dari 1994 hingga 1996 dan Ketua Wanita UMNO Bahagian Kuala Selangor bermula dari tahun 1995 hingga kini. Di peringkat Negeri Selangor pula beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Penerangan Wanita UMNO Selangor dari tahun 1988 hingga 1995, AJK Biro Penerangan UMNO Selangor dan Pengerusi Biro Kebajikan Wanita UMNO Selangor dari tahun 1996 hingga

1998. Di peringkat pusat pula beliau turut memegang jawatan penting antaranya Ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia yang dimenangnya pada tahun 1996 hingga 1999, AJK Biro Pembangunan Luar bandar Wanita UMNO Malaysia dari 1996 hingga 1999 dan AJK Biro Agama Wanita UMNO Malaysia. Beliau sekali lagi memenangi jawatan sebagai Exco Wanita dalam



Sedang menyampaikan kerusi roda kepada golongan kurang bernasib baik.

Pada pilihan raya 1995, nama beliau telah dicalonkan bertanding di kawasan Dewan Undangan Negeri Jeram. Ketokohan dan kebolehan beliau telah menarik minat Ketua Wanita UMNO Selangor Datin Paduka Zaleha Ismail dengan mencalonkan nama beliau kepada pucuk pimpinan tertinggi parti. Atas galakan dan sokongan rakan-rakan dan juga suami beliau, akhirnya beliau bersetuju walaupun pada awalnya beliau was-was. Beliau berjaya memenangi kerusi DUN Jeram menewaskan calon PAS dengan majoriti undi 8,008 undi dan bermulalah kehidupan beliau sebagai wakil rakyat.

Walaupun pada awalnya beliau agak kekok, namun pengalaman beliau bertugas sebagai Pegawai Penerangan sebelumnya banyak membantu beliau. Beliau juga tidak malu-malu bertanya kepada mereka yang lebih berpengalaman.

Kini telah dua penggal beliau menjadi wakil rakyat. Pada pilihan raya 1999, beliau berjaya menewaskan calon PAS Abdul Muhaimin dengan majoriti 2,951 undi.

DUN Jeram terletak dalam kawasan Parlimen Kuala Selangor. Mempunyai pengundi berdaftar seramai 15,606 orang. Mengikut pecahan komposisi kaum, Melayu 71.84%, Cina 14.99% dan India 13.17%. Agenda utamanya sebaik sahaja memenangi kerusi tersebut buat kali kedua berturut-turut ialah program pembangunan insan yang antara lainnya beliau bercadang untuk membuka lebih banyak kelas-kelas agama. Beliau bercadang mengundang seberapa penceramah untuk menjadi tenaga pengajar di kelas itu nanti.

Beliau juga bercadang untuk lebih kerap melawat kampung-kampung untuk bertemu sendiri dengan rakyat di kawasanya. Program ini beliau namakan Mesra Rakyat beliau akan melawat kawasan kampung dua kali sebulan. Dalam program ini beliau akan membuka klinik-klinik bergerak di mana balai-balai raya ataupun rumah penghulu. Melalui program ini rakyat bolehlah menyalurkan sebarang masalah yang mereka hadapi kepadanya tanpa ada sebarang batasan.

YB. Mesrah juga turut menubuhkan Jawatankuasa DUN Jeram yang antara lain



Merasmikan majlis khidmat kesihatan masyarakat baru-baru ini



Menyampaikan ang pow kepada masyarakat Cina sempena Tahun Baru Cina

fungsinya memantau projek-projek besar dan kecil untuk dilaksanakan di Jeram. Di samping itu beliau juga akan mewujudkan semula KMK (Kem Motivasi Kecemerlangan). Antara matlamat utama KMK ialah untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam peperiksaan UPSR dengan menyediakan pelbagai kemudahan untuk mereka belajar. Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor percaya antara punca pelajar-pelajar di kawasan yang lemah dalam peperiksaan UPSR adalah kerana tidak ada satu bentuk pembelajaran khusus untuk mereka belajar.

Dilahirkan pada 18 Oktober 1949 di Kampung Teluk Penyamun, Kuala Selangor. Maka tidak hairanlah beliau amat memahami akan masalah-masalah yang dihadapi penduduk-penduduk di kawasan yang lemah dalam peperiksaan UPSR adalah kerana tidak ada satu bentuk pembelajaran khusus untuk mereka belajar.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kg. Kuantan dari tahun 1957 hingga 1962 sebelum menyambung pelajaran menengahnya ke Sekolah Menengah Arab Tinggi Klang dari tahun 1963 hingga 1969. Beliau lulus Sijil Khas Agama dan Sijil Empat Thanawi.

Mendirikan rumah tangga dengan Mahambod Sarjo oleh keluarga. Setelah mengikat tali pertunangan selama lima tahun, barulah mereka mengambil keputusan mendirikan rumah tangga. Pasangan ini kini dikurniakan dengan tiga orang anak. Anak yang sulung Refae berusia 24 tahun, kedua Aminah Safura berusia 17 tahun manakala yang bongsu Nurul Aishah berusia 12 tahun.

YB. Mesrah turut aktif dalam aktiviti sosial dengan memegang beberapa jawatan penting antara lainnya AJK Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Selangor dari tahun 1988 hingga 1997, AJK Pertubuhan Peladang Negeri Selangor dari 1993 hingga 1997, Pengerusi Perunding Hal Ehwal Wanita (HAWA) mulai 1993 hingga 1998, AJK Perunding Hal Ehwal Wanita (HAWA) Kebangsaan dari 1995 hingga 1997, Pengerusi Perkumpulan Perempuan (WI) Daerah Kuala Selangor dari tahun 1991 hingga 1999, AJK Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negeri Selangor dari 1991 hingga 1999 dan pelbagai jawatan penting yang lain.

Hasil dari usaha gigih beliau dalam politik dan sosial beliau telah dianugerahkan beberapa bintang kebesaran iaitu PJK pada tahun 1985, Pingat SAS pada tahun 1985, Pingat PPT pada tahun 1994, Pingat AMS tahun 1997 dan Pingat SMS yang beliau terima pada hari keputeraan Sultan Selangor pada 11 Mac 2000. Sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor yang ke 75 pada 10 Mac 2001, beliau telah dikurniakan dengan pingat Darjah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) yang membawa gelaran Datin Paduka.



YB. DATO' ISMAIL BIN KIJO
DPMS, AMS, PJK, PPN
ADUN N. 21 LEMBAH JAYA

Kini telah masuk dua penggal YB. Dato' Ismail Kijo terpilih mewakili kawasan DUN Lembah Jaya. Dilihat sebagai wakil rakyat yang mudah berdamai dengan rakyat, tidak kira waktu dan keadaan. Jika dilihat dari sejarah hidup beliau yang datang dari keluarga yang susah, maka tidak hairanlah beliau tidak meninggi diri dan mudah bergaul dengan sesiapa saja.

Dilahirkan pada 28 Mei 1952 di Kampung Bukit Gadong, Selangor. Mula mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Gadong sebelum ke Sekolah Agama Bukit Gadong. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Pusat Pelajaran Lanjutan Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Batang Berjuntai. Beliau pernah berhenti sekolah sewaktu berada di darjah empat kerana kematian bapanya. Beliau menyambung semula pelajarannya secara persendirian di Yayasan Anda Akademik, Kg. Baru, Kuala Lumpur. Kemudian beliau mendapat pendidikan di Institut Pengurusan Malaysia (MIM). Kini, beliau masih lagi melanjutkan pelajarannya di

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Memulakan kerjaya beliau sebagai Penyelenggara Stor di Jabatan Kerjaraya Malaysia (JKR) sebelum bertukar pula ke Jabatan Telekom sebagai Juruteknik. Tidak lama kemudian



Di hari penamaan calon pilihan raya umum 1999

beliau dinaikkan pangkat menjadi Pegawai Pemasaran Telekom. Beliau telah berkhidmat di Telekom Malaysia dari tahun 1975 hingga 1995. Jawatan terakhir beliau di Telekom ialah Penolong Pengurus Hartanah, Unit Pengurusan Harta Kawasan Tengah.

Mula melibatkan diri dalam politik sejak



Mengiringi Dato' Dr. Rais Yatim dalam sebuah program UMNO Ampang Jaya

bekerja di Telekom. Kini, beliau merupakan Naib Ketua UMNO Bahagian Ampang Jaya di samping sebagai Ketua UMNO Cawangan.

Dalam badan kerajaan antara jawatan yang beliau pegang ialah selaku Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) di samping pelbagai jawatan lain di peringkat negeri dan daerah.

Mula terpilih bertanding dalam pilihan raya pada tahun 1995. Beliau berjaya dalam percubaan pertamanya dengan menawarkan pencabarnya dengan majoriti 13,564 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau sekali lagi bertanding menentang calon PAS Iskandar Abdul Samad. Sekali lagi beliau berjaya mempertahankan kerusinya dengan majoriti 2,254 undi.

Kawasan DUN Lembah Jaya terletak dalam kawasan Parlimen Ampang Jaya. Mempunyai 34,497 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 58.35%, Cina 32.65%, India 8.81% dan lain-lain kaum 0.19%.

YB. Dato' Ismail Kijo telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Kalsom Mukhlis dan telah dikurniakan dengan tiga orang cahayamata iaitu Mohd Adib, Adibah dan Adam.



Dalam sebuah majlis anjuran UMNO Bahagian



YB. DATO' JAEI HJ. ISMAIL
DSSA, AMS, PJK
ADUN N. 38 MERU

YB. Dato' Jaei Ismail ADUN Meru ini bolehlah dikira sebagai pemimpin pelapis muda di negeri Selangor. Berperwatakan sederhana dan suka merendah diri. Bagi beliau yang paling penting ialah berkhidmat untuk rakyat. Kini telah dua penggal beliau menjadi wakil rakyat.

Dilahirkan pada 15 Februari 1954 di Meru, Klang. Mendapat pendidikan peringkat menengahnya di Sekolah Menengah Tengku Ampuan

Rahimah, Klang sehingga lulus Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 1971. Sebaik sahaja menamatkan pelajaran menengahnya, beliau telah berkhidmat di LPK / KPM mulai tahun 1972 hinggalah beliau berhenti bagi membolehkan beliau bertanding dalam pilihan raya umum 1995 buat kali pertama. Jawatan terakhir yang beliau sandang sebelum berhenti ialah sebagai Pegawai Kerani Kanan.



Dato' Jaei di hari penamaan calon pilihan raya umum 1999

Sewaktu berkhidmat di LPK, beliau mula berjinak-jinak dengan politik UMNO. Pada tahun 1975, beliau telah dilantik menjadi AJK Pemuda UMNO Cawangan Kg. Haji Mohd Shariff, Meru iaitu dalam Bahagian Klang. Setahun berikutnya terpilih pula menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO Cawangan yang sama. Beliau kemudiannya berpindah pula ke cawangan baru iaitu Cawangan Bukit Cerakah dalam bahagian Pelabuhan Klang dan terpilih menjadi Ketua Pemuda UMNO cawangan tersebut. Pada tahun 1985, akibat berlakunya pecahan kawasan, cawangan Bukit Cerakah telah berpindah ke Bahagian Shah Alam dan beliau telah terpilih menjadi Ketua Pemuda UMNO cawangan tersebut.

Peningkatan beliau dalam politik naik setapak demi setapak. Pada tahun 1988, setelah



Dalam majlis memperkenalkan calon pilihan raya umum 1995

berlakunya peristiwa parti UMNO dibatalkan pendaftarannya, beliau telah dilantik menjadi Ketua Penaja UMNO Cawangan Bukit Cerakah dan sekali gus dilantik menjadi AJK Penaja UMNO Bahagian Shah Alam. Dalam pemilihan tahun



Bersama para penyokong beliau di kalangan masyarakat India

1989, beliau sekali lagi dilantik menjadi Ketua UMNO Cawangan Bukit Cerakah.

Di peringkat bahagian pula, pada tahun 1993 beliau telah dilantik menjadi Ketua Penerangan Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam sebelum terpilih menjadi Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam. Apabila berlaku pecahan kawasan pada tahun 1994, beliau sekali lagi berpindah pula ke Bahagian Kapar dan turut dilantik menjadi Naib

Ketua Penaja UMNO Bahagian dan Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian. Beliau kemudiannya terpilih pula menjadi Naib Ketua Penaja UMNO Bahagian Kapar. Pada tahun 1995, beliau terpilih pula menjawat jawatan Naib Ketua UMNO Bahagian Kapar. Jawatan tersebut dipegangnya hingga kini. Ternyata beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam politik sehinggalah membolehkan beliau terpilih menjadi calon pilihan raya pada tahun 1995 buat kali pertama.

Di samping politik, beliau turut melibatkan diri secara serius dalam persatuan dan pertubuhan sosial. Antara jawatan yang beliau pernah dan masih pegang hingga kini ialah Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan Sungai Binjai dari tahun 1989 hingga 1992, AJK Kesatuan Sekerja LPK dari 1985 hingga 1990, Penolong Setiausaha Kesatuan Sekerja LPK dari 1991 hingga 1993, Ahli Majlis Perbandaran Klang dari 1994 hingga kini, Pengerusi Pembinaan Masjid Kampung Meru dari 1995 hingga kini, Jawatankuasa Lembaga Pengarah Yayasan Selangor sejak 1995, Pengerusi PESAKA Daerah Klang sejak 1996, AJK PESAKA Negeri Selangor sejak tahun 1997, Pemangku Timbalan Presiden PESAKA Negeri Selangor pada tahun 1998,



Bersama Ahli Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Kapar

Pengerusi Persatuan Veteran Keselamatan Negara Malaysia Cawangan Klang pada tahun 1999 dan Pengerusi Hal-Ehwal Pengguna Negeri Selangor Daerah Klang pada tahun 1999.

Ternyata pengalaman yang luas yang beliau timba dalam persatuan dan pertubuhan sosial telah beliau gunakan dengan sebaik-baiknya dalam karier politik beliau. Pembabitan beliau dalam pilihan raya bermula pada tahun 1995 apabila terpilih buat kali pertamanya bertanding menentang calon Parti Melayu Semangat 46 dan menang dengan majoriti 9,618 undi.

Dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu, beliau sekali lagi bertanding menentang calon PAS Nor Najhan Mohd Salleh. Beliau menang buat kali kedua berturut-turut dengan majoriti 2,663 undi. Beliau memperoleh 10,084 undi manakala lawannya mendapat 7,421 undi.

YB. Dato' Jaei telahpun mendirikan rumah tangga dengan Datin Surami binti Haji Sapuan dan telah dikurniakan dengan empat orang cahayamata iaitu Muhammad Raziq, 20 tahun, kedua Nurfaraheda, 19 tahun, ketiga Nurshakeela, 15 tahun dan yang bungsu Nurbaizureena 13 tahun.



YB. TUAN LIEW CHEE KHONG
AMS, JP
ADUN N. 48 SUNGAI PELIK

YB. Liew Chee Khong, telah masuk dua penggal terpilih mewakili kawasan DUN Sungai Pelik. Dilahirkan pada 18 November 1948. Mendapat pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yu Hua, Kajang sehingga lulus Senior Cambridge pada tahun 1967. Sebelum menyertai politik beliau aktif dalam bidang perniagaan sehinggalah beliau terpilih buat pertama kalinya bertanding dalam pilihan raya

pada tahun 1995.

Aktif dalam parti MCA Bahagian Sepang. Kini beliau merupakan Naib Pengerusi MCA Sepang di samping memegang jawatan sebagai Pengerusi MCA Cawangan Seri Dengkil. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Barisan Nasional Bahagian Sepang.



Di hari penamaan calon pilihan raya umum 1999 bersama-sama calon lain dalam Parlimen Sepang

Sebagai pemimpin yang dihormati dan disegani, beliau turut aktif dalam pelbagai aktiviti sosial dan kebajikan. Beliau kini merupakan Pengerusi Lembaga Pengelola SRJK (C) Dengkil dan juga Pengerusi JKKK Seri Dengkil. Di samping itu, beliau juga adalah Ahli Majlis Daerah Sepang, AJK Tribunal Daerah Sepang, AJK Persatuan Pengguna dan AJK Perlindungan Kanak-Kanak Daerah Sepang.

Mula terpilih bertanding dalam pilihan raya pada tahun 1995 menentang calon DAP. Beliau berjaya dalam percubaan pertamanya dengan menewaskan lawannya dengan majoriti 5,276 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau sekali lagi berjaya mempertahankan kerusinya dengan menewaskan calon DAP Titus Gladwyn kelebihan undi sebanyak 2,882 undi. Beliau mendapat 7,126 undi berbanding lawannya yang mendapat 4,244 undi.

Kawasan DUN Sungai Pelik terletak dalam kawasan Parlimen Sepang. Mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 16,724 orang pengundi. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 34.47%, Cina 41.02%, India 24.47% dan lain-lain kaum 0.04%.

Kawasan DUN Sungai Pelik boleh dikatakan agak membangun memandangkan kedudukannya yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA). Banyak terdapat kawasan perumahan baru yang wujud bagi menampung keperluan dan permintaan yang luas terutamanya di kalangan penduduk-penduduk baru yang berhijrah ke sini.

YB. Tuan Liew Chee Khong telahpun mendirikan rumah tangga dan mempunyai lima orang anak.



*Dengan ingatan tulus ikhlas
daripada*

WOODPECKER INDUSTRIES SDN. BHD.

Kilang : Lot 966, Simpang Tiga Ijok, Pekan Ijok
45600 Batang Berjuntai, Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-32792820, 019-2275990, Faks : 03-32792040
(EN. LIM THIAN BENG)

Kami membekal bahan-bahan binaan, membuat palet kayu dan kotak.



YB. DATO' CHIA KIM LEM
DSSA, AMS, AMN
ADUN N. 5 SEKINCHAN

YB. Tuan Chia Khim Lem, ADUN Sekinchan ini mudah didampingi dan bersedia membantu rakyat dalam apa jua keadaan sekali pun. Tidak hairanlah kini telah masuk dua penggal beliau terpilih sebagai wakil rakyat. Perawakan beliau yang cukup sederhana dan peramah menjadikan kita tidak kekok untuk berbicara dengan beliau walaupun baru pertama kali bertemu. Ini mungkin kerana latar belakang beliau yang pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan dalam kerajaan menjadikan beliau sudah biasa bergaul dengan orang ramai tidak kira bangsa dan peringkat usia.

Dilahirkan di Pulau Ketam, Selangor pada 25 Januari 1947. Beliau merupakan anak ke lima dari enam orang adik-beradik. Mendapat pendidikan awal di SRJK (C) Yoke Kuan, Sekinchan sehingga tahun 1960. Kemudian menyambung pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Yoke Kuan, Sekinchan sehingga tahun 1964. Beliau kemudiannya belajar di Sekolah Menengah Pin Hua, Klang, Selangor selama dua tahun dari 1965 hingga 1966 sehinggalah lulus MCE.

Memulakan kerjaya sebagai seorang guru sementara di SRJK (C) Kian Sit, Sekinchan selama enam bulan dari bulan Jun 1968 hinggalah Disember 1968. Beliau kemudiannya beralih ke Sekolah SRJK (C) Yoke Kuan, Sekinchan. Tidak lama di situ, beliau kemudiannya bekerja sebagai



Bersama isteri tersayang

Kerani di Felda Palong, Negeri Sembilan iaitu mulai Februari 1969. Merasakan tidak sesuai dengan jiwanya, beliau berhenti pada 30 Jun 1969 apabila diterima masuk sebagai Pelatih di Pusat Latihan Perubatan, Hospital Besar Kuala Lumpur.

Sebaik sahaja tamat kursus, beliau memulakan kerjaya baru beliau sebagai Pembantu Perubatan di Pusat Kesihatan Kecil, Sekinchan pada 1 April 1974. Beliau berkhidmat di situ sehingga 31 Disember 1983. Kemudian beliau menyertai pula Koperasi sebagai Pengurus di KOMUDA di Tanjung Karang dari 1 Januari 1984 hingga 30 Jun 1985. Hampir setahun di situ, beliau mengambil keputusan untuk berhenti bagi menyertai semula perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Kemajuan Perkampungan Daerah Sabak Bernam. Beliau berkhidmat pada 15 Jun 1987 sehingga beliau terpilih menjadi calon bertanding dalam pilihan raya umum 1995 buat pertama kali.

Dalam politik, beliau mula aktif dalam parti MCA Cawangan Bagan Sekinchan sebagai Setiausaha dari tahun 1976 hingga 1986. Beliau kemudiannya terpilih pula sebagai Pengerusi MCA Cawangan Bagan Sekinchan pada tahun 1987 hingga 1989. Kini, beliau merupakan Setiausaha MCA Cawangan Bagan Sekinchan sejak tahun 1990. Manakala di peringkat bahagian pula, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Penolong Setiausaha MCA Bahagian Tanjung Karang dari tahun 1990 hingga 1992 sebelum terpilih menjadi Setiausaha MCA Bahagian Tanjung Karang pada tahun 1993. Jawatan tersebut dipegangnya hingga kini. Beliau juga merupakan Pengerusi MCA Bahagian Tanjung Karang, Ahli Jawatankuasa

MCA Selangor dan Ketua Biro Pendidikan MCA Selangor sejak tahun 1996.

YB. Tuan Chia Kim Lem turut aktif dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan. Antaranya sebagai Pengerusi JKKK Bagan Sekinchan dari tahun 1986 hingga 1994, Pengerusi Rukun Tetangga Sektor Pekan Sekinchan pada tahun 1994, Timbalan Pengerusi Persatuan Teo Chew Sekinchan, Naib Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah Menengah Yoke Kuan, Ahli Juri Mahkamah Tinggi Shah Alam dari tahun 1991 hingga 1994, Penasihat Pemadam Bagan Sekinchan dan menjadi Penasihat kepada beberapa buah Rumah Berhala sekitar Sekinchan.

Mula terpilih sebagai calon dalam pilihan raya pada tahun 1995 menentang calon DAP. Beliau berjaya dalam percubaan pertamanya dengan kelebihan undi sebanyak 3,798 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau menentang calon DAP Ng Suee Lim dan calon Bebas Saari Kiban. Beliau menang dengan majoriti 2,044 undi.

DUN Sekinchan terletak dalam kawasan Parlimen Tanjung Karang mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 14,519 orang. Mengikut pecahan kaum, Melayu 48.12%, Cina 49.06%, India 2.81% dan lain-lain kaum 0.01%.



Beliau sedia mendengar segala aduan rakyat

Menyentuh mengenai wawasan beliau terhadap kawasan DUN Sekinchan, beliau menegaskan bahawa beliau ingin mewujudkan lebih banyak tapak-tapak bagi tujuan perindustrian di samping beliau ingin menambah serta memperbaiki kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung baru.

DUN Sekinchan telah banyak mengalami perubahan ketara. Antaranya yang telah beliau

perjuangkan ialah memberi hak milik tanah kepada petani-petani seluas 84 ekar yang melibatkan 67 buah keluarga, memberi geran kepada lebih 400 petani iaitu hak milik sawah dari Blok S1 hingga blok S16, memberi kemudahan jalan tar dari Parit 5 Kg. Baru Site A (Kian Sit) sejauh 8 km dan mendapatkan kunci air di Parit 6 Bagan Sekinchan.

YB, Tuan Chia Kim Lem telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Lim Sooi Imm, seorang jururawat terlatih dan telahpun dikurniakan dengan empat orang anak iaitu Chia Song Lee, Chia Lee Soon, Chia Lee Choon dan Chia Lee Kiang.



Sedang melawat kawasan yang bermasalah

Dikurniakan pingat Darjah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (DSSA) membawa gelaran Dato'

sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor yang ke 75 pada 10 Mac 2001 yang lalu.

*Dengan Ingatan
Tulus Ikhlas*

**ENCIK ONG ENG PENG
(EHSAN PELANGI SDN. BHD.)**

&

**ENCIK PUA KIM AN
(ANSHA WORKSHOP TRADING SDN. BHD.)**

ANSHA WORKSHOP SDN. BHD.
NO.17A, 18A, JALAN INDAH,
TAMAN INDAH
45400 SEKINCHAN,
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-8812663
FAKS : 03-8812698

EHSAN PELANGI SDN. BHD.
LOT 1592, JALAN TIRAM BURUK ,
BATU 5,
45500 TANJUNG KARANG
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-8795526
FAKS : 03-8795526



YB. DATO' EI KIM HOCK
DSSA, AMS, PJK
ADUN N. 44 TELUK DATOK

YB. Ei Kim Hock, ADUN Teluk Datok ini bolehlah dianggap tokoh muda dalam kepimpinan MCA Negeri Selangor. Sudah masuk dua penggal terpilih sebagai wakil rakyat. Berperwatakan agak serius dan amat mementingkan ketepatan masa kerana bagi beliau sebagai seorang pemimpin masyarakat yang banyak tugas yang perlu dibereskan, masa adalah amat penting.

Setiap detik masa itu amat penting bagi beliau. Baru berusia 39 tahun, menjadikan beliau salah seorang wakil rakyat termuda di Negeri Selangor. Sewaktu beliau terpilih bertanding dalam pilihan raya umum 1995, usia beliau sekitar 34 tahun. Itu jelas menunjukkan ketokohan beliau telah mendapat perhatian dari pucuk pimpinan parti MCA.



Dato' Ei bersama rakan-rakan

Dalam parti MCA, di peringkat negeri beliau kini adalah Setiausaha MCA Negeri Selangor. Manakala di peringkat bahagian, beliau merupakan Timbalan Pengerusi MCA Bahagian Kuala Langat dan Ketua MCA Cawangan Tanah Bakar, Kuala Langat.

Selain daripada itu, beliau turut melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Antaranya sebagai Pengerusi Persatuan Seketurunan Yu, Xu, She Negeri Selangor, Pengerusi Persatuan Bolabaling Negeri Selangor, Naib Presiden Persekutuan Bola baling Malaysia, Penasihat Gerakan Belia Bersatu Malaysia Negeri Selangor, Penasihat Gerakan Belia Bersatu Malaysia Daerah Kuala Langat dan Naib Pengerusi Persatuan Bekas Murid Sekolah Methodist, Telok Datok, Kuala Langat.

Terpilih buat pertama kali bertanding didalam pilihan raya umum 1995 menentang calon DAP. Beliau menang didalam percubaan pertama tersebut dengan majoriti 5,050 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau sekali lagi menentang calon DAP, Lim Soon Hong.

Beliau berjaya mempertahankan kerusinya buat kali kedua berturut-turut dengan majoriti 4,259 undi. Memperoleh 9,305 undi manakala lawannya mendapat 5,046 undi.



Memberi bantuan kepada golongan yang tidak bernasib baik



Bersama para penyokong sewaktu pilihan raya umum 1999



Sedang berkempen di kawasan pasar

Kawasan DUN Telok Datok terletak dalam kawasan Parlimen Kuala Langat. Mempunyai pengundi berdaftar seramai 19,061 pengundi. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 31.74%, Cina 46.73%, India 21.43% dan lain-lain kaum 0.1%.

YB. Ei Kim Hock yang dilahirkan pada 21 Jun 1961, telahpun berumah tangga. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Mempunyai kegemaran membaca dan bersukan.



YB. DATO' HAJI MOHD KHAILANI BIN MANGON
DPMS, SMS, PJK
ADUN N. 46 BATU LAUT

Teloh dua penggal beliau terpilih sebagai wakil rakyat kawasan Batu Laut. Yang terbaru dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Kawasan DUN Batu Laut, pernah dikuasai oleh calon Bebas iaitu Cikgu Jabar Yusof, sebelum BN dapat merampasnya semula dalam pilihan raya 1986. Sebelum beliau terpilih bertanding, wakil BN ialah Sairon Abdul Hamid yang mewakili kawasan ini selama dua penggal iaitu 1986 dan 1990. Dalam pilihan raya 1995, nama beliau telah dipilih oleh pucuk pimpinan parti bertanding buat pertama kali. Beliau berjaya dengan majoriti 7,412 undi.

Dilahirkan pada 6 Mac 1949 di Kampung Kundang, Kuala Langat Selangor. Sebaik sahaja lulus SPM dan Empat Thanawi (Arab) pada tahun 1971, beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke Maktab Perguruan Islam Kota Bharu, Kelantan.

Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai Pemaju Masyarakat Agama pada tahun 1980. Beliau bertugas selama sepuluh tahun iaitu sehingga 1990. Selepas itu, beliau bertugas sebagai Penyelia Kawasan bagi DUN Dengkil selama dua tahun dari 1990 hingga 1992. Dengan latar belakang pendidikan dalam bidang agama, beliau bertugas pula sebagai Penceramah Agama yang antara lainnya beliau memberi kuliah dan ceramah agama di kampung-kampung dan menjadi penceramah jemputan dalam pelbagai program. Sehingga pada tahun 1995, apabila beliau

terpilih menjadi calon BN bertanding di kawasan DUN Batu Laut.

Dalam politik pula, beliau mula dengan menjadi Ketua UMNO Cawangan pada tahun 1978. Pada tahun 1993, beliau terpilih pula menjadi AJK



Bersama isteri tersayang, Datin Hajjah Zainab Hj. Taib

UMNO Bahagian Sepang sehingga tahun 1995. Kini, beliau merupakan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Sepang.

Di samping aktif berpolitik, beliau juga turut terlibat dalam pelbagai badan bukan kerajaan (NGO). Antaranya, dari tahun 1980 hingga 1990 beliau pernah menjadi Guru TAKMIR, AJK Badan Dakwah Mukim Morib/Klang dari tahun 1975 hingga 1980, Pengerusi Tabung Pendidikan dan Kebajikan Yayasan Sepang dari tahun 1995 hingga kini, Pengerusi Tabung Pendidikan Majlis Permuafakatan Pendidikan Sepang dari tahun 1995 hingga kini, Pengerusi Juvana Daerah Sepang dari tahun 1992 hingga kini, Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Daerah Sepang dari tahun 1991 hingga 1998 dan Pengerusi Unit Pertahanan Awam JPA3 Sepang sejak tahun 1998 hingga kini.

Pada tahun 1995, bertanding buat pertama kali di DUN Batu Laut dan berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti 7, 412 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau menentang pula calon dari PAS Sukiran Sarman dan berjaya buat kali kedua dengan majoriti 2,020 undi. Memperoleh 8,251 undi berbanding lawannya yang mendapat 6,231 undi.

Kawasan DUN Batu Laut terletak dalam kawasan Parlimen Sepang. Mempunyai 19,536 pengundi berdaftar dengan pecahan kaum, Melayu 61.73 %, Cina 23.63%, India 14.62% dan lain-lain kaum 0.03%.

YB. Dato' Khailani Mangon mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajjah Zainab bt. Haji Taib dan telahpun dikurniakan dengan enam orang



Bersama Dato' Mohamad Khir sewaktu lawatan MB ke Daerah Sepang



Menyampaikan bantuan kepada anak-anak yatim

cahayamata iaitu tiga lelaki dan tiga perempuan. Hasil didikan agama yang diterapkan ke dalam jiwa anak-anaknya, semua mereka berjaya dalam pelajaran. Anaknya yang sulung Siti Solehah, kini bertugas sebagai seorang guru, telah berumah tangga dengan Encik Zainal; yang kedua, Mohd Adib, seorang doktor, telah berumah tangga dengan Nor Safiati Mohd Nisman; ketiga, Haifah, masih menuntut dalam Diploma Pendidikan di Maktab Perguruan Durian Daun, Melaka; keempat, Asmawi, bertugas sebagai seorang Jurutera Elektrik di Nilai; kelima, Siti Labibah, sedang menuntut di Jambi, Indonesia dalam bidang Syariah dan yang bongsu, Mohd. Akil, masih menuntut di Maahad Hamidah, Kajang dalam tingkatan lima.



YB. DATO' LIEW YUEN KEONG
DSSA, SMS
ADUN N. 30 SERI KEMBANGAN

YB. Dato' Liew Yuen Keong bolehlah dianggap sebagai seorang tokoh muda yang diketengahkan oleh parti MCA sejak pilihan raya umum 1995 yang lalu. Baru berusia 40 tahun. Kini telah masuk dua penggal menjadi wakil rakyat. Merupakan tokoh muda yang berpotensi besar. Seorang anak muda yang mudah didekati, peramah, bertanggungjawab, berwawasan tinggi dan cukup disenangi oleh para pengundi di DUN Seri Kembangan. Tidak hairanlah beliau memperoleh undi majoriti yang sekali ganda lebih tinggi dari apa yang beliau peroleh pada pilihan raya umum 1995.

Anak kelahiran Seri Kembangan ini dilahirkan dalam sebuah keluarga miskin. Ayahnya hanyalah seorang pekerja lombong di Sungai Besi manakala ibunya pula adalah seorang penoreh getah. Anak kedua dari lapan orang adik-beradik ini, mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Serdang Baru. Kemudian menyambung pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Kembangan sehingga ke tingkatan tiga. Beliau meneruskan pelajaran ke tingkatan empat di Sekolah St. Gabriel Kuala Lumpur sehingga lulus SPM dengan cemerlang. Keputusan peperiksaannya yang cemerlang melayakkan beliau menyambung pelajaran ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur. Beliau sekali lagi memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan STPM sehingga melayakkan beliau

menyambungkan pelajarannya ke Universiti Pertanian Malaysia. Beliau lulus Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi Sumber pada tahun 1985.

Sebaik sahaja lulus dari universiti, beliau memulakan kerjaya beliau dengan menyertai beberapa buah firma korporat. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Kewangan di Lion Group. Jawatan terakhir beliau sebelum menyertai politik ialah sebagai Pengurus Kanan (Kewangan) di Kumpulan Multi Purpose.

Ketokohan beliau dalam politik terserlah sejak masih menuntut lagi. Beliau banyak melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Beliau sejak masih menuntut lagi bercita-cita dan menyimpan azam untuk membantu masyarakat di kawasannya. Dari situlah bakat dan ketokohan beliau dapat dihidu oleh kebanyakan masyarakat di Seri Kembangan. Tidak hairanlah beliau naik dalam politik dengan mudah. Kini beliau merupakan Ketua Pemuda MCA Bahagian Serdang di samping sebagai Naib Ketua Pemuda MCA Negeri Selangor. Beliau juga merupakan Setiausaha Organisasi Jawatankuasa Perhubungan MCA negeri Selangor. Beliau turut mendapat kepercayaan dengan terpilih menjadi Naib Ketua Pemuda MCA Kebangsaan di samping menjadi Biro Graduan MCA Kebangsaan.

Dalam kegiatan sosial, beliau kini merupakan Pengerusi Perpustakaan Awam Seri Kembangan



Meraikan kejayaan Barisan Nasional



Sentiasa berbakti kepada golongan tua

dan juga Pengerusi Persatuan Bola Tampar Daerah Petaling.

Terpilih buat pertama kali bertanding dalam pilihan raya pada tahun 1995. Beliau berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti 2,968 undi. Dalam pilihan raya umum 1999, beliau menentang calon DAP Wong Kok Yew dan sekali lagi berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti yang bertambah hampir sekali ganda iaitu 4,774 undi.

Kawasan DUN Seri Kembangan berada dalam kawasan Parlimen Serdang. Mempunyai 24,428 orang pengundi berdaftar dengan pecahan komposisi kaum ialah kaum Cina 87.9%, Melayu 5.16%, India 6.56% dan lain-lain kaum 0.38%. DUN Seri Kembangan juga merupakan kawasan yang mempunyai pengundi kaum Cina yang teramai sekali di Selangor dan kedua di seluruh negara.

Menyentuh mengenai wawasan beliau terhadap DUN Seri Kembangan, beliau menegaskan: "Saya akan memberi keutamaan kepada masalah setinggan dan penyediaan kemudahan infrastruktur. Antaranya ialah saya bercadang mewujudkan sebuah perpustakaan multimedia memandangkan Seri Kembangan ini terletak berhampiran

dengan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC). Di samping itu juga saya bercadang mewujudkan sebuah kolam renang bagi kemudahan penduduk di Seri Kembangan. Saya juga bercadang menjadikan DUN Seri Kembangan ini sebagai sebuah Taman Kasut di mana sebagai sebuah kawasan yang terdapat banyak kilang-kilang kasut, kita ingin mengumpulkan semua kilang-kilang kasut sama ada kecil atau besar dalam satu kawasan.



Turut mengharungi air apabila kawasanannya dilanda banjir

Satu kawasan telahpun diluluskan oleh kerajaan negeri bagi tujuan tersebut," jelas YB. Liew.

DUN Seri Kembangan telahpun mencapai pembangunan yang pesat. Antaranya terdapat sebuah stadium tertutup berharga RM5.5 juta yang telah dirasmikan pada tahun 1999. Sebuah perpustakaan awam juga telah berjaya dibina bagi kemudahan kanak-kanak sekolah. Sistem jalan raya dan perparitan juga telah diperbaiki dengan menaikkan taraf sistem paip JBA dan juga telah menyambungkan jalan besar dengan jalan PKNS.

Dato' Liew Yuen Keong telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Tan Siok Kwan dan mempunyai sepasang cahayamata.

Bagi mengenangkan jasa beliau terhadap negara dan parti, beliau telah dianugerahkan pingat SMS

oleh DYMM Sultan Selangor pada tahun 1999. Pada tahun 1999, beliau dan keluarga pernah dianugerahkan dengan "Anugerah Keluarga Bahagia" oleh YAB. Perdana Menteri. Beliau turut dianugerahkan dengan pingat Darjah Sultan Salahuddin AbdulAziz Shah (DSSA) yang membawa gelaran Dato' sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor ke 75 pada 10 Mac 2001 yang lalu.



Dato' Liew sering berkerjasama dengan penduduk



YB. DATO' HOH HEE LEE
DSSA
ADUN N. 31 BALAKONG

Merupakan salah seorang tokoh muda yang diketengahkan oleh MCA. Beliau merupakan seorang peguam muda yang berpotensi besar. Ini bukan sahaja kerana latar belakang pendidikan beliau yang tinggi tetapi juga kerana komitmen beliau yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab beliau sebagai wakil rakyat.

Anak kepada seorang pekedai kopi ini dilahirkan pada 20 Julai 1960 di Kajang, Selangor. Mendapat pendidikan awal di SRJK Jalan Bukit, Kajang, Selangor sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya di Kajang High School, Kajang. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajarannya ke Kolej Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Pada tahun 1983, beliau meneruskan pelajarannya ke Stamford College, Kuala Lumpur sehingga lulus Diploma In Administrative Management. Tidak cukup dengan ilmu yang ada, beliau terus belajar secara persendirian dari University of London dalam bidang undang-undang. Akhirnya beliau lulus undang-undang pada tahun 1988 dan lulus Certificate in Legal Practice (Malaya) bagi melayakkan beliau menjadi seorang peguam.

Memulakan kerjaya beliau sebagai kerani di Malayan French Bank pada tahun 1981. Kemudian beralih ke Jia Management Sdn. Bhd. juga sebagai

kerani iaitu dari tahun 1982 hingga 1983. Pada tahun 1984, beliau beralih bidang dengan menceburi bidang insuran sebagai agen insuran di Great Eastern Life Assurance sehingga tahun 1989. Sebaik sahaja memperoleh ijazah dalam bidang undang-undang, beliau menjadi pensyarah sambilan di Goon Institute. Setahun kemudian, beliau menjadi pensyarah sambilan di The Malayan Association of Certified Accountant (MACPA). Akhirnya pada tahun 1991, beliau membuka firma guaman sendiri sehingga kini.



Suasana di hari penamaan calon

Mula memegang jawatan penting dalam politik pada tahun 1990 apabila terpilih menjadi Naib Pengerusi Pemuda MCA Wilayah Persekutuan hingga tahun 1992. Pada tahun 1993, terpilih menjadi Pengerusi MCA Cawangan Batu



Sedang menyampaikan bantuan kepada kanak-kanak



Meninjau kawasan bermasalah sudah menjadi rutin harian beliau

II, Cheras dan menjadi penasihat Undang-Undang di samping sebagai AJK MCA Bahagian Hulu Langat. Pada tahun 1996, terpilih pula menjadi Naib Pengerusi MCA Bahagian Serdang sehingga tahun 1999. Manakala di peringkat pusat pula, beliau merupakan AJK English Speaking Bureau yang beliau pegang sejak tahun 1994. Beliau juga turut menjadi AJK Pemuda MCA Kebangsaan.

Mula terpilih menjadi calon dalam pilihan raya pada tahun 1995 menentang calon DAP. Beliau menang dengan majoriti 3,838 undi. Dalam pilihan raya 1999, sekali lagi menentang calon DAP Foo Shu Seong dan menang buat kali kedua dengan majoriti 801 undi.

DUN Balakong terletak dalam kawasan Parlimen Serdang mempunyai 27,325 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, kaum

Melayu 30.22%, Cina 62.5%, India 6.7% dan lain-lain kaum 0.58%.

Menyentuh mengenai wawasan beliau, YB. Hoh menegaskan beliau ingin memberi penekanan terhadap mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat melalui pendidikan dan juga mempertingkatkan kemudahan asas. Melalui pendidikan, beliau banyak menganjurkan kursus-kursus motivasi dan seminar-seminar untuk semua lapisan masyarakat sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah ataupun dewasa. Manakala bagi kemudahan asas beliau menyatakan bahawa beliau banyak memohon supaya kemudahan asas dinaikkan taraf serta menambah kemudahan-kemudahan asas yang kurang seperti pasar dan kawasan penjaja kecil.

Sebagai satu kawasan yang dilimpahi pembangunan, DUN Balakong tidak dapat lari dari masalah-masalah kesan dari pembangunan yang sedia ada. Pembangunan yang tidak tersusun mengakibatkan masalah-masalah seperti banjir, sistem perparitan dan sistem jalan raya yang tidak sempurna dan sebagainya. Namun masalah-masalah tersebut berjaya diatasi sedikit demi sedikit hasil dari usaha beliau.

Apa yang menarik ialah, atas inisiatif YB. Hoh, satu tabung Amanah Infrastruktur Kawasan Industri Balakong yang bermatlamat untuk mengatasi masalah-masalah jalan raya dan perparitan. Setiap kilang, dimestikan membayar RM1.20 sekaki bagi membina sistem jalan raya dan perparitan yang lebih sempurna di kawasan industri Balakong.

YB. Hoh Hee Lee telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Tan Pick Lan dan telah dikurniakan sepasang cahayamata iaitu Hoh Ray Shern dan Hoh Qing Ling.



**YB. TUAN HAJI MAT YASIR BIN HAJI IKHSAN
ADUN N. 1 SUNGAI AIR TAWAR**

YB. Tuan Haji Mat Yasir Haji Ikhsan, ADUN Sungai Air Tawar baru pertama kali terpilih sebagai wakil rakyat dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Namun begitu, penglibatan beliau dalam politik bukanlah baru. Beliau di kenali sebagai pemimpin berjiwa rakyat kerana beliau membantu rakyat tanpa mengira fahaman politik.

Dilahirkan pada 17 Ogos 1947 di Kampung Parit Baru, Sabak Bernam, Selangor. Mendapat pendidikan rendah dan menengah di sekolah sekitar Sabak Bernam. Mempunyai kepintaran dalam pelajaran sehingga melayakkan beliau melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya dan lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian.

Memulakan kerjaya beliau sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Ungku Aziz, Sabak Bernam pada tahun 1969 hingga 1973. Kemudian dinaikkan pangkat sebagai Guru Penolong Kanan dari tahun 1981 hingga 1982. Pada tahun 1983, bertugas pula di Sekolah Menengah Petaling Jaya sebagai Pengetua sehinggalah tahun 1984. Pada tahun 1985, beliau dilantik pula menjadi Pengurus Pendidikan di Yayasan Selangor sehingga tahun 1988. Pada tahun 1989, dinaikkan pangkat menjadi Penolong Pengarah di Jabatan Pendidikan Selangor sehingga tahun 1994 apabila berhenti bagi menumpukan kerjaya beliau dalam bidang perniagaan.

Beliau menjalankan perniagaan sendiri dan pada waktu yang sama turut aktif dalam politik. Kini beliau merupakan Naib Ketua UMNO Bahagian Sabak Bernam merangkap Setiausaha UMNO Bahagian. Pada masa yang sama, beliau juga adalah Ketua UMNO Cawangan Parit Baru Baruh. Di peringkat negeri, beliau merupakan Naib Pengerusi Biro Pendidikan UMNO Negeri Selangor.

Sebagai pemimpin masyarakat, beliau juga aktif dalam pelbagai badan kerajaan, persatuan dan pertubuhan sosial. Dalam badan kerajaan antara jawatan yang beliau pegang ialah sebagai Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Selangor, Ahli Jawatankuasa Tetap (STENCO) Pendidikan, Belia



Sedang berucap di sebuah majlis

dan Sukan, Penerangan, Teknologi Maklumat dan Pembangunan Insan Negeri Selangor.

Beliau turut terlibat dalam pelbagai per-tubuhan sosial di peringkat daerah dan negeri. Antaranya sebagai Ahli Jawatankuasa Tabung Pembangunan Pendidikan Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Pendidikan Negeri Selangor, Ahli Majlis Daerah Sabak Bernam, Ahli Jawatankuasa Tanah dan Pembangunan Daerah Sabak Bernam, Ahli Jawatankuasa Kecil Kelulusan Pelan Daerah Sabak Bernam dan Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan dan Keselamatan DUN Sungai Air Tawar. Beliau juga adalah Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Munshi Abdullah, Sabak Bernam, Pengerusi Persatuan Bekas Pelajar SK Parit Baru

di samping sebagai Presiden Kesatuan Pelajar melayu Selangor.

Pembabitian dalam pilihan raya bermula dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Beliau terpilih buat kali pertama menggantikan YB. Dato' Zainal Dahalan yang beralih ke Parlimen Sabak Bernam. Beliau menentang calon PAS Abd. Jalil Bajuri dan menang dengan majoriti 1,175 undi. Memperoleh 3,989 undi berbanding lawannya mendapat 2,814 undi.

DUN Sungai Air Tawar mempunyai 10,337 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 77.05%, Cina 17.08% dan India 5.86%. Terletak dalam kawasan Parlimen Sabak Bernam.



Bersama golongan beliau dalam satu program sukan.



Merasmikan pusat internet desa

YB. Tuan Haji Mat Yasir Haji Ikhshan telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Jariah binti Ngah dan telah dikurniakan dengan empat orang cahayamata. Mereka ialah Azhari, kedua; Azwan, ketiga; Azira, keempat; Azham.

Sebagai bekas seorang guru yang penuh dengan didikan disiplin, beliau meletakkan pembangunan insan terutamanya di kalangan belia sebagai wawasan utamanya di DUN Sg. Air Tawar. Ini katanya, sekiranya mental kuat maka sekali gus fizikal pun akan menjadi kuat. Maka golongan belia akan meletakkan sasaran untuk memperbaiki keadaan diri mereka terutamanya dari segi ekonomi tanpa mengharapkan apa-apa bantuan dari kerajaan. Melalui Pembangunan Belia DUN Sg. Air Tawar (PEMBELA), beliau telah merangka beberapa program yang dapat membentuk jiwa dan minda golongan belia di DUN Sg. Air Tawar.



YB. DATO' MOHAMED IDRIS ABU BAKAR
DSSA, AMS, PJK
ADUN N. 7 HULU BERNAM

Negeri Selangor ramai melahirkan tokoh-tokoh pemuda sebagai pelapis mengambil alih kepimpinan UMNO di masa akan datang. Selain dari Dato' Fatah Iskandar, seorang lagi ialah Dato' Mohamed Idris Abu Bakar, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Hulu Bernam yang sebelum ini di sandang oleh Dato' Zainal Sakom. Bekas Ketua Pemuda UMNO Negeri Selangor ini, telah diberi peluang oleh pucuk pimpinan tertinggi UMNO bertanding dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Jika dilihat dari segi senioriti, beliau sepatutnya telah lama diberi peluang.

YB. Dato' Mohamed Idris dilahirkan pada 20 Oktober 1951 di Sungai Selisek, Hulu Selangor, Selangor. Mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sungai Selisek sebelum menyambung pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu. Beliau kemudiannya ke Sekolah Menengah Alam Shah, Kuala Lumpur. Berkat usaha gigih dan kepandaian beliau, akhirnya beliau berjaya melanjutkan pelajarannya ke Universiti Malaya dalam bidang geografi dan lulus dengan cemerlang dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian.

Sebaik sahaja lulus universiti, beliau memulakan kerjaya beliau dalam bidang perbankan dengan menyertai Malayan Banking Berhad sebagai Eksekutif. Beliau meninggalkan bidang perbankan untuk menyertai bidang korporat dan menjadi Pengerusi Eksekutif syarikat PESCO Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat milik Pemuda UMNO Negeri Selangor. Di samping itu beliau turut menjadi pengerusi kepada beberapa buah syarikat seperti Syarikat Bakti Suci Sdn. Bhd. Kini beliau adalah Pengerusi Eksekutif PKNS Engineering & Construction Berhad (PECB) iaitu sebuah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

YB. Dato' Mohamed Idris memulakan penglibatan dalam politik UMNO pada tahun 1968



Merasmikan laman web sekolah sempena Kempen Bulan IT Negeri Selangor pada 1 November 2000



Lawatan 'Turun Ke Padang' bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor ke Kalumpang



Lawatan 'Turun Ke Padang' bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor ke Seri Keledang

dengan menjadi ahli UMNO Cawangan Sg. Selisek, Hulu Selangor. Beliau mula memegang jawatan penting di peringkat bahagian apabila terpilih menjadi AJK Pemuda UMNO Bahagian Hulu Selangor pada tahun 1975 sehinggalah tahun 1977. Kemudian beliau menjawat jawatan sebagai Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Hulu Selangor pada tahun 1977 hingga 1979. Nasib beliau makin meningkat apabila terpilih menjadi Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian pada tahun 1980 hinggalah tahun 1982. Pada tahun berikutnya beliau menjadi Bendahari Pemuda UMNO Selangor sehinggalah

tahun 1987. Pada tahun 1982 beliau meningkat lagi apabila terpilih menjadi Ketua Pemuda UMNO Bahagian. Beliau memegang jawatan ini sehingga tahun 1993. Beliau turut memegang jawatan Bendahari Pemuda UMNO Selangor dari tahun 1982 hingga 1987. Pada tahun 1991, beliau dilantik pula mengetuai Pemuda UMNO Negeri Selangor hinggalah tahun 1993. Nasib beliau dalam politik bukan setakat di situ sahaja. Pada tahun 1998, beliau terpilih pula menjadi Ketua UMNO Bahagian Hulu Selangor dan jawatan ini dipegangnya sehingga hari ini.

Di peringkat nasional pula, beliau pernah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Biro Perusahaan Utama UMNO pada tahun 1982 hingga 1987, menjadi Timbalan Pengerusi II Majlis Sukan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia dari tahun 1988 hingga 1993 dan dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Biro Hal-Ehwal Antarabangsa Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

YB. Dato' Mohamed Idris turut aktif dalam aktiviti sosial

dengan memegang beberapa jawatan dalam pertubuhan dan persatuan antaranya Timbalan Pengerusi Majlis Belia Daerah Hulu Selangor dari 1976 hingga 1982, Pengerusi Belia 4B Daerah Hulu Selangor dari tahun 1982 hingga 1990, Pengerusi Majlis Belia Daerah Hulu selangor dari 1982 hingga 1994, Pengerusi Persatuan Bolasepak Hulu Selangor dari 1997 hingga 1998 dan Pengerusi Persatuan Seni Silat Hulu Selangor pada tahun 1997 hingga 1998.

Pemilihan beliau sebagai calon BN bertanding di DUN Hulu Bernam pada pilihan raya 1999 yang

lalu adalah bukti pengiktirafan beliau sebagai tokoh pemuda yang disegani. Dalam pilihan raya tersebut beliau menentang calon PAS Mazalan Hussin. Beliau berjaya menewaskan lawannya dengan memperolehi undi sebanyak 8,108 berbanding lawannya 3,686 undi iaitu majoriti sebanyak 4,422 undi.

DUN Hulu Bernam terletak dalam kawasan Parlimen Hulu Selangor. Mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 17,006 orang. Mengikut pecahan komposisi kaum, Melayu 65.72%, Cina 18.5%, India 15.41% dan lain-lain kaum 0.37%.



Bersama Dato' Menteri Besar, Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo sewaktu lawatan MB pada 5 Oktober 2000

YB. Dato' Mohammad Idris Abu Bakar telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Norliaht bt. Mohd Nazir dan mereka telah dikurniakan dengan empat orang cahaya mata iaitu Elisa Ernawati, Mohammad Amru Ziad, Iliqa Minhalina dan Iyilia Millatina.

Di masa kelapangan beliau gemar bermain golf, mendengar muzik dan menonton filem.

Dengan ingatan tulus ikhlas

DARIPADA

TUAH MAHIR SDN.BHD.

(313451-A)

(Building & Civil Engineering Contractor)

No.29-2, Lorong Tiara 1B, Bandar Baru Klang

41150 Klang, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-3446155 / 66, Fax : 03-3446144



YB. DATO' HAJI SULAIMAN BIN SAMAT
DSSA, PPT
ADUN N. 15 PAYA JARAS

Beliau baru pertama kali terpilih bertanding dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Beliau menggantikan bekas ADUN kawasan Paya Jaras Dato' Saidin Thamby. Dalam percubaan pertamanya, beliau berjaya menewaskan calon PAS Abd. Majid Hassan dengan majoriti 3,127 undi. Memperoleh undi sebanyak 11,626 undi berbanding lawannya yang mendapat 8,499 undi.

Dilahirkan pada 12 Julai 1953 di Batu 38, Sabak Bernam, Selangor. Mendapat pendidikan awal di sekitar sekolah Daerah Sabak Bernam sebelum berjaya memasuki Universiti Malaya sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) pada tahun 1976. Sebaik sahaja lulus dari Universiti Malaya, beliau memulakan kerjayanya di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai Pegawai Tadbir. Beliau berkhidmat di DBKL sehinggalah beliau berhenti bagi memulakan perniagaan sendiri pada tahun 1993.

Dalam politik, beliau aktif dalam UMNO Bahagian Selayang. Kini beliau merupakan Naib

Ketua UMNO Bahagian Selayang. Selain bergerak aktif dalam politik, sebagai tokoh yang dihormati, beliau juga turut aktif dalam pelbagai pertubuhan dan persatuan. Antaranya sebagai Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Selangor sejak tahun 1998, Pengerusi Majlis Belia Daerah Gombak, pada tahun 1987 hingga 1993 dan sebagai Pengerusi MAYC Daerah Gombak, dari tahun 1987 hingga 1993.

Selain daripada itu, beliau kini merupakan Timbalan Pengerusi Brisdale Holdings Berhad, iaitu salah sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri.

Kawasan DUN Paya Jaras terletak dalam kawasan Parlimen Selayang. Mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 28,340 orang. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 61.15%, Cina 24.0%, India 14.63% dan lain-lain kaum 0.21%.

With Compliments From



PABW Sdn Bhd (Co No 467406-T)

formerly known as Premier Ayer Dan Bristol Water Sdn Bhd
6 & 8, Jalan TPP 6/3, Taman Perindustrian Puchong, 47100
Puchong, Selangor




YB. TUAN A/L VERASAMY JAGARASAH
ASA, AMN, PJK
ADUN N. 16 SUNGAI TUA

YB. Tuan V. Jagarasah, ADUN Sg. Tua ini amat peramah dan mudah mesra. Dikenali sebagai seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab dan begitu prihatin dengan masalah rakyat walaupun baru pertama kali mewakili kawasan ini. Setiap masalah rakyat ditanganinya dengan cepat dan penuh rasa tanggungjawab. Tidak hairanlah beliau mudah diterima oleh masyarakat di DUN Sg. Tua walaupun beliau bukanlah berasal dari kawasan ini. Beliau berasal dari Tanjung Karang.

Dilahirkan pada 15 September 1942 di Tanjung Karang, Selangor. Mendapat pendidikan menengahnya di St. Gabriel Institution, Kuala Lumpur sehingga lulus MCE pada tahun 1965. Beliau kemudiannya mengambil sekali lagi peperiksaan SPM secara persendirian di sebuah kolej swasta di Kuala Lumpur pada tahun 1970. Pada tahun 1971, beliau mengambil peperiksaan HSC di SAAS, Kuala Selangor dan lulus. Di samping itu, beliau juga mempunyai kelayakan asas dalam bidang book-keeping dan trengkas dari Goon Institute, Kuala Lumpur pada tahun 1963.

Pembabituan YB. V. Jagarasah dalam politik bermula sejak tahun 1966 lagi. Beliau kini merupakan Ketua MIC Bahagian Tanjung Karang di samping memegang jawatan sebagai Ahli Exco MIC Negeri Selangor yang beliau pegang sejak tahun 1978. Di peringkat pusat, beliau adalah merupakan Ahli Majlis Kerja Tertinggi MIC Kebangsaan.

Pemilihan beliau sebagai calon dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu adalah sebagai satu pengiktirafan terhadap jasa dan usaha beliau selama ini yang tidak kenal jemu. Beliau telah meletakkan jawatannya sebagai Penolong Pegawai Tadbir di Padi Beras Nasional (Bernas) bagi melayakkan



Sedang serius mendengar masalah yang dihadapi penduduk di DUN Sungai Tua

beliau bertanding. Didalam pertandingan tersebut, beliau menentang calon Parti Keadilan Nasional, Razali Ramli. Beliau menang dengan majoriti undi sebanyak 449 undi. Beliau memperoleh 7,950 undi berbanding lawannya yang mendapat 7,501 undi.

Kawasan DUN Sungai Tua terletak dalam kawasan Parlimen Gombak mempunyai seramai 21,192 orang pengundi berdaftar. Pecahan komposisi kaum ialah Melayu 61.09%, Cina 21.44%, India 17.39% dan lain-lain kaum 0.08%.

YB. V. Jagarasah mempunyai misi yang cukup jelas iaitu beliau ingin menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat di kawasannya dengan dedikasi, berusaha menyempurnakan janji-janji beliau dalam pilihan raya, mengamalkan budaya mesra rakyat, berusaha meningkatkan taraf hidup pengundi di kawasannya tanpa mengira bangsa dan agama, sentiasa mendekati diri dengan pengundi, sentiasa memberi maklumat kerajaan yang betul dan tepat dan yang lebih penting ialah sentiasa berwaspada dalam menangani sebarang masalah dan menjaga nama baik parti dan kerajaan serta mengelakkan diri daripada sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan parti dan kerajaan.

Di samping aktif berpolitik, YB. V. Jagarasah turut menganggotai beberapa buah pertubuhan kemasyarakatan. Antaranya ialah menjadi Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, Ahli Lembaga Hospital Daerah Tanjung Karang, Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak (Juvana), Bendahari Jabatan kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor, Ahli Jawatankuasa Lawatan DYMM Sultan Selangor sejak tahun 1978 dan Ahli Jawatankuasa Lawatan



Beramah mesra dengan Presiden MIC

VVIP sejak tahun 1986.

YB. V. Jagarasah telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Muruges Krishnamah dan telah dikurniakan dengan tiga orang anak iaitu pertama; Banu Rekha, seorang Pegawai Eksekutif kedua; Tuinthanathan, kini sedang membuat latihan amali dalam bidang undang-undang (Chambering) dan ketiga; Dimalesswary, masih menuntut dalam bidang Diploma Perakaunan.



Keluarga bahagia YB. V. Jagarasah



YB. TUAN AHAMAD KURIS MOHD NOR
AMS
ADUN N. 24 BERANANG

YB. Tuan Ahmad Kuris Mohd Nor, ADUN Beranang ini baru kali pertama terpilih sebagai wakil rakyat. Namun penglibatan beliau dalam politik bukanlah baru. Beliau mula terbabit dalam politik sejak berusia dalam lingkungan 20an lagi dengan memegang jawatan sebagai Ketua Cawangan Kampung Batu 14, Hulu Langat. Pada tahun 1990, beliau dilantik sebagai Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Hulu Langat hinggalah tahun 1993. Pada tahun 1998, beliau meningkat setapak lagi dengan terpilih sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Hulu Langat dengan mendapat undi kedua tertinggi. Ini jelas sebagai bukti ketokohan dan pengalaman beliau diiktiraf oleh ahli-ahli UMNO Bahagian Hulu Langat.

Dilahirkan pada 2 November 1957 di Batu 14, Hulu Langat, Selangor dalam keluarga miskin.

Bapanya hanyalah seorang penoreh getah. Beliau merupakan anak ketiga dari lima adik-beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Hulu Langat sebelum ke Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang sehingga lulus MCE. Beliau kemudiannya melanjutkan

pelajarannya ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur sehingga lulus Sijil Tinggi Persekolahan (STP). Kemiskinan keluarga tidak pernah menghalang beliau dari mendapat pendidikan sehingga ke tingkatan enam. Kini, YB. Tuan Ahmad Kuris sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan di Universiti Putra Malay-



Seorang wakil rakyat yang prihatin dengan segala masalah rakyat

sia (UPM) secara luar kampus.

Sebelum terpilih sebagai wakil rakyat, beliau adalah pesara kakitangan kerajaan dengan jawatan terakhir beliau ialah sebagai Pegawai Penguatkuasa di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan



Sering membuka pintu untuk mendengar masalah di kawasannya



Sedang berucap di sebuah majlis

Hal-Ehwal Pengguna selama hampir 20 tahun. Pada tahun 1997, beliau memilih bersara awal dan mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Sebagai pemimpin masyarakat, beliau turut aktif dalam pelbagai pertubuhan dan persatuan sosial dengan memegang pelbagai jawatan. Antaranya ialah sebagai Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Negeri Selangor (DPMMS), Pengerusi Biro Pengangku-

tan dan Infrastruktur DPMMS dan Pengerusi DPMMS Daerah Sepang. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Belia 4B Cawangan Kampung Batu 14, Hulu Langat.

Beliau telah terpilih sebagai calon Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu buat pertama kali. Menentang calon PAS Zainudin Lapoh dan menang dengan majoriti 2,652 undi. Beliau memperoleh 8,760 undi berbanding lawannya yang mendapat 6,108 undi.

DUN Beranang mempunyai 20,455 orang penduduk berdaftar. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 57.23%, Cina 24.44%, India 17.33% dan lain-lain kaum 1.0%.

Menyentuh mengenai wawasan terhadap kawasan yang diwakilinya, YB. Tuan Ahamad Kuris telah menggariskan beberapa wawasan. Antaranya ialah ingin meneruskan usaha pembangunan

dengan menekankan kepada wawasan pembangunan seimbang, mempertingkatkan usaha memberi kemudahan perumahan yang secukupnya dan memperkukuhkan perpaduan Melayu di kawasan DUN Beranang.

YB. Tuan Ahamad Kuris telah mendirikan rumah tangga dengan Puan Hamidah Ahmad Sujak dan telah dikurniakan dengan enam orang cahayamata iaitu dua lelaki dan empat perempuan.



YB. TUAN LIM CHOON KIN
ADUN N. 25 DAMANSARA UTAMA

Kejayaan YB. Tuan Lim Choon Kin merampas kerusi Damansara Utama dari Parti DAP dikira satu kejayaan yang cemerlang buat beliau. Ini adalah kerana kawasan DUN Damansara Utama bolehlah dianggap sebagai kubu kuat DAP dan juga inilah baru pertama kali beliau bertanding dalam pilihan raya. Ini jelas membuktikan ketokohan beliau diterima baik oleh masyarakat di DUN Damansara Utama.

Dilahirkan pada 14 Disember 1955. Mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chi Meng, Tangkak, Johor. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Ledang, Tangkak, Johor sebelum menyambung pelajarannya ke tingkatan enam di Sekolah Tinggi Melaka, Melaka sehingga lulus HSC. Keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan HSC telah melayakkan beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di London University, England. Sebaik sahaja lulus, beliau terus menjadi

seorang peguam mulai tahun 1984.

Mula aktif dalam parti MCA sejak tahun 1980 dengan menjadi ahli biasa. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-undang, Biro Aduan dan Perkhidmatan Awam Parti MCA sejak tahun 1989. Kini beliau juga adalah Pengerusi MCA Cawangan Taman Aman dan Setiausaha MCA Bahagian Petaling Jaya Utara.

Beliau juga adalah merupakan Ahli Majlis MPPJ, Penasihat Dewan Perniagaan dan Perindustrian Petaling Jaya, Penasihat Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Petaling Jaya, Penasihat



Bersama rakan-rakan semasa pilihan raya



Bahagia bersama keluarga

Undang-undang kepada beberapa buah kuil dan Penasihat Persatuan Pekedai-pekedai Kopi Petaling Jaya.

Terpilih bertanding dalam pilihan raya umum 1999 buat pertama kali. Beliau menentang calon DAP, Ahmad Nor dan berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti 3,847 undi.

Kawasan DUN Damansara Utama terletak dalam kawasan Parlimen Petaling Jaya Utara mempunyai jumlah pengundi berdaftar seramai 39,971 orang. Mengikut pecahan kaum, kaum Cina 83.92%, Melayu 11.6%, India 3.91% dan lain-lain kaum 0.57%.

Antara pembangunan yang telah dicapai oleh beliau ialah menyelesaikan beberapa masalah berbangkit seperti setinggan, banjir kilat dan jalan. Bagi masalah banjir di Kampung Chempaka, beliau amat berterima kasih kepada kerajaan negeri yang telah memperuntukkan RM12 juta, di mana RM2 juta akan digunakan untuk menggantikan jambatan lama yang rendah yang menghalang aliran air manakala RM10 juta lagi akan digunakan untuk menaikkan taraf sebahagian Sg. Kayu Ara dan Sg. Takil. Masalah banjir di kawasan ini telah berlarutan sejak 15 tahun yang lalu.

Manakala bagi masalah setinggan di kawasan Damansara Dalam pula, kerajaan negeri telahpun meluluskan permintaan pemaju untuk membangunkan kawasan tersebut dengan rumah kos rendah bagi menempatkan setinggan tersebut.

MPPJ juga telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta bagi menaikkan taraf jalan-jalan di Kampung Chempaka supaya kawasan tersebut akan menikmati hasil pembangunan yang lebih baik.

YB. Tuan Lim Choon Kin telahpun mendirikan rumah tangga dan mempunyai tiga orang anak.



Bersama Dato' Seri Ling Liong Sik dalam sebuah majlis MCA



YB. TUAN DR. WONG SAI HOU
ADUN N. 26 KAMPUNG TUNKU

YB. Dr. Wong Sai Hou dikenali sebagai wakil rakyat yang aktif dalam aktiviti lasak terutamanya mendaki gunung. Bahkan kesemua ahli keluarganya turut sama aktif dalam aktiviti lasak tersebut. Sebagai Presiden Association of Backpackers Malaysia yang beliau pegang sejak tahun 1993 adalah sebuah badan yang bergerak aktif. Bersama rakan-rakan semasa pilihan raya

dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti lasak, beliau banyak berdamping dengan rakyat melalui aktiviti-aktiviti rekreasi. Tidak hairanlah beliau begitu dikenali ramai terutama penduduk-penduduk di kawasan Petaling Jaya khasnya dan Selangor amnya. Boleh dikatakan kesemua gunung di Malaysia telah beliau daki bersama-sama ahli keluarga beliau.



YB. Dr. Wong dijulung kerana kemenangannya dalam pilihan raya 1999

YB. Dr. Wong aktif dalam kegiatan lasak sejak masih menuntut lagi. Beliau pernah mewakili Negeri Selangor dan Johor dalam sukan ragbi. Semasa menuntut di Universiti Malaya, beliau turut mewakili UM dalam sukan ragbi samping mewakili beberapa buah kelab antaranya COBRA dan Varsity United. Nyata minat beliau dalam sukan dan aktiviti lasak begitu mendalam biarpun beliau kini telah menjadi ahli politik sepenuh masa.

Seorang lulusan bidang perubatan dari Universiti Malaya pada tahun 1973. Sewaktu menuntut di UM, beliau aktif dalam kesatuan pelajar selama empat penggal dari menjadi ahli majlis sehinggalah pernah dilantik mejadi Timbalan Presiden UMSU (University of Malaya Students Union). Di sinilah beliau mendapat pendedahan dan pengalaman memimpin. Di sini jugalah beliau memupuk minat beliau dalam politik.

Minat beliau dalam politik terus dipupuk sebaik sahaja tamat belajar dan beliau memilih Parti MCA bagi meneruskan cita-cita beliau dalam politik. Kini beliau merupakan Pengerusi MCA Bahagian Petaling Jaya Utara dan Pengerusi MCA Cawangan SS3 Petaling Jaya. Beliau juga merupakan Pengerusi Bersama Barisan Nasional Petaling Jaya Utara.

Kini di samping aktif dalam politik, beliau turut membabitkan diri dalam pelbagai persatuan dan aktiviti sosial. Antaranya ialah Pengerusi Persatuan Penduduk SS 3 Petaling Jaya dan Naib Presiden Majlis Rekreasi dan Fizikal Malaysia sejak tahun 1999. Beliau turut aktif dalam Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sejak tahun 1974. Di samping itu juga beliau merupakan

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) sejak Julai 2000.

Pemilihan beliau bertanding dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu dirasakan keputusan yang tepat memandangkan nama beliau cukup dikenali bagi masyarakat Petaling Jaya. Dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu beliau bertanding buat pertama kali menentang calon DAP T. Kannan. Beliau menang dengan majoriti 2,736 undi. Beliau memperoleh 11,658 undi berbanding lawannya yang mendapat 8,922 undi.

DUN Kampung Tunku mempunyai 30,663 orang pengundi berdaftar dengan pecahan komposisi kaum iaitu Melayu 19.34%, Cina 69.15%, India 9.86% dan lain-lain kaum 1.65%.

Antara wawasan beliau terhadap kawasan yang beliau wakili ialah membangunkan Masyarakat Cyber di kawasan DUN Kampung Tunku, menyelesaikan masalah setinggan menjelang tahun 2004 sejajar dengan hasrat kerajaan negeri Selangor menjadikan Selangor setinggan sifar, mewujudkan Majlis Warisan (Heritage Council) yang antara lain matlamatnya ialah memupuk semangat tidak lupa kepada sejarah dan asal-usul Petaling Jaya serta mewujudkan mini muzium di setiap kawasan di DUN kampung



Keluarga sebagai pendorong kejayaan beliau

Tunku. Beliau juga bercadang mewujudkan sebuah laman web bagi kawasan Petaling Jaya Utara.

YB. Dr. Wong Sai Hou telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Goh Beng Lan @ Jennifer Wong, Naib Pengetua di St. John's Institution. Isteri beliau juga turut aktif dalam pelbagai aktiviti lasak seperti menjadi Naib Presiden Persatuan Pengembara Malaysia (ABM). Hasil dari perkahwinan mereka, telah dikurniakan dengan tiga orang cahayamata iaitu Wong Chee Ming, 25 tahun, kedua Wong Pik Li, 20 tahun dan ketiga, Wong Pik Yuet, 15 tahun. Mereka juga turut aktif bersama-sama dengan ibu bapa mereka menyertai dan membabitkan diri dengan pelbagai aktiviti lasak seperti mendaki gunung.

Keluarga YB. Dr. Wong Sai Hou boleh dijadikan contoh bagaimana kesibukan ibu bapa baik dalam politik, kerjaya dan perniagaan sedikit pun tidak mengugut kefahaman dan keharmonian sesebuah keluarga. Sesebuah keluarga boleh berkongsi minat dan kegemaran bersama sebagaimana yang ditunjukkan oleh keluarga YB. Wong Sai Hou.



YB. Wong dalam aksi seorang ahli sukan lasak



Sedang melawat gerai di kawasan nya



YB. TUAN DR. LIM THUANG SENG
JP
ADUN N. 27 BUKIT GASING

YB. Dr. Lim Thuang Seng, seorang saintis muda yang beralih kepada bidang politik semata-mata kerana minat yang mendalam terhadap kerjaya politik. Lulusan Doktor Falsafah dalam bidang Immunologi ini aktif dalam Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) Bahagian Petaling Jaya Selatan.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Heng Ee, Pulau Pinang sebelum melanjutkan pelajaran menengahnya di Chung Hwa School, Pulau Pinang. KeceMERLANGANNYA dalam pelajaran telah melayakkan beliau melanjutkan pelajarannya ke East Tennessee State University, Amerika Syarikat. Beliau kemudiannya menyambung pelajarannya ke peringkat Doktor Falsafah di University of Oklahoma, Amerika Syarikat.

Semasa menuntut lagi, beliau telah memperoleh beberapa anugerah di atas kecemerlangannya dalam pelajaran. Antaranya ialah Cleo Cross International Scholarship Award dan University of Oklahoma Centre For Student Development Award.

Sesuai dengan profesion beliau sebagai seorang saintis, beliau kini menganggotai beberapa

buah pertubuhan berasaskan sains samaada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan. Antaranya ialah American Society For Microbiology, Medical Mycological Society of Americas, Oklahoma Academy of Science, New York Academy of Science, Malaysian Society of Parasitology & Tropical Medicine, Sigma XI (International Scientific Research Society dan University of



Dalam satu kempen pilihan raya bertemu masyarakat

Oklahoma Omega Chapter Phi Sigma.

Di bidang politik pula, beliau kini merupakan Pengerusi PGRM Cawangan Seksyen 16, Petaling Jaya, Pengerusi PGRM Bahagian Petaling Jaya Selatan, Naib Pengerusi PGRM Negeri Selangor dan Ahli Jawatankuasa Pusat PGRM Kebangsaan.



YB. Lim Thuang Seng dalam satu majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Parti Gerakan Selangor

Selaku wakil rakyat yang disegani, beliau turut juga menganggotai beberapa buah pertubuhan sosial. Antaranya ialah sebagai Penasihat Gerakan Belia Bersatu Malaysia Negeri Selangor, Ahli Lembaga Pengarah Sekolah Tinggi Heng Ee dan Sekolah Tinggi Tsun Jin, Pulau Pinang, Ahli Majlis MPPJ, Penasihat Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Petaling Jaya dan beberapa buah persatuan lain.

Sebagai seorang ahli sains, beliau turut terbabit dalam menulis dan menerbitkan buku dan jurnal mengenai perubatan dan sains. Hingga kini beliau telah menulis dan menerbitkan lebih 30 jurnal mengenai bidang tersebut.

Dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu, beliau telah berjaya merampas kerusi DUN Bukit

Gasing dari tangan DAP apabila berjaya menewaskan calon parti tersebut Chew Kuan Yau dengan majoriti 1,021 undi. Beliau memperoleh 11,771 undi berbanding lawannya yang mendapat 10,750 undi.

Kawasan DUN Bukit Gasing mempunyai 34,189 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 12.73%, Cina 74.28%, India 9.62% dan lain-lain kaum 3.37%.

YB. Lim Thuang Seng telahpun berumah tangga. Di waktu kelapangan selain minat menulis dan membaca, beliau turut mementi sukan golf, berenang dan badminton.



YB. TUAN AHMAD NAWAWI M. ZIN
AMS, PJK
ADUN N. 36 SUNGAI RENGAM

Politik bukanlah asing bagi YB. Ahmad Nawawi Dato' M. Zin ini kerana beliau dilahirkan dalam sebuah keluarga yang aktif berpolitik. Bapa dan ibunya, adalah dua nama besar dalam politik negeri Selangor. Arwah bapanya, Allahyarham Dato' M. Zin pernah menjadi wakil rakyat kawasan DUN Batu Tiga. Manakala ibunya, hingga kini masih aktif berpolitik mengetahui pergerakan Wanita UMNO di sebuah bahagian di Negeri Selangor. Bak kata pepatah "kemana tumpah kuah kalau tidak ke nasi". Pepatah tersebut amat tepat diberikan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Renggam, YB. Ahmad Nawawi. Beliau bolehlah diibaratkan menyambung kerjaya politik arwah bapanya. Bahkan adik beliau turut sama aktif di dalam UMNO mengetahui Pergerakan Pemuda Bahagian Klang.

Dilahirkan pada 22 Mac 1962 di Pelabuhan Klang, Selangor. Telah menunjukkan kepintaran dalam pelajaran sejak masih menuntut di Sekolah Menengah Dato' Hamzah, Klang sehingga melanjutkan belajarnya ke

California State University, Sacramento, Amerika Syarikat. Beliau lulus dengan membawa pulang segulung Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan pengkhususan dalam bidang perakaunan.

Sekembalinya beliau ke tanah air, beliau terus terlibat dalam perniagaan milik keluarga di samping turut berjinak-jinak dengan politik. Ternyata usaha beliau tidak sia-sia apabila beliau dilantik menjadi Ketua Penerangan UMNO, Cawangan Sri Idaman, Klang. Dengan latar belakang beliau sebagai seorang akauntan, beliau telah dilantik pula menjawat jawatan sebagai Bendahari Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam. Nyata aset yang ada



Melawat gerai sempena pilihan raya

kepada beliau sebagai anak bekas ahli politik yang disegani, peningkatan beliau dalam politik tidak mengambil masa yang lama. Beliau terpilih mengetuai Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam sehinggalah kini.

Di samping itu, beliau juga merupakan Pengerusi Majlis Ekonomi, Pergerakan Pemuda UMNO Selangor. Sebagai wakil rakyat muda, beliau turut mendapat kepercayaan pucuk pimpinan negeri dengan dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Tetap Belia dan Sukan Negeri Selangor.

Dalam pertubuhan sosial, beliau kini adalah Pengerusi Silat Lincah Malaysia, Cawangan Shah Alam dan sebagai Ahli Jawatankuasa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Cawangan Selangor.

Pada tahun 1999, telah mendapat kepercayaan pucuk pimpinan tertinggi UMNO bertanding dalam pilihan raya umum buat kali pertama. Beliau menentang calon PAS Omar Hashim. Beliau berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti 2,889 undi. Memperoleh 14,898 undi berbanding lawannya yang mendapat 12,009 undi.

DUN Sungai Renggam terletak didalam kawasan Parlimen Shah Alam dengan pengundi berdaftar ialah seramai 35,718 orang. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 59.15%, Cina 22.05%, India 18.71% dan lain-lain kaum 0.09%.

Menyentuh mengenai wawasan beliau terhadap kawasan yang diwakilinya, YB. Ahmad Nawawi menjelaskan: **"Saya ingin lihat agar nasib rakyat dalam kawasan saya ini dapat dibela terutamanya golongan yang tidak bernasib baik. Juga saya ingin menjalankan tugas yang diamanahkan ini dengan sebaik mungkin agar Barisan**

Nasional akan terus kekal berkuasa, insyaallah".

Kawasan DUN Sungai Renggam bolehlah dikatakan kawasan yang pembangunannya agak terancang. Masalah pembangunan bukanlah satu masalah yang terdesak. Namun demikian, banyak kemudahan prasarana seperti longkang jalan yang harus diperbaiki bagi menampung masalah banjir dalam jangka pendek terutamanya di kawasan tradisi dan setinggan.

YB. Ahmad Nawawi telah mendirikan rumah tangga dengan Puan Pon bt. Ishak dan telah dikurniakan dengan empat orang cahayamata.



Sedang menyampaikan ang pow kepada masyarakat Cina



Keluarga bahagia YB. Ahmad Nawawi M. Tin



YB. PUAN KAMALA GANAPATHY
PPT
ADUN N. 37 KOTA RAJA

Sebelum menjadi Yang Berhormat wajahnya sering kali muncul di udara. Sebagai juruhebah di RTM, beliau merupakan satu-satunya juruhebah bukan Melayu yang terlibat dalam bidang tersebut. Memulakan kerjaya beliau sebagai juruhebah pada tahun 1971 hingga 1981 sebelum berhenti dan mula bertugas semula pada tahun 1991. Bagi menumpukan sepenuh masanya dalam arena politik, beliau akhirnya menamatkan perkhidmatan dalam kerajaan pada tahun 1995 secara pilihan.

Dilahirkan pada 28 September 1948 di Pahang. Telah menjadi ahli MIC sejak tahun 1986 lagi tetapi mula aktif sejak tahun 1994 apabila dilantik menjadi Ketua Wanita MIC Bahagian Petaling Jaya Utara. Jawatan itu masih lagi dipegang sehingga kini di samping memegang jawatan sebagai Setiausaha Wanita MIC Negeri Selangor. Di peringkat pusat beliau kini adalah Ahli EXCO Wanita MIC Kebangsaan merangkap



Seorang pemimpin yang peramah dan prihatin dengan setiap masalah rakyat

Ketua Biro Penerangan Wanita MIC Kebangsaan.

Penglibatan beliau dalam politik berasaskan kepada minat yang mendalam untuk melibatkan diri dengan aktiviti masyarakat. Lebih-lebih lagi sewaktu bertugas di RTM beliau suka terlibat dengan pelbagai majlis yang memberi peluang kepadanya berdamping dengan orang ramai dari semua peringkat.

Beliau merupakan seorang daripada dua wakil rakyat wanita kaum India yang berjaya dalam pilihan raya umum 1999. Percubaan pertamanya



Melakukan lawatan ke hospital

bertanding dalam pilihan raya membuahkan hasil apabila beliau berjaya menewaskan calon PAS Khalid Abdul Samad dengan majoriti 2,325 undi. Beliau memperoleh undi sebanyak 12,686 berbanding lawannya yang mendapat 10,361 undi.

Beliau menganggap kejayaan beliau itu merupakan satu kenangan yang paling manis sepanjang penglibatannya dalam politik. Ini ditambahkan lagi pencalonannya sebagai calon wanita MIC yang pertama bagi peringkat negeri untuk merebut kerusi DUN memang tidak disangka sama sekali. Bagi beliau ini merupakan satu penghormatan bagi kaum wanita.

YB. Kamala dikenali sebagai pemimpin yang mudah mesra, komited dari segi kerja, prihatin dengan setiap masalah rakyat dan berwawasan. Bergaul dengan masyarakat bukanlah asing bagi beliau kerana tugas beliau sebelum ini sebagai juruhebah sedikit sebanyak mengajar beliau cara-cara bergaul dengan masyarakat. Ini banyak membantu beliau dalam menjalankan tugas-tugas

seharian. Tidak hairanlah, pejabat beliau yang dibuka kepada orang ramai pada setiap hari Rabu dan Jumaat sentiasa penuh dengan orang ramai yang mahu meminta bantuan beliau. Beliau kadang kala melayan pelbagai aduan daripada orang ramai sehingga jam 11.00 malam.

Menurut YB. Kamala, usaha pertama yang akan beliau lakukan ialah menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasannya. Beliau akan melawat di setiap kawasan dan melihat apa masalah yang dihadapi oleh mereka serta akan cuba sedaya upaya akan menyelesaikannya.

Beliau juga mempunyai agenda bagi kaum wanita iaitu memperjuangkan nasib kaum wanita yang masih lagi terpinggir lebih-lebih lagi nasib ibu tunggal. Beliau akan menyediakan sebuah tempat yang menyediakan kemudahan menjahit agar suri rumah boleh menjadikan tempat tersebut sebagai sumber mata pencarian.



Dalam satu program gotong-royong



Mendengar rintihan mangsa kebakaran

YB. Kamala juga berhasrat untuk menubuhkan satu pusat perkhidmatan yang mampu menyediakan tempat bagi kaum wanita membuat aduan atau menerima bantuan dari segi kebajikan, pendidikan anak-anak dan sebagainya.

YB. telahpun mendirikan rumah tangga dengan Encik S. Ganapathy, Setiausaha Akhbar Menteri Kerjaraya Dato' Seri S. Samy Vellu dan mempunyai empat orang anak, tiga perempuan dan seorang anak lelaki.



Sedang menyampaikan bantuan Hari Raya kepada rakyat kurang bernasib baik di DUN Kota Raja



YB. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI MD. DEROS
DSSA, KMN, PJK, JP
ADUN N. 40 SELAT KLANG

YB. Dato' Haji Zakaria Haji Md. Deros, baru pertama kali terpilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Selat Klang menggantikan Dato' Seri Hj. Onn Ismail dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Beliau bukanlah baru dalam politik bahkan telah lama berkecimpung dalam politik UMNO sejak tahun 1967 lagi. Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan pemimpin-pemimpin di peringkat negeri mahupun nasional. Ini disebabkan oleh sifatnya yang mudah mesra, tidak kira dengan sesiapa sahaja. Mungkin sejarah hidup beliau yang bermula dari bawah menjadikan beliau mempunyai sifat sedemikian.

Dilahirkan pada 28 September 1946 di Kuala Sungai Baru, Melaka. Mula mendapat pendidikan peringkat rendah di Sekolah Kebangsaan Kuala Sungai Baru, Alor Gajah, Melaka. Beliau kemudiannya meneruskan persekolahan di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Baru, Masjid Tanah, Melaka sehingga ke tingkatan tiga sebelum meneruskan pelajarannya di Sekolah Menengah Persendirian Institute Tong, Telok Gadong sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Jawatan pertama yang disandang oleh beliau ialah sebagai peon dengan Keretapi Tanah Melayu ketika berusia 18 tahun iaitu pada tahun 1964. Pada tahun 1969, beliau menceburkan diri secara langsung dalam perniagaan dengan menubuhkan

Syarikat Muara View Seafood Restaurant Sdn.Bhd. dan pada masa yang sama beliau turut mengendalikan Rumah Rehat Klang. Beliau seterusnya menubuhkan Syarikat Awaza Sdn. Bhd. yang mengendalikan beberapa urusan perniagaan dengan Lembaga Pelabuhan Klang. Pada tahun 1981, beliau menubuhkan pula Syarikat Maenta Sdn. Bhd. yang terlibat dengan perniagaan pembinaan. Beliau turut terlibat dalam penubuhan beberapa buah syarikat lain seperti Masmanis



Meraikan kemenangan dalam pilihan raya umum 1999 bersama penyokong

Sdn.Bhd., Pertama Ehsan Sdn. Bhd. dan Yuntad Sdn. Bhd. yang terlibat dengan pelbagai bidang perniagaan.

YB. Hj Dato' Zakaria Hj Md. Deros mula menjadi ahli UMNO sejak tahun 1967 dan mula bergerak aktif pada tahun 1974 dengan memegang jawatan sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO Cawangan Pelabuhan Klang sehingga 1975. Pada tahun 1976, beliau meningkat setapak lagi dengan menjadi Ketua Pemuda UMNO Cawangan sehingga 1985. Di peringkat bahagian, beliau merupakan Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pelabuhan Klang merangkap Ahli Jawatankuasa Bahagian dari tahun 1983 hingga 1985.

Selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya, beliau telah bertanding kerusi Ketua UMNO Bahagian Klang pada tahun 1985 dan menang. Jawatan ini disandang sehingga 1987. Dalam pemilihan 1987, beliau sekali lagi berjaya mempertahankan jawatannya dengan mengalahkan dua orang pencabar. Jawatan ini terus disandang sehinggalah UMNO diharamkan pada tahun 1988. Dalam pemilihan tahun 1989, beliau menang tanpa

bertanding sebagai Ketua UMNO Bahagian Klang.

Pada pemilihan tahun 1998, pada mulanya beliau kalah sebanyak empat undi di tangan Adnan Zakaria. Tetapi apabila pemilihan dibuat semula beliau menang dengan kelebihan 71 undi. Kini beliau masih merupakan Ketua UMNO Bahagian Klang. Di peringkat negeri, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor sejak tahun 1985 hingga kini.

Sebagai pemimpin yang dihormati dan disegani, beliau turut aktif memegang beberapa jawatan dalam pelbagai pertubuhan badan kerajaan dan sosial. Antaranya ialah beliau merupakan Ahli Majlis Perbandaran Klang sejak dari tahun 1982 hingga kini. Beliau turut memegang beberapa jawatan antaranya menjadi Pengerusi Seni Silat Lintau dari tahun 1974 hingga 1985, Penasihat Persatuan Kompang Bahagian Klang dari tahun 1985 hingga kini, AJK Gerakan Belia 4B Daerah Klang dari tahun 1974 hingga 1985 dan AJK Dewan Perniagaan Melayu Selangor dari tahun 1980 hingga 1986.



Bersama-sama menaikkan bendera UMNO

Sebagai mengiktiraf jasa dan sumbangan beliau kepada Negeri Selangor dan negara, beliau telah dilantik menjadi Ahli Dewan Negara (Senator) selama dua penggal iaitu dari Ogos 1991 hinggalah Julai 1998. Beliau turut dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tanah PKNS pada tahun 1998 hingga kini di samping dilantik menjadi pelbagai Anak Syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor.

YB. Dato' Haji Zakaria Hj Md. Deros mula terpilih sebagai calon Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu bagi kawasan DUN Selat Klang. Beliau menggantikan Dato' Seri Onn Ismail. Dalam pertandingan tersebut, beliau menentang calon PAS Dr. Ahmad Supian dan menang dengan majoriti 2,698 undi. Beliau memperoleh 9,970 undi berbanding lawannya yang mendapat 7,272 undi.

DUN Selat Klang mempunyai 24,751 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan komposisi kaum, kaum Melayu 59.98%, Cina 30.6%, India 9.32% dan lain-lain kaum 0.09%.

YB. Dato' Hj Zakaria Hj Md. Deros mempunyai di DUN Selat Klang. Beliau telah banyak menghulurkan bantuan sama ada tenaga, wang ringgit dan buah fikiran samaada sebelum dan semasa menjadi wakil rakyat. bantuan yang dihulurkan adalah menyeluruh tanpa mengira kaum, keturunan, agama mahupun fahaman politik. dalam banyak kejadian seperti kebakaran, banjir dan kemalangan, beliau sendiri menghadirkan diri di tempat kejadian dengan menghulurkan bantuan kepada mangsa.

Dalam Dewan Undangan Negeri Selangor, YB. Dato' Zakaria dikenali sebagai ADUN yang proaktif. Beliau dilihat dapat menyeimbangi pengaruh Ahli Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri. Tidak hairanlah beliau cukup disegani oleh rakan dan lawan.

Telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajjah Zizah Bt. Ngah, anak kelahiran Negeri Sembilan. Isteri beliau turut aktif dalam politik dengan memegang jawatan sebagai AJK Wanita UMNO Bahagian Klang sehingga kini. Hasil dari perkahwinan mereka, telah dikurniakan dengan sebelas orang cahayamata iaitu Zamani, Zaidi, Zanariah, Zainuri, Zuraidah, Zulhisham, Zarina, Zainulliza, Zaremah, Zulaikha Nurain dan Zaidil Sitri. Ada anak-anak beliau yang berjaya dalam pelajaran sehingga menuntut di luar negara bahkan ada yang turut terlibat secara aktif dalam politik.



Keluarga besar yang bahagia

*Dengan ingatan tulus ikhlas
daripada*

PERMODALAN
NEGERI SELANGOR BERHAD



Tingkat 25, Wisma MPSA
Persiaran Perbandaran
40675, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
TEL: 03-5507105/233/234 FAKS: 03-5507232



YB. DATO' DR. HASSAN HAJI MOHD ALI
DIMP, SMS
ADUN N. 6 SUNGAI BURUNG

Dilahirkan pada 28 November 1947 di Klang, Selangor. Mendapat pendidikan tinggi dari Universiti Malaya sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana di University of Pittsburg, USA dan seterusnya memperoleh Ijazah PhD daripada University of Wisconsin, USA dalam bidang Perancangan dan Pembangunan Bandar.

Memulakan kerjaya beliau dalam perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Menjawat jawatan sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri dari tahun 1971 hingga 1973. Kemudian beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Selangor dari tahun 1973 hingga 1975. Beliau dilantik semula bertugas di Kementerian Tanah dan Galian sebagai Ketua Penolong Setiausaha selama setahun sehingga 1976.

Sebaik sahaja beliau lulus Ijazah Sarjana beliau menjawat pula jawatan sebagai Ketua Pusat, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dari tahun 1978 hingga 1981. Pada tahun 1981, beliau menyambung pelajaran beliau di peringkat kedoktoran sehingga tahun 1984. Sebaik sahaja tamat, beliau dilantik pula menjadi Pengarah Unit Perancang Am, Jabatan Perdana Menteri dari 1984 hingga 1985. Pada tahun 1985, dilantik pula menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah Biro Tata Negara (BTN) sehingga 1987. Jawatan terakhir beliau dalam kerajaan ialah sebagai Timbalan Ketua Pengarah Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah

meninggalkan perkhidmatan kerajaan pada tahun 1988 setelah berkhidmat dengan kerajaan selama hampir 20 tahun. Kini di samping tugas beliau sebagai seorang ahli politik sepenuh masa beliau juga merupakan Pengerusi Eksekutif Sabha Group Sdn. Bhd dan Pengarah Akademi Keluarga Bahagia (Akrab) dan Institut Pembangunan Kemanusiaan Malaysia (Inpek).

Dikenali sebagai pakar motivasi yang terulung dengan menjadi pelopor kepada program *Summertime* dan smart learning disamping menjadi pelopor pendidikan keibubapaan dan menerajui pengendalian latihan warga korporat.

Dalam politik, beliau kini merupakan AJK PAS Pusat bagi sesi 1999 – 2001. Beliau juga diamanahkan menjadi Timbalan Pengerusi Lajnah Penerangan PAS Pusat, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan PAS Pusat, Ahli Jawatankuasa Pusat Penyelidikan PAS Pusat, Timbalan Pengerusi PAS Negeri Selangor, Ahli Jawatankuasa Lajnah Politik dan Organisasi PAS Selangor, Ahli Jawatankuasa Lajnah Kebajikan PAS Pusat dan Ahli Jawatankuasa PAS Kawasan Tanjung Karang.

Mula terpilih sebagai calon dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu bertanding di kawasan DUN Sungai Burung. Beliau menentang Dato' Aini Taib dan menang dengan majoriti 91 undi.

DUN Sungai Burung mempunyai pengundi berdaftar seramai 15,577 orang. Mengikut pecahan kaum, kaum Melayu 87.45%, Cina 11.08%, India 1.44% dan lain-lain 0.03%.



YB. DATO' ISMAIL BIN KAMUS
DSSA
ADUN N. 17 GOMBAK SETIA

YB. Ustaz Ismail bin Kamus dikenali sebagai penceramah bebas sebelum menyertai politik secara serius. Amat dikenali dalam dan di luar negara sebagai pendakwah yang aktif.

Beliau dilahirkan pada 2 Disember 1948 di Kampung Batang Rening, Rasa, Hulu Selangor. Sebaik sahaja menamatkan pelajaran di peringkat rendah, beliau kemudiannya menyambung pelajarannya ke sekolah Arab, Batang Kali selama enam tahun. Kemudian beliau menyambung pula pelajaran agamanya ke Maahad Hisyamuddin, Kelang di samping berguru dengan seorang tokoh ulama pada ketika itu, Allahyarham Al-Sheikh Mahmood Al-Arif Al-Bukhari. Beliau kemudiannya menyambung pelajarannya ke Kolej Islam Kelang sebelum berjaya menjejaskan kakinya ke menara gading iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda Syariah (Kepujian) pada tahun 1976.

Pernah menjawat jawatan sebagai guru agama di beberapa buah sekolah sebelum menjadi Pegawai Penyelidik dan Pegawai Dakwah selain bertugas selama hampir 15 tahun di pelbagai Jabatan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Pusat Islam Kuala Lumpur. Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar Bahasa Arab di INTAN selama enam tahun. Beliau bersara secara pilihan dari BAHEIS,

Pusat Islam dengan jawatan terakhir beliau sebagai Pakar Rujuk.

Selepas bersara, beliau menjadi pendakwah bebas dengan berceramah di serata dunia termasuk Singapura, Indonesia, Brunei, United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara Timur Tengah.

Beliau terlibat secara aktif dalam politik pada sekitar tahun 1998 dengan banyak memberi ceramah-ceramah politik di seluruh negara. Beliau kini merupakan Ahli Jawatankuasa PAS Pusat di samping memegang beberapa jawatan penting parti sama ada di peringkat pusat mahupun negeri.

Bertanding buat pertama kali pada pilihan raya umum 1999 di kawasan DUN Gombak Setia. Beliau menentang calon BN / UMNO Abdul Ghani Yatim dan menang dengan majoriti 953 undi. Memperoleh 11,821 undi berbanding lawannya yang memperoleh 10,868 undi.

Kawasan DUN Gombak Setia terletak di kawasan Parlimen Gombak. Mempunyai pengundi berdaftar seramai 30,059 orang pengundi. Mengikut pecahan komposisi kaum, Melayu 79.12%, Cina 14.02%, India 6.68% dan lain-lain kaum 0.18%.



**YB. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI
ADUN N. 3 SUNGAI BESAR**

Seorang tokoh muda dalam heraki kepimpinan Parti PAS sama ada di peringkat kawasan, negeri mahupun pusat. Beliau kini merupakan Ketua Pemuda PAS Kawasan merangkap Ketua Penerangan PAS Kawasan.

Terpilih bertanding dalam pilihan raya umum 1999 buat pertama kalinya menentang calon BN/UMNO Dato' Ramli Noraini. Beliau berjaya menewaskan lawannya dengan majoriti 156 undi. Memperoleh 4,666 undi berbanding lawannya yang mendapat 4,510 undi. Dilihat satu kejayaan besar kepada beliau walaupun dengan majoriti kecil kerana lawan beliau Dato' Ramli Noraini iaitu penyandang jawatan bukanlah calang-calang dalam politik negeri Selangor.

Kawasan DUN Sungai Besar terletak dalam kawasan Parlimen Tanjung Karang. Mempunyai pengundi berdaftar seramai 13,343 orang pengundi. Pecahan mengikut kaum ialah Melayu 75.85%, Cina 22.03%, India 2.09% dan lain-lain kaum 0.03%.

Dilahirkan pada 3 Jun 1967 di Batu 4, Kg. Pancang Bedena, Sungai Besar. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengajian Al-Quran As-Sunnah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. Kini beliau juga sedang mengikuti pengajian di peringkat Sarjana Bahasa Moden di Universiti Malaya. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai seorang guru Bahasa Arab di beberapa buah sekolah. Sekolah terakhir yang beliau bertugas sebelum terpilih menjadi Yang Berhormat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar, Selangor.

Sewaktu bertugas sebagai guru, beliau sering kali memberi kuliah agama di sekitar pejabat-pejabat kerajaan, masjid dan surau. Beliau juga merupakan Nazir Masjid Pancang Bedena.

YB. Tuan Sallehen bin Mukhyi telahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Wan Rushdah bt. Wan Hassan dan mempunyai seorang cahayamata lelaki Muhammad Syamil.



YB. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
ADUN N. 23 KAJANG

YB. Dr. Shafie Abu Bakar merupakan bekas Pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum terpilih sebagai wakil rakyat dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Dalam pilihan raya tersebut, beliau berjaya menewaskan calon BN / MCA Choong Tow Chong dengan kelebihan undi sebanyak 37. Memperoleh 10,992 undi berbanding lawannya 10,885 undi.

Mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu sehingga lulus Sijil Thanawi (9). Beliau kemudiannya menyambung pelajarannya ke Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga lulus Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Kelas 1 pada tahun 1974. Beliau kemudiannya mengambil Diploma Pendidikan pada tahun 1975. Kemudiannya, beliau lulus ijazah Sarjana pada tahun 1977 dan Doktor Falsafah pada tahun 1991 dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Memulakan kerjaya beliau sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Agama, Kuala Terengganu dari tahun 1962 hingga 1970. Kemudian, beliau menjadi tenaga pengajar di IBKKM, UKM sebelum menjadi Pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu UKM dari tahun 1976 hingga 1992. Beliau kemudiannya dilantik menjawat jawatan sebagai Profesor Madya di jabatan yang sama dari tahun 1993 hingga 1999 dan pada masa yang sama beliau juga menjadi Penyelaras Pengajian Siswazah di jabatan yang sama.

Melibatkan diri dalam politik PAS atas sokongan dan desakan dari rakan-rakan beliau sehingga meletakkan jawatan sebagai pensyarah bagi membolehkan beliau bertanding dalam pilihan raya. Kini beliau merupakan Pengerusi PAS Cawangan Kariah Al-Umm di beliau juga merupakan pengasas PAS Cawangan Kariah Al-Umm. Beliau juga turut dilantik sebagai Pengarah Lembaga Khas Bagi Penubuhan IPT PAS.

Kawasan DUN Kajang mempunyai 29,360 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, Melayu 54.12%, Cina 33.6%, India 12.02% dan lain-lain kaum 0.1%.

YB. Dr. Shafie Abu Bakar telahpun berkeluarga.



YB. TUAN TENG CHANG KHIM
ADUN N. 41 BANDAR KLANG

Dikenali sebagai wakil rakyat yang begitu lantang memperjuangkan pelbagai isu di setiap kali persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor. Sesuai dengan peranan beliau sebagai wakil rakyat DAP, beliau kerap kali bertegang leher dengan wakil rakyat parti pemerintah. Beliau seringkali menjadi perhatian pada setiap kali persidangan DUN kerana keberanian dan kepetahan beliau berujah.

Dilahirkan pada 2 Jun 1963. Seorang lulusan bidang undang-undang daripada universiti luar negara ini, dalam usia yang muda lagi telah mendapat kepercayaan dari pimpinan Parti DAP bertanding buat pertama kali dalam pilihan raya umum 1995 di kawasan DUN Bukit Gasing. Dalam pertandingan tersebut beliau telah berjaya menewaskan calon Barisan Nasional dengan majoriti 1,290 undi.

Dalam pilihan raya umum 1999, beliau berubah kawasan bertanding pula di DUN Bandar Klang menentang calon BN Tan Chee Keong dan calon MDP Chua Kow Eng. Beliau sekali lagi berjaya menewaskan lawan-lawannya dengan majoriti 420 undi. Beliau memperoleh 12,615 undi berbanding lawan-lawannya yang masing-masing mendapat 12,195 undi dan 599 undi.

Dalam Parti DAP, beliau kini merupakan Ketua Pemuda Sosialis DAP Kebangsaan, Pengarah Pendidikan Politik DAP Kebangsaan dan Setiausaha DAP Negeri Selangor.



YB. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
ADUN N. 18 HULU KLANG

YB. Mohamed Azmin Ali, ADUN Hulu Klang ini dilahirkan di Singapura. Kini berusia 37 tahun. Mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Kebangsaan Jalan Gurney sebelum menyambung pelajaran menengahnya di Sekolah Menengah Tinggi Setapak. Kemudian, beliau meneruskan pendidikan menengahnya dalam bidang teknikal di Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur sehingga berjaya melanjutkan pelajarannya ke luar negara di University of Minnesota dalam bidang Matematik dan Ekonomi. Beliau juga berjaya memperoleh Ijazah dalam bidang Pentadbiran dan Pengurusan Politik dari University Oxford dalam tahun 1997.

Sekembalinya beliau ke tanah air, beliau berkhidmat dengan bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Setiausaha Sulit sehinggalah pada tahun 1998.

Beliau merupakan bekas ahli UMNO Bahagian Gombak sebelum menyertai Parti Keadilan Nasional. Kini beliau merupakan Ketua Perhubungan Parti Keadilan Nasional Negeri Selangor merangkap Ketua Keadilan Bahagian Gombak sejak tahun 1999. Beliau juga turut memegang beberapa jawatan penting dalam Parti Keadilan Nasional seperti Pengarah Pilihan Raya.

Baru pertama kali terpilih sebagai wakil rakyat setelah berjaya dalam pilihan raya umum 1999 yang lalu. Dalam pilihan raya tersebut, beliau berjaya menewaskan Dato' Fuad Hassan yang juga pada ketika itu Ahli Exco Kerajaan Negeri dengan majoriti 1,146 undi. Beliau memperoleh 9,185 undi berbanding lawannya yang mendapat 8,039 undi.

Kawasan DUN Hulu Klang mempunyai seramai 22,694 orang pengundi berdaftar. Mengikut pecahan kaum, Melayu 82.23%, Cina 15.09%, India 2.63% dan lain-lain kaum 0.05%.

Dikenali sebagai ahli politik yang lantang bersuara sama ada dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor mahupun sewaktu berceramah di luar. Beliau juga dikenali sebagai wakil rakyat yang prihatin terhadap setiap masalah rakyat di kawasannya.

YB. Azmin Ali sudahpun mendirikan rumah tangga dengan Puan Shamsidar Taharin dan mempunyai lima orang cahayamata.

*Dengan ingatan tulus ikhlas
daripada*

Abdul Halim Abdullah

ABDUL HALIM ENTERPRISE

Gerai PLB, No.1, RMKR, Kg. Pasir Baru,
43500 Semenyih,

Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-8723 0382, H/P : 010-366 0983

(Sub-Contraktor, Pembersihan Kawasan, Pematongan Rumput, Mencuci
Bangunan, Rekreasi Memancing, Agen Tenaga Buruh, Pembekal
Hasil Pertanian dan Perikanan, Pembekal Makanan
Basah dan Kering)

WARTA SENI SDN. BHD. (471924 - H)

WARTA SENI

AKHBAR BUDAYA NEGARA

*SEKALUNG TAHNIAH TERHADAP BUKU
WAJAH, AMANAH & WAWASAN*

Daripada seluruh kakitangan dan ahli lembaga pengarah

*Dengan ingatan tulus ikhlas
daripada*

MAJPADU BRICKS SDN. BHD.

(404247-V)

LOT 3320, JALAN KEM BUMI JATI,

BATU 7, JALAN KEBUN,

42450 KLANG, SELANGOR D. E.

TEL /FAKS: 03-51616692

HELLO YB ! - Panduan Telefon Pejabat ADUN

YB. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo
Pejabat Menteri Besar
Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55141119, 5447013
Faks: 03-5519 0032

YB. Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad
Pejabat Timbalan Menteri Besar
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 4073
Faks : 03-5519 3328

YB. Dato' Tang See Hang
Pejabat EXCO,
Tingkat 17, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 4361, 544 7104
Faks : 03-5505829

YB. Dato' Ch'ng Toh Eng
Pejabat EXCO,
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 4284
Faks : 03-5519 3329

YB. Dato' Abdul Fatah bin Iskandar
Pejabat EXCO
Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 4487
Faks : 03-5519 3337

YB. Dato' K. Sivalingam
Pejabat EXCO,
Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 4866
Faks : 03-5519 3335

YB. Dato' Haji Mohd Shariff bin Jajang
Pejabat EXCO,
Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5512 3618
Faks : 03-550 6678

YB. Dato' Hj Mohd Mokhtar bin Ahmad Dahalan
Pejabat EXCO,
Tingkat 12, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 2167
Faks : 03-5510 7308

YB. Dato' Norkhaila bt. Jamaluddin
Pejabat EXCO,
Tingkat 1, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 4282
Faks : 03-5519 3328

YB. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad
Pejabat EXCO,
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz
Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 4346
Faks : 03-5519 3304

HELLO YB !

YB. Dato' Ir. Lum Weng Keong

Pejabat EXCO,
Tingkat 16, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-544 7131
Faks : 03-5519 4736

YB. Dato' Seri Hj Onn bin Hj Ismail

Pejabat Speaker
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah (SSAAS),
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5519 2475
Faks : 03-5519 3302

YB. Dato' Salamon bin Selamat

Pejabat ADUN Batu Tiga
No. 24, Jalan Wau C 11/C
Seksyen 11
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 5245
Faks : 03-5519 2511

YB. Dato' Hj Mufti bin Shuib

Pejabat ADUN Ampang
No.100, Jalan Lembah Jaya
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-4295 6476
Faks : 03-4295 9278

YB. Dato' Ahmad Bhari bin Abdul Rahman

Pejabat ADUN Selayang Bharu,
No.12B, Jalan 2/6, Dataran Templer,
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-6136 8359
Faks : 03-6136 0536

YB. Dato' Hj Mad Aris bin Mad Yusof

Pejabat ADUN Pandan
No. 100, Jalan Lembah Jaya
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-4292 7677

YB. Dato' Teh Chang Ying

Pejabat ADUN Pelabuhan Klang
Bangunan MCA, Pelabuhan Klang,
Klang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-33711904

YB. Dato' Haji Abdul Rahman bin Palil

Pejabat ADUN Sementa
No. 69, Rumah PKNS, Batu 4, Jalan Kapar
42100 Klang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3911973
Faks : 03-3915651

YB. Dato' Abdul Samad bin Maharuddin

Pejabat ADUN Morib
No. 61, Jalan Baiduri 1, Taman Baiduri
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3187 4964
Faks : 03-3187 5068

YB. Dato' Haji Mohamad Satim bin Diman

Pejabat ADUN Serdang
No. 474, Jalan 18/5, Taman Sri Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8942 1252
Faks : 03-8948 3546

HELLO YB!

YB. Dato' Lee Hwa Beng

Pejabat ADUN Subang Jaya
201, Blok E, Kelana Parkview, 1, Jalan SS 6/2,
Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-705 4677
Faks : 03-732 7239

YB. Dato' Haji Zainal Abidin bin Sakom

Pejabat ADUN Batang Kali
Klinik Perkhidmatan Rakyat DUN 9,
44300 Batang Kali
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-6057 3243
Faks : 03-6057 4036

YB. Datin Paduka Hajjah Mesrah bt. Selamat

Pejabat ADUN Jeram
258A, Tingkat 1, Jalan Besar Sasaran,
45800 Jeram
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-874 7990
Faks : 03-874 7494

YB. Dato' Ismail bin Kijo

Pejabat ADUN Lembah Jaya
100, Jalan Lembah Jaya
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-4292 7677

YB. Dato' Jaei Hj Ismail

Pejabat ADUN Meru
171C, Taman Orkid, Pekan Meru
41050 Klang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3392 3553
Faks : 03-3392 3553

YB. Tuan Liew Chee Keong

Pejabat ADUN Sungai Pelek
No.20, Taman Dengkil
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-841 1293
Faks : 03-841 1293

YB. Dato' Chia Kim Lem

Pejabat ADUN Sekinchan
No. 1, Jalan Aman Jaya 2, Taman Aman Jaya
45400 Sekinchan
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-881 3637
Faks : 03-881 3637

YB. Dato' Seri Dr. Abu Hassan bin Omar

Pejabat ADUN Permatang
Bangunan UMNO Bahagian Kuala Selangor
Km1, Jalan Kelang
45000 Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-32891433

YB. Dato' Ei Kim Hock

Pejabat ADUN Banting
Tingkat 1, Bangunan UMNO, Lot 190
Jalan Sultan Abdul Samad
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3187 9313
Faks : 03-3187 9313

YB. Dato' Haji Mohd Khalilani bin Mangon

Pejabat ADUN Batu Laut
Kampung Batu Laut
42800 Tanjung Sepat
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-854 1006
Faks : 03-854 1006

HELLO YB !

YB. Dato' Liew Yuen Keong
Pejabat ADUN Seri Kembangan
Tingkat 4, Bangunan MCA Seri Kembangan
1260, Jalan SK 10/4
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8948 6466, 8942 5272
Faks : 03-8948 8611

YB. Dato' Hoh Hee Lee
Pejabat ADUN Balakong
Bangunan MCA, Jalan Indah 1/1
Taman Indah, Batu 11,
43200 Cheras
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-9074 2730
Faks : 03-9075 3548

YB. Tuan Mat Yasir bin Ikhsan
Pejabat ADUN Sungai Air Tawar
Simpang 4, BNO
45100 Sungai Air Tawar
Sabak Bernam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-883 7728
Faks : 03-883 7728

YB. Dato' Mohamed Idris bin Abu Bakar
Pejabat ADUN Hulu Bernam
45 RR,PKNS, Kalumpang
44100 Kerling
Hulu Selangor
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-6064 5625

YB. Tuan Ahmad Kuris bin Mohd Nor
Pejabat ADUN Beranang
Tingkat 1, Kompleks Penghulu Semenyih
43500 Semenyih
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8723 4093
Faks : 03-8723 4025

YB. Dato' Sulaiman bin Samat
Pejabat ADUN Paya Jaras
21-1A, Jalan 2/1A
Taman Kepong Indah, Kepong
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-62725991

YB. Dato' Zakaria bin Md. Deros
Pejabat ADUN Selat Kelang
Tingkat 1, Bangunan UMNO
Jalan Sentul, Km 5, Persiaran Raja Muda Musa
42000 Kelang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3165 7752
Faks : 03-3165 4122

YB. Tuan Lim Choon Kim
Pejabat ADUN Damansara Utama
No. 50, Jalan SS 2/66
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7873 0611
Faks : 03-7873 0549

YB. Tuan Dr. Wong Sai Hou
Pejabat ADUN Kg. Tunku
No.6, Jalan SS 3/33
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 6249
Faks : 03-7875 6249

YB. Tuan Jagarajah a/l Verasamy
Pejabat ADUN Sg. Tua
No. 11A, Wisma Keringat 2, Tingkat 1
Lorong Batu Caves 2
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-6187 8384
Faks : 03-6186 5249

HELLO YB !

YB. Tuan Ahmad Nawawi bin Dato' M. Zin

Pejabat ADUN Sungai Renggam
No.15B, Jalan Nelayan 19/A,
Seksyen 19,
40300 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55426707
Faks : 03-55413063

YB. Tuan Dr. Lim Thuang Seng

Pejabat ADUN Bukit Gasing
108A, Tingkat 1
Jalan 17/29
46400 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-79566603
Faks : 03-79566603

YB. Puan Kamala Ganapathy

Pejabat ADUN Kota Raja
No.6672, Jalan Dato' Mohd Sidin
off Jalan Jambatan Connaught
4100 Klang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-33743615
Faks : 03-33743625

YB. Dato' Dr. Hassan bin Mohamed Ali

MTD Sungai Burung
Dewan Darul Huda, Batu 10
Tanjung Karang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8794861
Faks : 03-8794861

YB. Dato' Ismail bin Kamus

Pejabat ADUN Gombak Seria
81A, Jalan SG 3/10
Taman Seri Gombak
68100 Gombak
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03- 61850272
Faks : 03-61850272

YB. Tuan Sallhen bin Mukhyi

Pejabat ADUN Sungai Besar
PT 1581, Tingkat 1
Medan Sungai Besar
45300 Sungai Besar
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-8848676
Faks : 03-8848676


YB. Tuan Mohamed Azmin bin Haji Ali

Pejabat ADUN Hulu Kelang
No.10, Tingkat Bawah, Jalan 4/4C
Desa Melawati
53100 Kuala Lumpur
Tel : 03-41079064
Faks : 03-41084981

YB. Tuan Teng Chang Khim

Pejabat ADUN Bandar Klang
Suite 2.3A, Tingkat 2, Wisma Southern
No.26-34, Jalan Dato' Hamzah
41000 Klang
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-33718067
Faks : 03-33734633

PETA KAWASAN DUN SELANGOR



AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

SELANGOR, 1999 - 2004



YAB. Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo
ADUN N. 4 Sungai Panjang



YB. Dato' Seri Haji Chin Ismail
Speaker DUN



YB. Dato' Dr. Zaitul Abidin Ahmad
ADUN N. 22 Dusun Tua



YB. Dato' Tang See Hang
ADUN N. 13 Rawang



YB. Dato' Ch'ng Toh Eng
ADUN N. 8 Kuala Kubu Bharu



YB. Dato' Abdul Fathil Iskandar
ADUN N. 43 Sijangang



YB. Dato' K Sivalingam
ADUN N. 11 Ipoh



YB. Dato' Hj. Mohd. Shariff Jajang
ADUN N. 47 Dengkil



YB. Dato' Mohd Mokhtar
Ahmad Dahlan
ADUN N. 35 Kelana Jaya



YB. Puan Norkhaira Jamaludin
ADUN N. 28 Taman Medan



YB. Dato' Raja Ideris Raja Ahmad
ADUN N. 2 Sabak



YB. Ir. Lum Weng Keong
ADUN N. 32 Bukit Jantan



YB. Dato' Salamon Selamat
ADUN N. 35 Batu Tiga



YB. Dato' Seri Dr. Abu Hassan Omar
ADUN N. 10 Permatang



YB. Dato' Hj. Mutti Shuib
ADUN N. 19 Ampang



YB. Dato' Ahmad Bhari' Abdul
Rahman
ADUN N. 14 Selatang Bharu



YB. Dato' Teh Chang Ying
ADUN N. 42 Pelabuhan Klang



YB. Dato' Abdul Rahman Pali
ADUN N. 39 Sementa



YB. Dato' Abdul Samad
Mahariddin
ADUN N. 45 Morib



YB. Dato' Mohd Satim Diman
ADUN N. 29 Puchong



YB. Dato' Mad Aris Md Yusof
ADUN N. 20 Pandan



YB. Dato' Lee Hwa Beng
ADUN N. 34 Subang Jaya



YB. Dato' Zaimal Abidin Sakom
ADUN N. 9 Batang Kali



YB. Datin Paduka Hjh. Mesrah
Selamat
ADUN N. 12 Jeram



YB. Dato' Ismail Kijo
ADUN N. 21 Lembah Jaya



YB. Dato' Jaefi Ismail
ADUN N. 38 Meru



YB. Dato' Chua Kim Lem
ADUN N. 5 Sekinchan



YB. Dato' Ee Kim Hock
ADUN N. 44 Telok Datok



YB. Dato' Haji Khailani Mangon
ADUN N. 46 Batu Laut



YB. Dato' Liew Yuen Keong
ADUN N. 30 Seri Kembangan



YB. Dato' Hoh Hee Lee
ADUN N. 31 Balakong



YB. Tuan Liew Chee Khong
ADUN N. 48 Sungai Pelek



YB Tuan Mat Yusr' Ikhsan
ADUN N. 1 Sungai Air Tawar



YB Dato' Sulaiman Samat
ADUN N. 15 Paya Jinas



YB Tuan V. Jagarasah
ADUN N. 16 Sungai Tua



YB Tuan Ahmad Kuris Mohd Noor
ADUN N. 24 Beranang



YB Tuan Lim Choon Kin
ADUN N. 25 Damansara Utara



YB Tuan Wong Sai Hou
ADUN N. 26 Kampung Tunku



YB Tuan Lim Thuang Seng
ADUN N. 27 Bukit Gasing



YB Tuan Ahmad Nawawi Dato'
M. Zin
ADUN N. 36 Sungai Renggam



YB Dato' Mohamad Idris Abu Bakar
ADUN N. 7 Hulu Bernam



YB Puan Kamala Ganapathy
ADUN N. 37 Kota Raja



YB Dato' Zakaria Md. Deros
ADUN N. 40 Selat Klang



YB. Dato' Dr. Hassan Ali
ADUN N. 6 Sungai Buring



YB. Dato' Ismail Kamus
ADUN N. 17 Gombak Setia



YB. Tuan Sallehen Mukhyi
ADUN N. 3 Sungai Besar



YB. Tuan Dr. Shafie Abu Bakar
ADUN N. 23 Kajang



YB. Tuan Teng Chang Khim
ADUN N. 41 Bandar Klang



YB. Tuan Mohamed Azmin Ali
ADUN N. 18 Hulu Klang

Setinggi Penghargaan

Pihak penerbit ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada YAB. Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Dato' Menteri Besar Selangor di atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan penerbitan buku ini. Juga kepada YB. Dato' Seri Haji Onn bin Haji Ismail, Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor. Pihak penerbit juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada Encik Mohd. Razhali bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Perhubungan Awam Negeri dan kakitangan-kakitangan Unit Perhubungan Awam Negeri di atas sokongan dan kerjasama yang tidak berbelah bagi bagi menjayakan penerbitan buku ini.

Juga penghargaan kepada:

AHLI-AHLI EXCO KERAJAAN NEGERI SELANGOR

AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

TIMBALAN-TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

PENGIKLAN-PENGIKLAN & PENYUMBANG-PENYUMBANG

KAKITANGAN-KAKITANGAN PEJABAT ADUN-ADUN

DAN MEREKA YANG TURUT MENJAYAKAN PENERBITAN BUKU INI

SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK SECARA LANGSUNG.

Sekapur Sirih

Salam hormat dan salam sejahtera dari kami yang telah menjayakan buku *Wajah, Amanah dan Wawasan* ini. Terima kasih juga kami ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan yang telah memberikan kerjasama padu dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada kami.

Sukacita dimaklumkan, bahawa penerbitan buku ini adalah sebagai menyahut hasrat **Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo** dalam menjayakan dasar kepimpinan '**Mesra Rakyat**'.

Proses penerbitan buku yang sama bagi negeri-negeri lain juga sedang dijalankan, bagi memberikan maklumat akan

peranan yang dimainkan oleh setiap Wakil Rakyat dalam memajukan negara.

Sebagai sebuah syarikat yang meletakkan matlamat utamanya menerbitkan lebih banyak bahan-bahan penerbitan yang bercorak infomatif dan direktori, Kami sentiasa mengalu-alukan sebarang pendapat dan cadangan dari pelbagai pihak.

Akhir kata, diharapkan sumbangan kecil ini dapat memberikan manafaat yang besar kepada semua pihak. Sekian.

Penerbit.

Amalan Nurani Sdn. Bhd

10 - 3B, Jalan Pandan 3/ 10,
Pandan Jaya, 55100 Kuala Lumpur.